

Jilid IV  
Bil.6



MALAYSIA

Hari Selasa  
6hb Mac, 1990

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 985]

**USUL:**

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Sbah—Y.B. Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh) [Ruangan 1081]

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG KEEMPAT**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHK BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I, DUK, S.S.D.K, S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang  
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar  
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.MJP., D.P.M.P.  
(Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S, SAMY VELLU, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RrHAUDEEN AL-HAJ  
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu),

Menteri Kerjaya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR  
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNJD, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.  
(Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG  
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.  
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kava Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin)
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAUU, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO\* DR Srn ZAHARAHBINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar),

Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, s.NU., A.M.N., P.I.S. (Senai).

Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.J». (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAJ-FREY (Silam).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD, Au, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Cik TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N, (Raub).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., I.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA Jui MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.J. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABUSAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P.D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAS, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GJLUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K (Gaya).

TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

DR GOH CHENG TEK (Nibong Tebal).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah),

TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN HU SEPANG (Rasah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALJ (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit),

TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (UIu Rajang).

DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., JP.  
(Tanjung Karang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN LAJNUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

TUAN LAW LAI HENG @GOH LAI HENG, P.I.S.,B.S.I.,K.M.N.,A.M.N.(Pontian).

„ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

„ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SENG (Kluang).

„ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.J.S., B.S.I. (Muar).  
TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).  
DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.I.M. (Balik Pulau).  
TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).  
TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).  
TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).  
TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Lamt).  
DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., **SSIJ**, S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BINDATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).  
TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).  
TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNKMAN BIN AfIDULLAH (Kimanis).  
TUANJOE OJIHI SUPIRING (Marudu).  
TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).  
DATUK JOSEPH PADUN KTINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph).  
DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).  
TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).  
DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).  
TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN TEOH TEK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIU SUNG SENG @ TIU SING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

TUAN TING LING Krew (Bintulu).

TUAN D. P. VUANDRAN (Kapar)

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD, SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).



## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozila binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 6hb Mac, 1990

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
perkerusikan Mesyuarat*)

(Soalan No.3 Y.B. Tuan Haji  
Abdul Rahman bin Bakar *tidak  
hadir*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SYARIKAT INSURANS**

**1. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah syarikat-syarikat insurans yang di-daftar di dalam dan luar negeri beroperasi di Malaysia dan berapa pula yang 'defunct' dan ditarik balik lesen perniagaan mereka dan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan berkaitan dengan soalan ini telahpun dibuat pada lhb Mac, 1990 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulang jawapan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang,

(Soalan No.2 Y.B. Tuan Lim Kit Siang *tidak hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**PASARAN KELAPA**

**4. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pertanian untuk harga dan pengeluaran serta pemasaran kelapa dan adakah Kementerian bercadang menubuhkan suatu Lembaga Khas yang bertanggungjawab sepenuhnya tentang kelapa termasuk kawalan, pengeluaran pemasaran harga dan lain-lainnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui FAMA telah mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki harga dan juga pasaran kelapa seperti berikut:

- (a) pembelian kelapa biji dengan harga pasaran semasa melalui pusat-pusat memproses kelapa FAMA di kawasan pengeluaran utama kelapa seperti di Rengit, Johor; Bagan Datoh, Perak; dan di Sabak Bernam dan Kuala Selangor di Selangor dan beberapa tempat lain juga; dan
- (b) FAMA juga membeli kelapa-kelapa kering daripada petani-petani dengan harga semasa. Langkah-langkah ini dapat menjamin petani-petani mendapat pasaran dan harga yang berpatutan.

Selain daripada itu, Kementerian juga dalam usahanya untuk meningkatkan harga pasaran kelapa biji melalui pengurangan penawaran kelapa, menggalakkan penggunaan kelapa muda melalui kempen minum air kelapa muda di samping menggalakkan penanam-penanam kelapa untuk menjalankan perusahaan berasaskan kelapa seperti pembuatan gula melaka. Kedua-dua aktiviti ini dapat mengurangkan penawaran kelapa biji (tua) di pasaran dan akan meningkatkan harga komoditi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan satu Lembaga Khas yang bertanggungjawab tentang pengeluaran dan pemasaran kelapa. Ini disebabkan pada masa ini agensi-agensi di bawah Kementerian dapat dan berupaya menjalankan kerja-kerja yang memuaskan untuk memberi khidmat nasihat di dalam pengeluaran dan pemasaran kelapa.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya walaupun beberapa galakan telah disyorkan oleh pihak Kementerian bagi menaikkan harga kelapa seperti yang dijelaskan tadi, tetapi hingga kini saya dapati bahawa harga kelapa ini berada di tahap yang sangat rendah sekali. Jadi, adakah cara lain yang boleh dilakukan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan harga kelapa ini sama seperti dalam tahun sebelum harga ini turun? Kalau dengan alasan yang diberikan tadi, saya belum nampak lagi harga kelapa boleh meningkat ke tahap yang boleh diharapkan oleh pekebun kecil.

Yang kedua, sekiranya tidak ada langkah-langkah yang positif bagi meningkatkan harga kelapa ini, adakah Kementerian bercadang supaya kebun-kebun kelapa yang ada ini dilukar ganti sahaja kepada tanaman yang lain seperti kelapa sawit dan sebagainya?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, harga kelapa ini tidak dapat kita berbuat banyak untuk menaikkan harganya kerana harga ini dipengaruhi oleh harga antarabangsa. Turun naik harga komoditi tersebut adalah dipengaruhi oleh bekalan dari negara-negara pengeluar dan permintaan daripada negara-negara pembeli dan keadaan ini sebenarnya tidak dapat berbuat banyak di dalam bidang ini untuk menaikkan harganya. Cuma kita dapat menolong pekebun-pekebun kecil kelapa dalam usaha FAMA untuk membeli biji kelapa tua dengan harga berpatutan. Itu sahaja.

Dan berkenaan dengan soalan kedua, pada masa ini memanglah kelapa bukan satu komoditi atau satu tanaman yang digalakkan oleh Kementerian di bawah Dasar Pertanian Malaysia. Jadi, Kementerian saya tidak juga menggalakkan penanaman kelapa di negara kita tetapi buat masa ini kita cubalah di satu-satu tempat untuk mempelbagaikan penanaman di kawasan-kawasan kelapa seperti menggalakkan tanaman koko dan juga short-term crops, jikalau boleh, pada masa keadaan yang sesuai dan juga menggalakkan penanaman short-term cash crops dan sebagainya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya lihat ada percanggahan pendapat di antara Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian. Yang Berhormat Menteri Pertanian habis-habisan kempen orang minum air kelapa muda, ada khasiat dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat katakan Kementerian tidak galakkan. Jadi, saya ingat perbuatan ini adalah perbuatan menipu rakyat iaitu tidak galakan satu, selepas itu kempen pula minum air kelapa yang mempunyai khasiat dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk keluaran satu kempen lagi iaitu supaya semua orang

tidak tanam kelapa sebab air kelapa muda sekarang tidak ada khasiat lagi?

Tuan Ong Tin Kim: Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya membantah sekeras-kerasnya perkataan yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi perkataan 'tipu' digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya hendak menjelaskan di Dewan yang mulia ini kempen yang kita lancarkan itu Kempen Minum Air Kelapa Muda, bukan kempen untuk menggalakkan menanam kelapa. Saya menyatakan tadi dalam jawapan saya iaitu Kementerian tidak menggalakkan penanaman kelapa dan ini sememangnya Kementerian saya tidak menggalakkan pada masa-masa mana juga kerana di bawah Dasar Pertanian Malaysia kita, kita tidak menggalakkan penanaman kelapa.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
(*Bangun*)

Tuan Ong Tin Kim: Bolehkah saya habiskan jawapan saya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kalau sudah duduk, mana boleh saya minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata kita tidak menggalakkan tanam kelapa. Kalau kelapa tidak digalakkan kita menanam, macam mana dapat minum air kelapa muda kalau semua sudah habis. (*Ketawa*)

Tuan Ong Tin Kim: Janganlah kelirukan isu-isu yang dibangkitkan. (*Ketawa*). Kita hendak mengempenkan untuk minum air kelapa muda kerana kita hendak mengurangkan beban dan cuba memperluaskan pasaran kelapa. Itulah maksud dan tujuan kempen minuman air kelapa, bukan untuk menggalakkan tanaman kelapa.

Dan soalan yang kedua itu, saya telah lupa. Bolehkah beri soalan yang kedua itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau itu maksud Yang Berhormat, saya ucapkan tahniah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak ada soalan kedua. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan.

(*Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir*)

### KAMPUNG-KAMPUNG BARU— PEMBANGUNAN

6. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang (a) akan dibelanjakan dan (b) telah dibelanjakan untuk pembangunan kampung-kampung baru serta nyatakan kampung-kampung baru tersebut;
- (b) sama ada benar atau tidak \$5 juta yang diperuntukkan untuk kampung-kampung baru adalah bagi tahun 1990 sahaja yang akan dikurangkan pada tahun depan sebaik sahaja pilihanraya umum dijalankan; dan
- (c) sama ada pihak Kerajaan akan menubuhkan satu tabung sebanyak \$1,500 juta untuk mengurangkan bilangan penduduk-penduduk kampung baru sebanyak 640,000 orang yang hidup di bawah paras kemiskinan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diperuntukkan sebanyak \$5 juta untuk tujuan pembangunan projek-projek kecil di kampung-kampung baru. Pengagihan peruntukan ini sedang dikenalpasti dan akan tertakluk

kepada kepe luan semasa dan setempat mengikut keutamaannya. Sukacita saya memaklumkan juga bahawa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pembangunan kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia di bawah Rancangan-rancangan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Rancangan Malaysia - \$12 juta  
Kedua
- (ii) Rancangan Malaysia - \$23.07 juta  
Ketiga
- (iii) Rancangan Malaysia - \$24.50 juta  
Keempat
- (iv) Rancangan Malaysia - \$8 juta  
Kelima sehingga  
tahun 1989

Perlu diingatkan bahawa jumlah peruntukan serta perbelanjaan yang disebutkan tidak termasuk bantuan daripada Kementerian-kementerian lain yang bersama-sama terlibat dalam memajukan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jumlah peruntukan pembangunan di bawah Rancangan-rancangan Malaysia melibatkan 452 buah kampung dan juga melibatkan tempoh yang panjang iaitu semenjak tahun 1971 maka masa yang ada dalam sesi soal-jawab tidak mengizinkan untuk memberi satu jawapan yang penuh. Namun demikian, rekod pemberian bantuan untuk setiap kampung baru ada diselenggarakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan boleh disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat bila-bila dikehendaki.

Bagi jawapan (b) adalah tidak benar bagi Ahli Yang Berhormat menyatakan jumlah peruntukan \$5 juta yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk kampung-kampung baru bagi tahun 1990 mempunyai apa-apa kaitan dengan Pilihanraya Umum.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan

apa-apa tabung bagi mengurangkan paras kemiskinan penduduk-penduduk kampung baru kerana strategi-strategi dan program-program Kerajaan untuk pembasmian kemiskinan pada keseluruhannya adalah mencukupi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kalau \$5 juta yang telah diperuntukkan untuk pembangunan kampung-kampung baru pada tahun ini bukanlah untuk hasrat publisiti Pilihanraya Umum, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah jumlah peruntukan yang akan diberi kepada pembangunan kampung-kampung baru pada tahun depan.

Dan memandangkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa berkempen di Kampar dua hari lalu bahawa banyak peruntukan yang dibcrikan kepada kampung-kampung baru telah disalahgunakan untuk tujuan yang lain seperti peruntukan yang dibcrikan untuk membina jalanraya digunakan untuk tujuan lain oleh Kerajaan Negeri berikut. Dan saya hendak bertanya berapa jumlah yang terlibat dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Kerajaan-kerajaan Negeri yang menyalahgunakan peruntukan tersebut.

Dan akhirnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini apakah jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk membantu penduduk-penduduk kampung baru sebanyak 640,000 yang hidup di bawah paras kemiskinan kerana pihak Kerajaan enggan melayani cadangan saya bahawa satu tabung sebanyak \$1,500 juta ditubuhkan untuk membantu jumlah orang yang begitu banyak ini hidup di bawah paras kemiskinan? Terima kasih.

**TuaD Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang ketiga, sepertimana yang saya telah menyalakan di dalam jawapan asal saya bahawa Kerajaan mempunyai strategi-strategi dan program-program yang Kerajaan yakin boleh mengatasi paras kemiskinan para penduduk-penduduk kampung baru, maka tidaklah perlu diadakan satu lagi tabung untuk tujuan ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang telah dibiayai untuk mengatasi masalah kemiskinan ini?

**Tuan Osu bin Haji Sukam;** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk kampung baru bagi mengatasi kemiskinan kerana Kerajaan bukan sahaja membclanjakan wang daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi juga membelanjakan wang daripada agensi-agensi lain dan juga Kementerian-kementerian yang lain. Jadi, untuk mendapatkan angka yang lengkap memang kita memerlukan masa.

Untuk jawapan kedua, peruntukan untuk menyelenggarakan jalan-jalan di kampung baru diberikan terus kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan jika sekiranya Kerajaan Negeri menyalahgunakan peruntukan ini maka saya percaya Kerajaan Negeri yang harus menerima risikonya daripada kampung-kampung baru itu sendiri kerana saya percaya Kerajaan Negeri mempunyai prioriti di dalam mengagih-agihkan peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan jalan-jalan di kampung-kampung baru.

Bagi peruntukan untuk tahun 1991

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, biar dia habiskan.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Bagi peruntukan untuk tahun 1991, Tuan Yang di-Pertua, kita belum lagi ada peruntukan berapa sebenarnya yang akan dibelanjakan oleh Kerajaan untuk kampung-kampung baru.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya sama ada apakah tindakan yang telah diambil terhadap Kerajaan Negeri yang menyalahgunakan wang yang telah ditctapkan untuk pembinaan jalanraya di kampung baru. Ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kccuali Yang Berhormat Menteri tipu. Kalau begitu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu dan di sini saya hendak satu penjelasan sama ada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tipu di luar Parlimen, tetapi di dalam Parlimen dia cakap lain. Cakap tidak serupa bikin!

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan memang Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyatakan bahawa ada peruntukan-peruntukan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi menyelenggarakan jalan-jalan di kampung-kampung baru telah digunakan untuk kegunaan lain. Mungkin Kerajaan Negeri itu sendiri yang mengetahui akan sebab-sebabnya. Jadi, tidaklah payah untuk saya menerangkan lebih jelas tentang keadaan ini.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Saroah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya

kepada pihak Kementerian sama ada pihak Kerajaan lelah membuat kajian terhadap kemiskinan di kampung-kampung tradisional dan kemiskinan di kawasan-kawasan kampung baru kerana sering dinyatakan di sini tetapi apabila kita melihat kawasan tradisional kampung Melayu lebih daif daripada kampung-kampung baru. Di sini saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat leniang kajian itu.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kajian menyeluruh telahpun dibuat dan saya percaya dasar iaitu ucapan Yang Amat Berhormat di dalam sesi yang sudah sewaktu membentangkan Pencapaian Rancangan Malaysia Kelima telah dinyatakan di mana 'booklet' telahpun disampaikan kepada semua AhU Yang Berhormat dan sudah tentu ternyata di situ akan tahap kemiskinan bukan sahaja di kampung-kampung baru malahan di kampung-kampung tradisional juga di seluruh negeri di dalam Malaysia. Jadi, saya tidaklah bertujuan untuk membuat tambahan daripada apa yang telah disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

## DASAR PERTUMBUHAN PENDUDUK

**7. Tuan Law Lai Heng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sehingga nâri ini sejauh manakah Dasar Pertumbuhan 70 juta penduduk dalam tahun 2100 itu berkesan ke arah pencapaian matlamatnya; dan
- (b) apakah tindakan yang bakal atau sedang diambil jika jumlah penduduk negara menjelang tahun 2100 itu melebihi matlamat yang ditetapkan mengikut aliran pertumbuhan sekarang.

Setiausaha **Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul)**; Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dasar 70 juta penduduk adalah satu dasar jangka panjang dan kita masih ada tempoh selama 110 tahun lagi untuk mencapai matlamat tersebut, Dengan itu, adalah terlalu awal untuk menilai keberkesanan dasar ini sekarang. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada pertumbuhan penduduk pada kadar 2.5 setahun bagi tempoh 1985 hingga 1990, bilangan penduduk dalam tahun 1990 dijangka mencapai seramai 18 juta orang. Perkembangan ini adalah sejajar dengan arah aliran ke arah pencapaian matlamat dasar tersebut.
- (b) Tahun 2100 masih jauh di hadapan. Oleh itu kita mempunyai masa panjang untuk merancang program-program pembangunan dan kebajikan keluarga untuk memastikan supaya matlamat dasar penduduk dapat dimanfaatkan bagi pembangunan negara.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disarankan oleh kepimpinan negara tujuan kita menambahkan penduduk ialah untuk memantapkan ekonomi negara supaya kekuatan pembeli dan juga pengguna akan dapat ditentukan. Soalan saya ialah kalau sekiranya matlamat kita ialah untuk memantapkan ekonomi sedangkan pertambahan penduduk nanti tidak membantu ke arah itu tetapi sebaliknya menambahkan kadar kemiskinan di negara kita, adakah negara ataupun Kerajaan akan meneruskan matlamat ini?

Yang keduanya, kalau dikaji dari segi kadar pertumbuhan penduduk, adakah tepat kalau kita katakan kita benar-benar menambah penduduk

kerana kalau kita kaji peratusan pertambahan dari tahun ke tahun, matlamat 70 juta bukanlah satu pertambahan, malah kalau dikira betul-betul ia adalah satu kekurangan pertambahan penduduk. Adakah pihak Kementerian meneliti perkara ini dan bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama memanglah asas kepada kepentingan 70 juta ini ialah untuk memantapkan ekonomi. Sudah pasti perancangan-perancangan Kerajaan bagi tahun-tahun yang akan datang sehingga tahun 2100 adalah bertujuan untuk menambahkan kekuatan ekonomi dan juga kekuatan pembelian di dalam masyarakat. Dasar Kerajaan dalam soal ini ialah dengan pertambahan rakyat yang ada ini maka kuasa membeli bagi setiap rakyat itu akan bertambah tinggi. Dengan itu, barang-barang yang dikeluarkan oleh negara kita akan di pasarkan di dalam negara dan kita tidak perlu bergantung terlalu banyak kepada pasaran asing. Dengan sebab itu, insya Allah, saya menyatakan bahawa program Kerajaan ini adalah diselaraskan dengan perkembangan pertambahan penduduk mengikut perancangan lima tahun Kerajaan yang dirancangkan dari sekarang sehinggalah tahun 2000.

Bagi soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti dalam pertambahan yang disebutkan tadi dalam 2.5% setahun adalah dijangkakan bahawa kedudukan bagi rakyat kita di tahun 2000 dengan kadar 2.4% dan 2.5% ini ianya akan bertambah menjadi 70 juta dengan kadar pertambahan dan juga dengan kenaikan taraf kesihatan negara iaitu dengan pengurangan jumlah kematian yang ada kita meningkatkan taraf kesihatan dan menambahkan keiahiran yang ada ini kepada peringkat 2.5% maka insya Allah, kita akan mencapai peringkat 70 juta ini pada tahun yang dicita-cita oleh Kerajaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada cara untuk menambahkan penduduk—ada dua cara iaitu yang pertama menambahkan kelahiran dan keduanya mengimport orang luar. Adakah kita bercadang untuk membenarkan kebanjiran masuk orang-orang Indonesia seperti Kerajaan Singapura buat untuk orang-orang daripada Hong Kong untuk mempercepatkan pertambahan penduduk di Malaysia?

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di samping usaha Kerajaan untuk menambahkan penduduk, terdapat sekumpulan pertubuhan wanita yang saya rasa aktiviti mereka boleh menyekat ke arah tersebut. Contohnya seperti anti-poligami dan sebagainya (*Ketawa*) terutama daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri. Adakah Kerajaan bercadang untuk menahan sedikit pergerakan mereka ini supaya memberi sedikit kelonggaran kepada rakyat Malaysia agar lebih cepat berkahwin ataupun berkahwin lebih daripada satu?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tidaklah menjadi dasar Kerajaan Malaysia untuk mengimport warganegara asing untuk menjadi warganegara Malaysia.

Soalan yang kedua, memang kalau Kerajaan tidak menggalakkan pun memang Ahli Parlimen ini ada juga yang berkahwin dua. (*Ketawa*) Jadi, soal poligami ini adalah soal biasa yang boleh diamalkan. Orang Islam boleh mengamalkan kahwin sampai empat mengikut keupayaan dan kekuatan masing-masing. Kalau sudah ada kemampuan dari segi fizikal dan kewangan, Kerajaan tidak ada halangan—setiap Ahli Parlimen mungkin hendak berkahwin sampai empat. Disebutkan bahawa ada Persatuan atau Badan wanita yang menjalankan ini, saya rasakan bahawa



walaupun ada Badan ini, mereka mungkin tidak bersetuju tetapi asasnya bagi orang Islam dan juga bagi lain-lain agama yang me m benarkan berkahwin lebih daripada satu, Kerajaan tidaklah hendak menghalang ataupun mengadakan undang-undang menghalang perkahwinan lebih daripada satu, menghalang poligami maksud saya.

### JURURAWAT MENINGGALKAN PERKHIDMATAN

8. Tuan P. Patto minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan ramai jururawat meninggalkan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan kerana mendapat gaji yang lebih tinggi di negara-negara lain seperti di Singapura, Arab Saudi -dan beberapa buah negara Timur Tengah, apakah rancangan Kementerian beliau untuk memastikan bahawa tanggungaji jururawat dikaji dengan tujuan untuk meningkatkan gaji mereka, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Patmanaban): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji dan mengemaskinikan perkhidmatan semua golongan paramedik, termasuk golongan jururawat dengan tujuan memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan golongan-golongan tersebut.

Adalah diharapkan bahawa dengan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih menarik, bahawa jururawat yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan akan berkurangan dan lebih ramai lagi akan terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Nampaknya jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh diberi bagi pihak Kementerian Kesihatan. Dan Menteri Kesihatan pun langsung

tidak datang ke Dewan ini untuk menjawab bagi pihak Kementerianya. Agak malu! (*Tepuk*) Mereka lebih cenderung melawat kawasan-kawasan DAP bagi menjadi "Santa Claus" (*Tepuk*). Tuan Speaker, memandangkan bahawa ramai jururawat meninggalkan perkhidmatan dan juga daripada jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan tadi bahawa Jawatankuasa Kabinet mengkaji tanggungaji dan juga conditions of service bagi jururawat dan juga lain-lain paramedik, saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kementerian Kesihatan sedar bahawa dengan penurunan umur bersara yang diumumkan oleh Menteri Kewangan sewaktu membentangkan Belanjawan 1990 kepada 40 tahun, ramai lagi jururawat akan meninggalkan perkhidmatan dengan Kerajaan dan ini akan membawa satu keadaan di mana akan berlaku kekurangan jururawat dalam hospital-hospital dan juga dalam perkhidmatan perubatan Kerajaan. Dan ini pula di bidang swasta juga kita sudah mendapat tahu bahawa kekurangan sudah mula berada, sama ada di hospital swasta atau klinik-klinik persendirian. Bagaimanakah Kementerian bercadang untuk mengatasi masalah ini supaya jururawat-jururawat ini tidak meninggalkan perkhidmatan kita dan kita tidak kekurangan jururawat dalam perkhidmatan perubatan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat, sebarang Menteri atau Timbalan Menteri bolen menjawab bagi pihak Kementerian yang lain. (*Tepuk*) Dan, satu daripada tugas Menteri Kesihatan memang mengubati kawasan-kawasan Pembangkang. (*Ketawa*) Jadi, banyak berjalan kepada kawasan . . . (*Ketawa*) Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tidak marah sangat . . .

Tuan P. Patto: Marah sangat itu tidaklah, bukan apa; kalau Yang

Berhormat masih lagi Timbalan Menteri Kesihatan, saya horrhati. Mana Timbalan Menteri Kesihatan? Mana Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan? Semua MCA! Mana dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Peluang sudah diberi. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jawab soalan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, perkara penurunan umur persaraan itu belum dapat dijalankan lagi. Jadi perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang dalam perhatian juga.

Ketiga, mengenai penarikan bidang swasta atau kekurangan jururawat di sektor swasta memang berlaku. Dengan berkembang pesatnya kemudahan-kemudahan rawatan di sektor swasta, hospital dan sebagainya maka Kementerian telah menjalankan tiga cara tindakan untuk mengatasi masalah itu:

- (1) melesenkan Iebih banyak lagi pusat-pusat rawatan swasta atau hospital swasta untuk menjalankan rancangan latihan bagi jururawat-jururawat keperluan mereka dan diharapkan lebih daripada keperluan mereka;
- (2) untuk memperbesar lagi peluang-peluang untuk jururawat-jururawat atau pelatih-pelatih jururawat yang dianjurkan oleh sektor swasta diberi latihan di Sekolah-sekolah Latihan Jururawat Kerajaan; dan

- (3) dengan memperbesar lagi pengambilan di Sekolah-sekolah Latihan Jururawat.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya menganggap bahawa beliau menyatakan di Kementerian Kesihatan sekarang tidak mengalami kekurangan jururawat. Itu yang saya dapat daripada jawapan beliau. Saya ingin mendapat lahu, satu ketika dahulu ada ramai warganegara Malaysia yang melanjutkan latihan kejururawatan di United Kingdom oleh kerana mereka tidak mendapat kredit dalam Bahasa Malaysia, mereka tidak dapat balik bertugas di bawah Kementerian Kesihatan-sebab mereka tidak diambil kerana tidak dapat kredit dalam Bahasa Malaysia. Dan kalau Kementerian pada suatu masa kelak membuat keputusan untuk mengambil warganegara asing masuk bertugas sebagai jururawat di negara kita, apakah kedudukan Kerajaan dan bolehkah Kerajaan m em ber i kompromi tentang dasar ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu salah anggap apa yang saya kata. Saya ingat terlaiu sibuk, bising dan riuh; tidak dengar apa yang saya kata (*Tepuk*). Saya tidak kâta kita tidak mengalami kekurangan, sebaliknya saya telah memberi keterangan mengenai cara-cara kita menghadapi masalah itu.

Yang keduanya mengenai jururawat yang dilatih secara sendiri di luar negeri, memang tidak ada halangan untuk mereka balik untuk bekerja di sektor swasta. Tetapi saya rasa hospital-hospital kita di sini di dalam sektor swasta tidak dapat memberi penarikan yang cukup kepada mereka untuk kembali. Di sektor Kerajaan, memang ada ramai pemohon-pemohon dengan kelayakan yang perlu termasuk

kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM yang memohon untuk mendapat peluang berlatih sebagai jururawat dan kita sedang mengambil lebih ramai lagi pelatih-pelatih ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat.

(Soalan No. 10 YJ3. Tuan Teoh Teik Huat tidak hadir)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad. Pun tiada.

(Soalan No. 11 YB. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad tidak hadir)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Karpal Singh. Pun tidak ada. (*Boo!*)

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw. Tidak ada juga. (*Boo!*)

(Soalan No. 13 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

### GURU TERLATIH MAKTAB PERGURUAN

**14, Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah guru-guru terlatih Maktab Perguruan mengikut kategori dan pengkhususan bagi tahun 1989; dan
- (b) selakut manakah perangkaan itu khasnya jumlah guru-guru mengikut pilihan pengajian Gina di SRJK (C) dapat memenuhi kehendak sekolah-sekolah rendah Cina pada tahun tersebut dan tahun 1990.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Jumlah guru yang tamat latihan Maktab-Perguruan bagi tahun 1989 mengikut kategori dan pengkhususan adalah seperti berikut:

<i>Pengkhususan</i>	<i>Kategori C1 (Lulusan STPM)</i>	<i>Kategori C2 (Lulusan SPM)</i>	<b>Jumlah</b>
Pengajian Melayu	1,083	2,573	
Pengajian Cina	500	514	
Pengajian Inggeris	296	1,024	
Pengajian Tamil	82	235	
Muzik	47	122	
<b>Jumlah</b>	<b>2,008</b>	<b>4,468</b>	<b>6,476</b>

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan terus akan berusaha untuk memenuhi keperluan guru-guru kila di semua jenis sekolah. Bagi keperluan SRJK(C), misalnya, pengeluaran guru-guru terlatih pengkhususan Pengajian Cina dalam tahun 1989 merupakan suatu peratus yang agak besar iaitu 15% daripada jumlah pengeluaran guru tahun tersebut. Ini hampir-hampir sama peratusannya dengan pengeluaran guru-guru terlatih pengkhususan Pengajian Inggeris. Mengikut perkiraan Kementerian Pendidikan, pengeluaran guru pengkhususan Pengajian Cina ini adalah memadai bagi menampung keperluan SRJK (C) di dalam tahun 1990.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kenapakah Maktab-maktab Perguruan ini masih mengamalkan sistem latihan untuk mewujudkan guru-guru berbagai kategori seperti yang disebutkan tadi, ada C1, C2, D1, D2 dan sebagainya dan guru-guru yang tergolong di dalam kategori-kategori yang berbeza ini pada masa yang lalu menerima tanggagaji atau skim gaji yang berbeza-beza pada hal Kementerian sendiri telahpun bersetuju melaksanakan dua skim sahaja bagi gaji di kalangan semua guru.

Bilakah pihak Kementerian akan menyelaraskan Maktab-maktab Perguruan ini supaya dapat mengeluarkan dua jenis guru sahaja ataupun pada matlamat yang akhirnya hanya mengeluarkan satu jenis guru sahaja supaya ianya tidak dibeza-bezakan ke dalam berbagai golongan yang pada masa yang lalu telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sehingga Kesatuan-kesatuan Guru telah membuat berbagai bantahan, syor dan cadangan-cadangan yang berakhirnya dengan tindakan menyelaraskan tanggagaji guru kepada dua skim sahaja.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan Yang Berhormat ini, tetapi walaupun terkeluar sedikit daripada soalan asal, yang saya menyebutkan kedua kategori ini ialah mengikut sistem yang telah diadakan sebelum tahun ini. Yang Berhormat pun tentu sedia maklum bahawa kita masih dalam usaha untuk memberi option kepada guru-guru dalam kita menyelaraskan sistem atau skim perkhidmatan pegawai pendidikan dua skim yang akan dilaksanakan,

Dalam kita hendak menyelaraskan tanggagaji itu, skim-skim scale di dalam ini sedang dijalankan dan dengan sokongan-sokongan pihak yang terlibat kita kata boleh dibanggakan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada jumlah guru-guru terlatih Maktab Perguruan yang beliau sebutkan tadi, berapa ramai yang terdiri daripada guru-guru sandaran?

Kedua, sama ada pihak Kementerian Pendidikan akan melonggarkan syarat guru-guru sandaran tersebut untuk memasuki Maktab Perguruan, seumpamanya bahawa usia guru-guru sandaran tersebut tidak boleh melebihi 25 tahun. Ini adalah penting memandangkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat dari Senai telah membuat jaminan tahun lalu bahawa guru-guru sandaran yang berumur 28 tahun masih layak untuk memasuki Maktab Perguruan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu saya tidak dapat memastikan berapa yang terlatih di sini dari guru-guru sandaran tetapi semua ini telah dimasukkan dalam kursus latihan Maktab Perguruan. Kenyataan yang telah disebutkan tadi bahawa tahun lalu memang ada kelonggaran dibuat sebelum kita

melaksanakan keperluan untuk masuk Maktab Perguruan yang akan datang dan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Senai itu memang betul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan saya, soalan No. 15. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebutkan nombor soalan terus.

**Tuan Lau Dak Kee:** Nombor soalan, 15.

#### RAWATAN SAKIT JIWA KEPADA ANGGOTA POLIS/ TENTERA

**15. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kesihatan menyatakan setiap tahun sejak 1985, jumlah bilangan yang memerlukan rawatan sakit jiwa dari:

- (a) Anggota Polis dan Tentera;
- (b) Kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja Badan-badan Awam; dan
- (c) Orang Awam.

**Dato' K. Pathmanaban:** Dia hendak berucap pula! Tuan Yang di-Pertua, jawapan ialah seperti berikut:

- (a) Bilangan anggota Polis dan Tentera yang memerlukan rawatan sakit jiwa sejak tahun 1985 ialah:

	1985	1986	1987	1988	Jumlah
Polis	20	31	31	14	92
Tentera	49	57	51	58	215

- (b) Bagi kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja Badan-badan

Awam bilangan bagi tahun-tahun yang sama ialah:

	1985	1986	1987	1988	Jumlah
Pekerja Kerajaan	156	139	136	137	368
Pekerja Badan-badan Berkanun	7	14	20	16	37

- (c) Bagi orang awam bilangan bagi tahun-tahun yang sama ialah:

	1985	1986	1987	1988	Jumlah
Orang Awam	6,002	3,791	6,336	6,314	24,443

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bilangan bagi kakitangan Kerajaan begitu tinggi. Saya hendak tahu sama ada kakitangan Kerajaan yang menghadapi sakit jiwa adakah kakitangan tersebut akan menjejaskan pentadbiran atau perkhidmatan Kerajaan? Adakah Kerajaan akan bercadang mereka ini akan dipersarakan lebih awal seperti Menteri-menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri khususnya Menteri Kesihatan yang tidak pernah dan tidak mampu untuk menjawab soalan di Dewan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (**Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud**): Itu terkeluar, Yang Berhormat,

**Tuan Lau Dak Kee:** Bolehkah atau adakah Yang Berhormat yang bukanlah daripada Kementerian Kesihatan memberitahu sama ada ini adalah satu jenis sakit jiwa atau tidak?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat selepas sesi Dewan ini kita terpaksa uji seorang Ahli Parlimen (*Ketawa*) dengan merujuk kepada Yang Berhormat dari Pasir Pinji itu kerana terlalu keliru tentang soalnya sendiri. Soalnya mengenai sakit jiwa, bukan kerana Menteri Kesihatan tidak hadir (*Kctawa*).

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Dato' K. Pathmanaban:** Nanti saya jawab dululah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum jawab lagi, Yang Berhormat. Janganlah ramai sangat yang terkeliru. Teruskan Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak takut keliru, Tuan Yang di-Pertua. Memang mereka yang menghidapi sakit jiwa di beri rawatan dan penjagaan yang perlu dan ada syarat-syarat dalam peraturan Kerajaan untuk mempersarakan mereka yang didapati oleh para doktor tidak layak lagi untuk meneruskan dalam perkhidmatan. Jadi, soal adakah mereka akan menjejaskan perkhidmatan Kerajaan itu tidak timbul.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah angka-angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu berpunca hanya daripada Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Universiti Kuala Lumpur ataupun daripada Pulau Pinang sahaja? Bolehkah Yang Berhormat meringankan bilangan pakar psychiatrist yang ada di negara ini, sama ada mereka dapat memberi rawatan yang sempurna kepada bilangan pesakit jiwa di negara ini? Kalau tidak boleh, bagaimanakah langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan yang ada di sini? Bolehkah Yang Berhormat memberi satu jaminan bahawa bilangan pakar psychiatrist ini akan ditambah dengan cepat supaya negara kita tidak mengalami kekurangan yang begitu teruk ini?

Dato' K. Pathmanaban: 'Tuan Yang di-Pertua, memang kita menghadapi kekurangan pakar dalam bidang ini juga seperti bidang-bidang yang lain dan pihak Universiti Malaya, Fakulti Perubatan, sedang menjalani satu kursus Post-graduate dalam Masters in Psychiatric dengan tujuan untuk menamban pakar-pakar yang dilatih di negara ini juga. Dengan

latihan di sini, perkhidmatan mereka semasa mereka dilatih juga diperolehi.

Yang kedua, angka-angka yang saya sebutkan tadi adalah angka-angka pesakit jiwa yang terdapat di Hospital Bahagia, Hulu Kinta dan Hospital Permai di Tampoi sahaja, tidak campur angka-angka pesakit jiwa yang dirawat di hospital-hospital besar ataupun di hospital-hospital daerah yang lain kerana di hospital-hospital itu kita tidak dapat mengasingkan pekerjaan pesakit-pesakit yang dirawat. Jadi, tidak dapat memberi angka yang berasingan.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan saya ialah bilangan pakar psychiatrist yang ada sekarang dan apakah rancangan untuk menambah bilangan psychiatrist selain daripada memberi Masters of Psychiatric itu? Jadi, jawapan Yang Berhormat tadi itu menunjukkan ada pesakit-pesakit jiwa yang menerima rawatan ataupun tidak dan bilangan yang sebenarnya tidak ditunjukkan daripada angka-angka yang disebutkan.

Dato' K. Pathmanaban: Jika Ahli Yang Berhormat hendak doktor psychiatrist kita boleh beri juga. Saya sudah jawab mengenai kekurangan pakar-pakar dalam bidang psychiatrist dan beliau juga tanya angka-angka, saya beri angka-angka juga tadi. Jadi, beliau tidak begitu jelas. Kalau tahu minta dengan jelas, saya beri penjelasan....

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak jelas kerana bilangan pakar psychiatrist yang terdapat di negara ini tidak disebutkan *(Disampuk)*.

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak ada angka itu, Tuan Yang di Pertua, tetapi saya telah menjawab soalan itu dengan sepenuhnya. Jika hendak masuk lagi satu pesakit, saya boleh tambah *(Ketawa)*.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mobamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar,

**Tuan Ahmad bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-16.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila duduk! (*Disampuk*) Tidak ada apa-apa. (*Disampuk*) Saya sudah buat ruling, tidak ada apa-apa. Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

#### DASAR PELABURAN DAN PERDAGANGAN NEGARA EROPAH BLOK TIMUR

**16. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah dasar pelaburan dan perdagangan baru yang akan diterokai di negara-negara Eropah Blok Timur yang telahpun mengalami perubahan besar dari segi sistem politik dan pemerintahan di negara masing-masing.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K.S. Nijhar):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini sedar, perubahan-perubahan politik yang baru-baru ini berlaku di negara-negara Eropah Blok Timur hanya masih dalam proses perubahan. Oleh itu Kementerian berharap adalah wajar kalau kita kini memberi perhatian kepada perubahan-perubahan yang berlaku sekarang dan mengkaji perubahan-perubahan ini dengan tujuan supaya dapat kita merancang dasar-dasar baru, strategi-strategi baru juga perlu dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperluaskan peluang-peluang pelaburan dan perdagangan kita di rantau tersebut

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia ingin merapatkan hubungan dengan negara-negara Eropah Timur. Kini Malaysia bukan sahaja mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut seperti di Poland, Romania, USSR dan Yugoslavia tetapi juga di beberapa negara ini Malaysia mempunyai pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan seperti di Moscow (USSR), Bucharest (Romania) dan Belgrade (Yugoslavia) serta juga di Vienna (Austria). Pesuruhjaya Perdagangan ditauliahkan ke negara-negara Poland, Hungary, Czechoslovakia dan Jerman Timur.

Duta-duta dan pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan ini adalah bertanggungjawab untuk merapatkan hubungan dengan negara-negara Eropah Blok Timur dan untuk mengawasi dan meningkatkan pelaburan dan perdagangan dua-hala antara Malaysia dan negara-negara tersebut.

Namun demikian, perdagangan Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur adalah masih kecil. Ini adalah kerana beberapa sebab seperti negara-negara ini menumpukan perdagangan luar mereka di kalangan negara-negara ahli Council for Mutual Economic Assistance (CMEA), dengan izin, dan negara-negara yang mengamalkan, dengan izin, Centrally Planned Economies". Dengan itu, perhubungan perdagangan dengan mereka adalah terhad kerana masalah pertukaran mala wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang ingin meningkatkan perdagangan dua hala dengan negara-negara Eropah Timur. Ini adalah selaras dengan Dasar Perdagangan Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dengan pasaran bukan tradisional. Adalah diharapkan perubahan politik di Eropah Timur akan mendorong perubahan kepada sistem ekonomi mereka kepada sistem ekonomi pasaran

bebas yang setaraf dengan sistem ekonomi Eropah Barat. Ini akan menjadikan kawasan Eropah keseluruhannya menjadi satu pasaran yang besar dan berpotensi bagi barangan eksport Malaysia.

Dari segi pelaburan, Kerajaan akan meneruskan dasar penggalakan pelaburannya yang ada sekarang dan memastikan supaya negara ini akan terus menjadi pusat pelaburan yang menarik dan menguntungkan bagi pelabur-pelabur supaya pelaburan dari negara-negara maju tidak dihalakan semata-mata ke negara-negara Eropah Timur yang sedang mengalami perubahan struktur politik dan ekonomi. Untuk maksud ini, Malaysia dari masa ke semasa akan mengkaji dan menilai dasar pelaburan dan perdagangan serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya untuk menentukan dasar-dasar yang sentiasa pragmatik dan relevant dengan keadaan yang berubah. Missi-missi galakan perdagangan dan pelaburan termasuk penyertaan kita dalam pameran-pameran perdagangan yang diadakan di Eropah Timur akan diteruskan, dan Malaysia akan berusaha menggunakan pintu-pintu masuk yang ada di Eropah Barat untuk memasuki pasaran Eropah Timur.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita tanu, kita ada pejabat Duta, ada Duta-duta di luar negeri dan kita tahu ada misi pelaburan, tetapi soalnya apa yang berlaku di Eropah Timur sekarang. Perubahan yang berlaku telah menimbulkan satu reaksi di mana negara-negara Eropah Barat sudahpun merancang pada tahun 1992 untuk diadakan Single European Market yang sudah barang tentu akan menjejaskan pelaburan-pelaburan di kalangan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia. Kita akan kehilangan pelabur-pelabur berpotensi dari negara-negara tersebut Jadi, soalnya sekarang ini apakah strategi Kerajaan kita, khususnya Kementerian Perdagangan,

dengan rakan-rakan sejawat dalam negara ASEAN yang lain bagi menghadapi Single European Market ini yang menjadi saingan terhadap apa yang berlaku perubahan di Eropah Timur. Itu saya rasa yang relevant dan saya harap mendapat jawapan daripada Setiausaha Parlimen, bukan soal pejabat Duta dan sebagainya. Sekian.

**Dato Dr K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perubahan-perubahan politik yang baru-baru ini berlaku adalah masih dalam proses perkembangan dan perubahan. *(Disampuk)* Jadi implikasi sepenuhnya bagi menggubal dasar pelaburan baru atau dasar perdagangan baru di antara negara-negara tersebut dengan negara kita mestilah kita menunggu masa sedikit. Apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat berkaitan dengan Single European Market mungkin, Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak berkaitan dengan "East Europe". *(Disampuk)*

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit terkejut sebab jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tidak relevant. Saya rasa saya mahu bangkitkan tadi sebelum Ahli dari Pasir Mas membangkitkannya. Soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, terhadap aliran pelaburan, sekiranya sekarang Malaysia malm menarik pelaburan dari negara-negara European Community, dan oleh sebab perkembangan politik di Eropah Timur sudah memaksa ataupun menjadikan satu keadaan untuk E.E.C. melaburkan wang ke dalam Eropah Timur, maka kita tidak dapat pelaburan dari European Community, maka apakah pendirian Kerajaan untuk mempersaingkan dengan Eropah Timur supaya kita dapat menarik pelaburan dari European Community—ini memang relevant. Ini suatu soalan yang sudah lama dibincangkan oleh pakar-pakar antarabangsa, memang Kerajaan Malaysia memberi first impression, dengan izin.



**Dato Dr K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang berusaha sedaya-upaya menarik pelaburan daripada Eropah Timur, tetapi saya katakan tadi proses perubahan di Eropah Timur masih dalam proses perubahan, belum stabil lagi (*Disampuk*).

**Tuan Sln Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tanya terhadap pelaburan daripada Eropah Timur. Saya tanya terhadap pelaburan dari Eropah Barat akibat persaingan yang dikemukakan oleh Eropah Timur, ini sedikit kompleks - saya tahulah, tetapi cuba faham sahaja soalan ini - simple (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Kalau tidak faham lebih baik letak jawatan.

**Dato Dr K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin Kementerian mengkaji cadangan itu secara mendalam dan mengambil tindakan yang wajar pada masa yang sesuai.

## KAD PENGENALAN BENTUK BARU

17. **Tuan Joe Ojhi Supiring** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kad Pengenalan bentuk baru yang akan menggantikan Kad-kad Pengenalan yang ada sekarang ini di seluruh negara, dapat menjamin menyelesaikan Kad-kad Pengenalan palsu yang telah dikeseluruhan pada tahun-tahun yang lalu; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan bentuk kad baru ini, sebagai penyelidikan selanjutnya oleh setiap Kerajaan Negeri.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kad Pengenalan bentuk baru yang akan diperkenalkan nanti dapat menjamin kesahihaan maklumat pemegangnya kerana semakan butiran dibuat dengan menggunakan komputer. Kad tersebut mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan sukar untuk dipalsukan.

Bagi menjawab soalan bahagian (b), jawapannya tidak bercadang oleh kerana ianya bukan bertujuan untuk penyelidikan selanjutnya oleh setiap Kerajaan Negeri.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, nasib baik tidak ada orang lain yang soal, saya bernasib baik kali ini (*Ketawa*).

Pertamanya, soalan saya ialah dengan Kad Pengenalan baru, Yang Berhormat kâta memang ada dilaksanakan, sedang dilaksanakan. Adakah Kementerian menetapkan jangka masa yang tertentu, dalam masa satu tahunkah, setengah tahunkah dapat disiapkan pengeluaran kad-kad ini, kalau ianya dilaksanakan dan keduanya . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Satu sahaja Yang Berhormat, masa sudah tidak mengizinkan, satu sahaja soalan,

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Besoklah, (*Ketawa*)

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya ialah bertanya sama ada Kad Pengenalan bentuk baru yang akan menggantikan Kad Pengenalan lama sekarang ini dapat menjamin menyelesaikan Kad-kad Pengenalan palsu

yang ada hari ini. Jawapannya 'boleh' dan had masa Yang Berhormat tanyakan tadi itu bila ianya mula dilaksanakan, ianya akan ditentukan had masanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Pato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2,3,5,9,10,11,12,13 dan 18 hingga 57 adalah di bawah ini).*

**MAS MENYEWAKAN WORLD AIRWAYS—KEMAMPUAN UDARA**

2. Tuan Lim Kit Siang minta Medlen Pengangkutan menyenaraikan aduan-aduan yang dibuat terhadap kemampuan udara (airworthiness) pesawat DC-10 kepunyaan World Airways yang disewa oleh MAS, dan mengapa Kementeriannya atau Kerajaan tidak dapat mengesahkan taraf kemampuan udara pesawat DC-10 itu untuk melindungi nyawa para penumpang MAS yang menaiki pesawat DC-10 itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Adalah tidak benar bahawa ada aduan terhadap kemampuan udara (airworthiness) pesawat DC-10 kepunyaan World Airways yang di sewakan oleh MAS. Untuk makluman Yang Berhormat, semua pesawat yang disewa adalah diperiksa tentang keselamatannya oleh "inspection team" dari Bahagian Kejuteraan Penerbangan Malaysia (MAS). Pesawat-pesawat hanya akan disewa selepas MAS berpuas hati tentang keadaan pesawat. MAS juga akan memperolehi kelulusan pihak berkuasa penerbangan awam negara dimana pesawat didaftarkan dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

Pesawat DC-10 dari World Airways telah disewa selepas pemeriksaan oleh MAS, kelulusan oleh Federal Aviation Authority Amerika Syarikat dan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia. Dengan demikian soal tidak mengesahkan taraf kemampuan udara pesawat DC-10 untuk melindungi nyawa para penumpang MAS yang menaiki pesawat tersebut tidak timbul.

**TENTERA MALAYSIA  
DI KAMPUCHEA/  
IRAN-IRAQ—PENEMPATAN**

3. Tuan Haji Abdul Rahman Bin Bakar minta Menteri Pertahanan menjelaskan tentang penempatan tentera negara kita di Kampuchea dan Iran-Iraq:

- (a) Apakah pihak kita akan menempatkan tentera kita bersama-sama tentera negara-negara lain sebagai tentera pengaman di Kampuchea dan Iran-Iraq seperti yang berlaku di Namibia;
- (b) Bilakah penempatan ini bermula dan melibatkan berapa ramai tentera kita;
- (c) Berapa ramaikah tentera kita yang telah dilatih untuk menyertai pasukan pengaman pertubuhan bangsa-bangsa bersatu sehingga kini (jika pihak kita diminta oleh PBB pada bila-bila masa/mana-mana negara); dan
- (d) Apakah ganjaran-ganjaran istimewa yang mereka akan diperolehi,

13-3-90.

Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) peranan pasukan pengaman badan dunia dalam konteks pertahanan negara;

- (b) sila kemukakan tingkat pencapaian di segi pertahanan negara dan keselamatan sejak tahun 1988, iaitu ketika Malaysia mula menceburi dalam pasukan ini; dan
- (c) sila kemukakan trend kelayakan dalam pemilihan pegawai-pegawai yang menyertai pasukan pengaman badan dunia PBB.

16-3-90

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** mima Menteri Pertahanan menyatakan berapa lamakah lagi askar-askar kita hams berada di Namibia dan Iraq dan bagaimanakah prestasi mereka setakat ini dan berapa orangkah yang sudah kembali,

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakâr bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan ahli-ahli yang berhormat dari Kepong dan di Larut, masing-masing dijadualkan pada 13 dan 16 Mac 1990 kerana ketiga-tiga soalan ini bertanyakan perkara yang lebihkurang sama.

Salah satu dari peranan angkatan tentera Malaysia ialah menyumbang kearah keamanan dunia menerusi kegiatan keamanan Bangsa-bangsa Bersatu. Peranan tersebut merupakan salah satu dari beberapa aspek dasar pertahanan negara dalam konteks kerjasama penahanan antarabangsa. Angkatan tentera Malaysia mula menceburi dalam kegiatan pasukan pengaman Bangsa-bangsa Bersatu sejak tahun 1960 semasa krisis Congo. Sekarang angkatan tentera Malaysia terlibat pula di Namibia dan Iraq. Prestasi kecemerlangan serta kemampuan kontinjen tentera Malaysia di kedua-kedua buah negara tersebut telah mendapat pengiktirafan dan perhatian antara han g sa. Sifat-sifat 'impartiality' atau kesaksamaan dan sikap berkecuali

yang telah ditunjukkan telah meraih sanjungan serta kehormatan dari badan dunia ini.

Mengenai penempatan tentera kita di Kampuchea, buat masa ini pihak kerajaan kita masih belum mendapat permohonan dari pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan kerajaan akan mengkaji dan mempertimbangkan jika ada permintaan rasmi dari PBB.

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, pemilihan pegawai dan anggota yang menyertai pasukan pengaman PBB adalah berdasarkan kapada kepakaran, keupayaan dan peranan sepertimana yang telah ditetapkan keperluan PBB. Unit-unit tentera darat senantiasa menjalani "peace-keeping operation" sebagai salah satu aspek latihan yang diperlukan oleh PBB. Angkatan tentera Malaysia khasnya tentera darat kita senuasa bersedia untuk menjalankan tugas-tugas ini apabila diperlukan.

Ganjaran istimewa yang diberi kepada pasukan yang berkhidmat dengan PBB antaranya elaun seberang (aul, elaun pakaian seragam, elaun harian, elaun cuti rekreasi, elaun perjalanan bagi yang membuat tugas rasmi serta tiket penerbangan balik untuk anggota di benarkan balik atas dasar kebajikan, perubatan dan lain-lain.

#### MEMANDU KENDERAAN SECARA BERALAH

**5. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kemajuan dan hasil yang dicapai didalam usaha Kementerian untuk mengenalkan amalan "memandu kenderaan secara beralah" (defensive driving) dikalangan mereka yang memandu, tmemandangkan bertambahnya kemalangan jalan raya kerana sikap tidak sabar, tidak bertimbang rasa, tidak mahu bertolak ansur dan angkuh dikalangan pemandu Malaysia,

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tujuan utama Kerajaan memperkenalkan pemanduan berhemat (defensive driving) di kalangan pelajar-pelajar pemandu di negara ini untuk mengurangkan kadar kemalangan yang tinggi di jalan raya di negara ini melalui program latihan yang lebih sempurna supaya menghasilkan pemandu yang mahir, bersopan dan berpengetahuan. Intisari penting yang diperkenalkan oleh pemanduan berhemat ini ialah "kemalangan jalan raya boleh dielakkan". Ianya antara lain mengenalpasti berbagai-bagai punca kemalangan jalan raya dan menerangkan kepada pemandu-pemandu cara-cara bagi mengelakkan kemalangan dari berlaku.

Setakat ini program latihan pemandu (driver education programme) ini telahpun dilaksanakan secara berperingkat-peringkat oleh beberapa buah Institut Memandu Moden yang telah ditubuh di beberapa buah negeri. Institut Memandu Moden mempunyai kemudahan seperti bilik syarahan dan tapak latihan memandu.

Bagi sekolah-sekolah memandu yang kecil Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang sedang menjalankan kursus latihan pemanduan berhemat kepada pengajar & pengajar sekolah memandu di tiap-tiap negeri. Di samping itu pula, Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun mencetak buku panduan untuk diedarkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara supaya maklumat-maklumat mengenai pemanduan berhemat dapat di sebarkan secara meluas kepada orang ramai.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum 94% dari kemalangan jalan raya di negara ini adalah berpunca dari kesalahan pemandu. Dengan program latihan pemandu dan penyebaran luas pemanduan berhemat ini, Kerajaan berharap kadar kemalangan jalan raya di negara ini dapat di kurangkan.

## KAD PENGENALAN AHLI PARLIMEN

9. Tuan Maidom bin P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan apakah ertinya Kad Pengenalan Ahli-ahli Parlimen yang mengandungi beberapa kelayakan-kelayakan seorang Ahli Parlimen seperti:

- (a) perjalanan keretapi kelas satu termasuk tempat tidur;
- (b) menggunakan Feri dan diberi keutamaan;
- (c) satu lesen kereta motor yang di daftar atas nama sendiri; dan
- (d) rawatan perubatan dan bayaran kelas satu bilik perseorangan di Hospital Klinik Kerajaan. Kemudahan ini juga untuk keluarganya iaitu isteri-isteri dan anak-anak daif kerana kelemahan otak atau jasmani yang mana had umur tidak di hadkan.

Tetapi bila kita hendak mendapatkan lesen kereta motor dengan menggunakan Kad itu saja tidak diterima oleh pihak berkuasa melainkan ada surat rasmi. Demikian juga kalau kita ke Hospital pun untuk melayakkan diri bagi mendapat kelas satu bilik perseorangan, perlu mendapat "surat jaminan dulu daripada pihak berkuasa Parlimen. Dengan keadaan seperti itu, "Validity"nya amat diragui.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Kad-kad Pengenalan Ahli Parlimen dikeluarkan untuk kemudahan Ahli-ahli mendapatkan perkhidmatan tertentu seperti yang dibutirkan dalam pertanyaan. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada Jabatan-jabatan berkenaan sama ada pengesahan lanjut diperlukan atau tidak. Pihak-pihak -berkenaan seperti kakitangan hospital, kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain mungkin tidak pasti akan

kesahihan kad itu dan pemegangnya. Ada kemungkinan terdapat kad-kad yang telah tamat tempoh kegunaannya kerana tuan punyanya tidak lagi menjadi Ahli Parlimen. Di samping itu pihak Jabatan Parlimen mendapati ada juga Ahli-ahli yang melaporkan akan kehilangan dan kecurian Kad-kad Pengenalan Parlimen mereka. Berasaskan keadaan itu, adalah sesuai Jabatan-jabatan yang memerlukan pengesahan lain j ul untuk mengelakkan penyalahgunaan, oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan juga bagi tujuan rekod Jabatan berkenaan.

### **JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PENYELEWENGAN**

**10. Tuan Teoh Teik Huat** mima Perdana Menteri menyatakan bilangan kes-kes yang telah dirujuk kepada Jawatankuasa Kabinet bagi menentang penyelewengan yang diketuai oleh Menteri Pendidikan, dengan memberi nama jabatan-jabatan yang terlibat dan tindakan yang telah diambil.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Jawatankuasa ini telah meneliti dan mengkaji kes-kes yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Audit Negara 1987. Di antara agensi-agensi terlibat yang telah dipanggil termasuklah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, RISDA dan lain-lain. Tindakan-tindakan tertentu telah pun diambil oleh Jawatankuasa ini dan juga agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab. Semeniaranya itu, bagi kes-kes yang didapati mungkin berlakunya penyelewengan, telah dirujuk terus kepada Badan Pencegah Rasuah untuk penyiasatan dan tindakan selanjutnya.

### **EKSPORT BUAH-BUAH TEMPATAN**

**11. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pertanian

menyatakan semenjak galakan menanam dan mengekspor buah-buahan tempatan, apakah jenis buah-buahan yang telah diekspor dan negeri manakah yang mengimportnya. Adakah Kementerian berpuashati dengannya memandangkan kemerosotan harga buah-buahan tersebut dan apakah langkah yang akan diambil mengennainya.

**Tuan Ong Tin Kim:** Jenis buah-buahan utama yang telah diekspor ialah durian, pisang, betik, belimbing, tembikai, manggis, dan rambutan. Kebanyakan durian, pisang, tembikai, manggis dan rambutan telah diekspor ke Singapura. Betik dan belimbing leleh diekspor ke Singapura, Hong Kong dan Eropah Barat.

Memang Kementerian Pertanian berpuashati dengan prestasi eksport ini oleh kerana eksport telah meningkat daripada \$65.50 juta dalam tahun 1985 kepada \$83.78 juta dalam tahun 1988 dengan peningkatan kuantiti daripada 105,676 tan metrik kepada 156,197 tan metrik.

Isu harga buah merosot adalah tidak benar. Contohnya harga tembikai dalam tahun 1988 ialah 45 sen sekilo dan dalam tahun 1989 ialah 55 sen sekilo. Harga betik dalam tahun 1988 ialah 40 sen sekilo dan dalam tahun 1989 ialah 50 sen sekilo. Ini mencerminkan bahawa dengan luang pasaran yang sedia ada di dalam dan di luar dapat menstabilkan harga buah-buahan.

### **HAKIM MAHKAMAH TINGGI—LANTIKAN**

**12. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan bersedia melantik hanya Hakim Mahkamah Tinggi dan bukan Pesuruhjaya Kehakiman memandangkan Pesuruhjaya Kehakiman tidak menerima faedah tempoh yang diambil oleh sebab perlantikan mereka adalah untuk tempoh yang tertentu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Ha j i Sulaiman bin Haji Daud): Memandangkan bahawa dah masa ke semasa Kerajaan memerlukan perkhidmatan Pesuruhjaya Kehakiman bagi membantu menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Tinggi maka Kerajaan akan terus melantik Pesuruhjaya Kehakiman di samping melantik Hakim Mahkamah Tinggi.

### SKIM LATIHAN SJSWAZAH DI SYARIKAT BRITISH

13. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan siswazah Malaysia yang akan dipilih untuk latihan sambil bekerja di bawah tajaan Kerajaan British bagi kelompok pertama;
- (b) apakah kriteria-kriteria yang akan menentukan kelayakan serta kesesuaian siswazah dipilih untuk projek ini. Apakah kuota yang akan diamalkan;
- (c) bidang teknologi manakah yang diberi keutamaan di bawah program ini. Di bawah program Kerajaan British yang manakah tawaran latihan ini dibuat kepada rakyat Malaysia. Adakah siswazah yang menjalankan latihan ini diikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selepas tempoh tiga tahun itu tamat; dan
- (d) adakah upah yang dibayar cukup untuk membiayai kos hidup siswazah di Britain, adakah Kerajaan Malaysia juga akan memberi elaun tambahan kepada mereka ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kumpulan pertama siswazah yang akan dihantar ke United

Kingdom untuk menyertai Skim Latihan di Syarikat-syarikat British adalah seramai 11 orang.

- (b) Siswazah yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang baik dan fasih di dalam bahasa Inggeris.

Skim ini tidak menetapkan sebarang kuota di dalam pemilihan peserta.

- (c) Dua belas bidang teknologi diberi keutamaan di dalam skim ini iaitu bidang kejuruteraan "aeronautical", "avionics", "automatics", "civil", "mechanical", "chemical", "electronics", dan "production". Bidang-bidang lain ialah Sains Fizik, Matematik dan Sains Komputer.

Program ini dilaksanakan hasil dari memorandum persefahaman di antara Kerajaan British dengan Malaysia, dikenali sebagai "A Scheme to provide Malaysian Graduates with Training and Work Experience in British Industries" yang telah ditandatangani bersama pada 29 Ogos 1989.

Siswazah-siswazah yang tamat menjalani kursus di bawah skim ini tidak dikenakan sebarang ikatan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

- (d) Di bawah skim latihan ini peserta-peserta akan dibayar elaun sara hidup yang difikirkan berpatutan oleh Syarikat-syarikat British di mana mereka ditempatkan. Kerajaan Malaysia akan hanya membiayai tambang kapal terbang dan kos rawatan perubatan peserta semasa di United Kingdom.

## UNESCO—SUMBANGAN MALAYSIA

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullab minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah bcr- hasilnya usaha dan sumbangan Malaysia kepada operasi UNESCO untuk membasmi kejahilan dan buia huruf di kalangan umat manusia. Sila nyatakan setakat manakah usaha UNESCO oleh politik Kuasa-kuasa Besar (sebagai contohnya penarikan diri oleh Amerika Syarikat dan Britain kononnya atas alasan bahawa UNESCO terlalu memihak kepada PLO dan golongan-golongan yang tidak disenangi oleh pihak Zionis).

Dr Leo Micheal Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buta huruf adalah merupakan salah satu masalah yang besar dan rumit yang dihadapi khususnya oleh negara-negara sedang membangun. Betapa besar dan rumitnya masalah ini dapat dilihat dari segi jumlah orang yang buta huruf di mana pada tahun 1985 umpamanya, terdapat sejumlah 869 jula orang yang buta huruf di seluruh dunia. Dari jumlah ini 849 jula orang adalah di negara-negara sedang membangun dan selebihnya di negara-negara maju.

UNESCO dengan kerjasama negara-negara anggotanya termasuk Malaysia, telah melaksanakan berbagai program bagi menghapuskan buta huruf di kalangan umat manusia. Memandangkan buta huruf adalah satu masalah yang besar dan rumit, maka program-programnya juga dilaksanakan secara berterusan. Pada tahun-tahun enam puluhan dan awal tahun tujuh puluh, UNESCO dengan kerjasama program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) telah melaksanakan "Experimental World Literacy Programme" di Afrika. Selepas itu UNESCO telah m el an c ar kan berbagai program literasi umpamanya bagi rantau Amerika Latin dan Caribbean pada tahun 1979, di Afrika pada tahun

1982 dan di Asia dan Pasifik pada tahun 1987. Usaha-usaha gigih UNESCO dan negara-negara anggotanya telah pun menampakkan kejayaan di mana peratus buta huruf di kalangan umat manusia telah dapat dikurangkan dari 54% pada tahun 1970 kepada 38% pada tahun 1985.

Atas cadangan UNESCO juga, Pertubuhan •Bangsa-bangsa Bersatu telah mengisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Literasi Antarabangsa dengan tujuan untuk membasmi buta huruf menjelang tahun 2000. Selain dari itu, UNESCO bersama-sama Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Tabung Kanak-kanak bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) dan Bank Dunia sedang menganjurkan Persidangan Sedunia Mengenai Pendidikan Untuk Semua di Thailand dari 5 hingga 9 Mac, 1990. Di antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam Persidangan ini termasuklah masalah buta huruf.

UNESCO adalah sebuah perlubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh negara-negara maju dan sedang membangun. Sebahagian besar dari anggotanya adalah terdiri dari negara-negara membangun. Oleh yang demikian, agak sukar untuk kita mengatakan bahawa program-program dan aktiviti-aktivitinya dipengaruhi oleh politik negara-negara maju atau kuasa-kuasa besar.

## KADAR PAS/PERMIT MASUK

19. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau scdar bahawa semenjak kenaikan kadar-kadar baru untuk permit masuk, permit masuk semula dan pas-pas dalam bulan Mac, 1983 ini telah membebankan penduduk miskin terutamanya penduduk daripada luar bandar. Kalaupun sedar, adakah Kementerian bercadang supaya kadar-kadar ini dikurangkan untuk

meringankan beban ke atas penduduk yang miskin.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato'Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Permit masuk, Permit Masuk Scmula dan pas-pas merupakan kebenaran untuk masuk dan tinggal di negara ini yang dikeluarkan kepada orang-orang asing. Pas atau permit ini tidak dikeluarkan kepada warganegara Malaysia. Oleh itu, soal kenaikan kadar pas/permit tersebut membebaskan rakyat negara ini tidak timbul.

### LABUAN SEBAGAI TAX HAVEN

20. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan butir-butir terperinci bagaimana syurga percukaian di Labuan akan dilaksanakan dan bagaimanakah tindakan sedemikian akan menguntungkan Labuan dan Malaysia pada keseluruhannya. Sekiranya tindakan sedemikian adalah berjaya, sama ada Kerajaan Persekutuan ingin mengisytiharkan lebih banyak lagi syurga percukaian di Malaysia; jika ya, nyatakan tempat-tempat tersebut,

75-5-90

Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan butir-butir rancangan Kementerian ini untuk menukar Labuan menjadi pelabuhan bebas cukai atau lebih tepat "tax-free haven".

Dato' Wan Abu bakar bin Wan Mobamed: Saya memohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat 'ini bersama-sama soalan yang di kemukakan oleh Yang Berhormat dari Bagan yang dijadualkan dijawab pada 13-3-1990 kerana per-soalannya adalah berkaitan.

Kerajaan telah mengumumkan pada 6 November 1989 bahawa Labuan akan dijadikan sebagai 'tax haven' setimpal dengan status 'tax haven' yang ujud di lain-lain tempat seperti di Bahamas, Amerika Syarikat, Guernsey dan Jersey, United Kingdom. Tujuannya, disamping untuk meneruskan usaha-usaha pembangunan di Labuan, adalah juga untuk menarik pelaburan-pelaburan daripada Syarikat-syarikat Antarabangsa (Multinational Corporations) ke pulau itu demi untuk menjadikannya sebagai suatu pusat kewangan Antarabangsa terkenal di rantau Asia. Butir-butir lanjut berkaitan dengan perundangan-perundangan mengenainya- sedang dikaji dan disediakan oleh satu Jawatankuasa Pemandu di Kementerian Kewangan. Ianya akan diumumkan jika diluluskan oleh Dewan ini pada bulan Jun nanti.

Adalah menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan, dalam merancang dan mengambil satu-satu langkah dan strategi percukaian ianya adalah untuk kebaikan negara dan rakyat keseluruhannya. Dengan menjadikan Labuan sebagai 'tax haven', Labuan akan terus dimajukan ke arah pencapaian status pusat kewangan di rantau Asia ini. Kesan sampingan dari langkah itu, pembangunan bangunan-bangunan perdagangan dan bukan perdagangan akan meningkat. Perusahaan pelancongan negara juga dijangka meningkat. Perniagaan di Labuan sebagai pusat 'entreport' akan menjadi lebih maju dan meningkat. Perusahaan pelancongan negara juga dijangka meningkat. Ini akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan di Labuan dan pendapatan daripada pertukaran asing. Malaysia juga akan menjadi lebih terkenal di peringkat Antarabangsa.

Buat masa ini belumlah ada rancangan Kerajaan untuk mengisytiharkan lebih banyak lagi syurga percukaian di Malaysia ini.



### POST-MORTEM MAYAT ORANG ISLAM

21. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melonggarkan syarat supaya mayat orang-orang Islam yang mati akibat kemalangan dan sebagainya dikecualikan dari post-mortem selepas menerima permohonan atau rayuan dari waris yang terdekat.

Tuan Chua Jui Meng: Post Mortem dilakukan atas perintah pihak polis seperti yang diperuntukkan di bawah Sek. 330 Kanun Acara Jenayah. Pada biasanya, pihak polis mengeluarkan perintah tersebut ke atas mayat-mayat yang ber kait dengan kes jenayah, kemalangan jalanraya dan kes-kes yang tiada dapat ditentukan sebab-sebab kematian. Apabila arahan sedemikian dikeluarkan, maka pegawai perubatan adalah dikehendaki menjalankan pemeriksaan "post-mortem" ke atas mayat tersebut untuk menentukan sebab kematian. Bagi kes-kes ini, pegawai perubatan tidak mempunyai kuasa untuk mengecualikan mayat tersebut dari pemeriksaan "post-mortem".

### TAHUN MELAWAT MALAYSIA—KEJAYAAN

22. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sejauhmanakah kejayaan Tahun Melawat Malaysia (TMM) setakat ini dari segi sambutan dari dalam dan luar negeri;
- (b) apakah Kerajaan puashati dengan persiapan-persiapan kita;
- (c) adakah terdapat gejala-gejala buruk yang dibawa oleh pelancong-pelancong luar negeri.

### Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato'Haji Sabbaruddin Chik):

- (a) Berdasarkan kepada iaporan yang diterima dari pengusaha-pengusaha industri pelancongan seperti hotel-hotel, tempat-tempat pelancongan dan juga penganjur acara yang telah diadakan bersempena Tahun Melawat Malaysia 1990, adalah didapati bahawa sambutan pelancong dari luar dan dalam negeri kepada kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 amatlah menggalakkan. Ini dapat dilihat dari kadar penginapan hotel yang lebih tinggi daripada masa yang sama di tahun lepas, bilangan pelancong yang menyertai acara-acara yang diadakan setakat ini dan juga peserta-peserta tempatan yang telah melawat atau mengambil bahagian di acara-acara yang telah diadakan setakat ini. Kementerian ingin menegaskan bahawa kempen Tahun Melawat Malaysia merupakan usaha kita untuk menarik perhatian kepada keindahan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang megandung tempat-tempat istirehat yang sungguh menarik dan kebudayaan negara yang kaya tetapi unik. Di samping itu juga kejayaan kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 akan dapat dirasa tetapi tidak dapat "diquantify" misalnya dari segi kesannya terhadap pengindahan alam sekitar terutamanya di tempat-tempat pelancongan dan kebersihan yang terdapat hasil dari usaha-usaha persiapan-persiapan yang lelah dilaksanakan untuk Tahun Melawat Malaysia 1990 pada umumnya.
- (b) Persiapan-persiapan yang telah kita laksanakan setakat ini merupakan sebahagian daripada usaha jangka panjang

untuk membaiki kemudahan-kemudahan dan sebagainya untuk meningkatkan industri pelancongan. Kementerian berpendapat pihak-pihak yang terlibat di dalam melaksanakan usaha-usaha persiapan ini telah dan sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan-nya sungguhpun kita semua menyedari bahawa lebih banyak lagi usaha-usaha perlu dilaksanakan sebelum kita dapat berpuashati tentang mutu kemudahan dan perkhidmatan yang kita tawarkan kepada pelancong-pelancong.

- (c) Kementerian ini pada keseluruhannya tidak menganggap bahawa pelancong-pelancong luar negeri ada membawa gejala-gejala buruk ke negara ini. Walau bagaimanapun, jika ada, mungkin ianya merupakan "isolated case" yang tidak harus dirasa mengancam negara kita.

### RUMAH ORANG-ORANG TUA

23. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan adakah Kementerian-Kementerian ini mengadakan projek rumah-rumah orang-orang tua masa kini, kalau ada berapakah untuk tahun 1990 ini, dan sebutkan tempat-tempat yang akan diperuntukkan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Mustaffa bin Mohammad): Dalam tahun 1990 Kementerian Kebajikan Masyarakat akan membina 116 unit ruman untuk orang-orang tua Islam yang tidak berwaris. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini adalah dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang telah dilancarkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Unit-unit

tersebut akan dibina di tempat-tempat yang berikut:

<i>Tempat Dibina</i>	<i>BHangan Unit</i>
Raub, Pahang	20
Jasin, Melaka	11
Melaka Tengah, Melaka	11
Alor Gajah, Melaka	11
Negeri Perlis	25
Bukit Mertajam, Pulau Pinang	8
Perak Tengah, Perak	30
Jumlah	116

### PASARAN PERTUKARAN WANG ASING

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Bank Negara dinamakan sebagai pemain wang pertukaran asing utama di rantau ini, amaun purata urusniaga wang pertukaran asing yang dijalankan setiap hari, sama ada spekulasi dalam wang pertukaran asing adalah satu dasar yang direstuihnya.

14-3-90

Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Malaysia telah "bermain" dalam pasaran tukaran wang asing tahun lalu yang melibatkan jumlah wang sebanyak US\$1 billion sehari untuk "speculative" dan nyatakan sebabnya;
- (b) keuntungan atau kerugian hasil penglibatan dalam "speculative activity" ini; dan
- (c) sama ada Lembaga Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Board) Amerika Syarikat telah meminta Malaysia menghentikan kegiatan begini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka, yang

dijadualkan dijawab pada 14hb Mac, 1990, saya motion untuk menjawab kedua-dua pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu serentak pada hari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penglibatan Bank Negara Malaysia dalam pasaran pertukaran wang asing adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti untuk mengurus dan mengawal rizab luar negara.

Penglibatan Bank Negara adalah kecil sahaja jika dibandingkan dengan pihak-pihak lain. Kita tidak tahu mengapa ada pihak yang menamakan Bank Negara sebagai pemain utama di rantau ini, Kita memang sedar mengenai tuduhan ini tetapi menganggapnya sebagai perkara biasa sahaja kerana ada pihak-pihak tertentu termasuk penjual (dengan izin 'dealer') yang suka menyebarkan khabar-khabar angin mengenai pembelian sesuatu matawang oleh pihak tertentu termasuk Bank Negara untuk kepentingan diri sendiri. Di samping itu, ada juga pihak-pihak tertentu yang cuba menyebarkan fitnah dan tidak senang dengan apa yang kita lakukan bagi mempertahankan kedudukan negara kita daripada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak-pihak lain di pasaran antarabangsa.

Operasi Bank Negara Malaysia dalam pasaran wang dan sekuriti antarabangsa adalah dianggap sulit. Dengan demikian Kementerian Kewangan tidak dapat mendedahkan amaun yang diurusniaga oleh Bank Negara setiap hari.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, urusniaga pertukaran wang asing oleh Bank Negara Malaysia adalah dibenarkan di bawah Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, penglibatan Bank Negara Malaysia dalam pasaran matawang

antarabangsa adalah untuk mengurus dan melindungi kedudukan rizab luar negara dan bukan untuk tujuan spekulasi. Dengan demikian soal untung-rugi dalam urusan itu adalah tidak timbul kerana pembelian dan penjualan sesuatu matawang asing hanyalah mengubah jenis matawang yang dipegang oleh Bank Negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penglibatan Bank Negara Malaysia dalam urusniaga pertukaran matawang asing adalah tidak dilarang oleh mana-mana pihak termasuk Lembaga Simpanan Persekutuan Amerika Syarikat. Pihak yang membangkitkan perkara ini mungkin terdiri daripada mereka yang kurang senang dengan cara kita menguruskan rizab luar negara yang menyebabkan sukar bagi mereka untuk membuat spekulasi ke atas matawang kita.

#### **ARTIS—ETIKA DAN DISIPLIN**

**25. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah kejayaan Kerajaan dalam menentukan terlaksananya etika dan disiplin dari kalangan para artis semasa persembahan;
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap Syarikat Televisyen Swasta yang tidak mematuhi peraturan mengenai etika dan disiplin dalam persembahan.
- (c) apakah ada tindakan telah diambil setakat ini ke atas mereka yang melanggar peraturan tersebut.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): RTM mempunyai garis panduan untuk memastikan susunan dan kandungan rancangan-rancangan untuk siaran sesuai dengan keperluan masyarakat dan Negara. Garis panduan tersebut

meliputi garis panduan penerbitan dan tata tertib yang mempunyai Kod Pakaian dan rambut bagi artis-artis lelaki dan wanita, garis panduan penapisan dan etika dan Kod Pengiklanan. Garis panduan ini merangkumi semua perkara yang dibolehkan dan yang dilarang bagi siaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mencubuhkan suatu Jawatankuasa Kod Etika Penyiaran peringkat Menteri untuk mengawal rancangan Televisyen dan Radio yang dipengerusikan oleh Menteri Penerangan dan dianggotai oleh Menteri Pendidikan, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Menteri Belia dan Sukan dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa tersebut sudah pun menyediakan satu Kod Etika Penyiaran yang akan digunakan oleh semua Badan-badan Penyiaran baik Kerajaan ataupun Swasta sesuai dengan Akta Penyiaran 1988.

Jika ada stesyen swasta yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian ini maka nasihat dan amaran akan diberi. Tindakan terakhir yang akan diambil sekiranya pihak TV swasta tidak mematuhi syarat-syarat lesen yang mana termasuk etika dan disiplin adalah untuk menarik balik kelulusan atau lesen penyiaran yang dikeluarkan di bawah akta penyiaran 1988.

Jikalau ada artis yang tidak mematuhi garis panduan penerbitan dan tata tertib persembahan dan TV seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan, tindakan terpaksa diambil untuk mengecualikan mereka dari pertunjukan-pertunjukan tertentu sehingga mereka sanggup mematuhi garis panduan itu.

Semua artis yang ingin membuat persembahan telah dimaklumkan terlebih dahulu akan garis panduan dan kod etika serta tertib persembahan itu.

Antara yang pernah dikecualikan adalah hanya penyanyi yang terlibat dalam penggunaan najis dadah.

## **BURUH BEKERJA DILADANG-LADANG**

26. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dengan kekurangan buruh-buruh untuk bekerja di ladang-ladang dan juga pembinaan dan terpaksa pihak yang berkenaan mengambil buruh-buruh haram untuk bekerja di bidang yang tersebut di atas. Dengan ini, tidak ada cadangan dari pihak Kerajaan untuk mencemburui pendatang-pendatang haram yang beratus-beratus ribu orang telah masuk ke negara ini dan bekerja agar diberi pas masuk dan juga permit kerja dengan sah dan dengan ini pihak Kerajaan dapat mengenalpasti semua rakyat asing yang berada di negara ini dan dengan ini juga pihak Kerajaan akan lebih senang untuk menghantar mereka-mereka ini balik ke negara masing-masing apabila pas dan permit mereka tamat.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Beberapa ladang di negara ini telah menggunakan buruh-buruh tanpa izin. Penggunaan ini adalah kerana kurangnya buruh-buruh tempatan yang ingin bekerja di sektor berkenaan. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan telah menetapkan tempoh khas bagi pihak ladang mendaftarkan buruh-buruh tersebut dengan Kerajaan, supaya tindakan dapat diambil untuk melegalisasikan penggunaan buruh-buruh itu.

Bagi sektor pembinaan pula, pihak Kerajaan mendapati masalah kekurangan buruh yang dihadapi tidaklah begitu serius jika dibandingkan dengan sektor perladangan.

**PARTI KOMUNIS  
MALAYA—PERSETUJUAN  
PERDAMAIAN**

27. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kemajuan pelaksanaan kandungan 'persetujuan' perdamaian antara PKM dengan Kerajaan Malaysia, di mana PKM bersetuju meletakkan perjuangan bersenjata. Sejauh manakah pelaksanaan persetujuan yang telah dicapai setakat ini dan adakah pemimpin-pemimpin PKM seperti Chin Peng, Abdullah CD dan Rashid Maidin akan dibenarkan pergi ke pangkuan masyarakat secara bebas tanpa melalui proses undang-undang dan pemulihan sebagai orang tahanan. Jika mereka mesti melalui proses undang-undang dan pemulihan sebagai tahanan, apakah bentuknya, cara mana dan berapa lama termasuk anggota PKM lain yang terlibat.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Brikutan termelcerninya perjanjian pada 2 Disember 1989 lalu, Parti Komunis Malaya (PKM) telah pun menamatkan sama sekali kegiatan-kegiatan bersenjatanya. PKM telah juga membubarkan unit-unit bersenjatanya dan seramai 1,091 bekas anggota-anggota PKM telah pun keluar dari pengkalan-pengkalan mereka di hutan. Setakat ini, lebih daripada 1,120 laras senjatapi, 80,370 butir peluru, 390 butir bom tangan, 1,650 bahan letupan (landmines) dan 3,860 alat letupan (detonators) telah dimusnahkan oleh pihak PKM di perkarangan empat buah Perkampungan Aman (Friendship Villages) di Wilayah Yala dan Narathiwat, Selatan Thailand. Pemusnahan tersebut telah disaksikan oleh pegawai-pegawai daripada pihak-pihak berkuasa Malaysia dan Thai. Tindakan-tindakan juga sedang diambil untuk mengesan dan memusnahkan semua jerangkap sarnar yang dijadualkan mulai bulan Mac ini di kawasan di sepanjang sempadan Malaysia-Thai.

Pihak PKM adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan ini yang akan diatur di bawah penyeliaan Pasukan Keselamatan Malaysia.

Setakat ini, Kementerian ini belum lagi menerima sebarang permohonan daripada bekas anggota-anggota PKM yang berhasrat untuk pulang ke Malaysia. Sekiranya ada permohonan-permohonan sedemikian, pertimbangan mengenainya adalah mengikut peraturan dan undang-undang negara. Mengenai bentuk proses undang-undang yang perlu dilalui bergantung kepada kes masing-masing.

**MAS—TAMBANG UDARA  
KUALA LUMPUR—  
SABAH/KUALA LUMPUR—  
SARAWAK**

28. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah tambang udara di antara Kuala Lumpur—Sabah dan Kuala Lumpur—Sarawak belum lagi dikurangkan walaupun terdapat banyak permintaan oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, apakah Kerajaan akan menimbangkan untuk membenarkan pesawat-pesawat luar beroperasi di kawasan-kawasan tersebut sebagaimana yang telah dicadangkan oleh seorang Menteri Sarawak tahun lalu.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sedang mengkaji kadar tambang dalam negeri termasuk di antara Kuala Lumpur—Sabah dan Kuala Lumpur—Sarawak. Kajian ini akan mengambil kira semua faktor termasuk unsur kos operasi penerbangan.

Cadangan supaya dibenarkan syarikat-syarikat penerbangan asing beroperasi di antara Kuala Lumpur—Sarawak adalah masih dalam kajian Kerajaan.

## HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN AFRIKA SELATAN

29. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang hendak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Afrika Selatan pada masa hadapan berikutan dengan penarikan balik pengharaman selama 30 tahun Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dan ujudnya kelembutan di pihak regim Pretoria mengenai dasar apartheid.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan sehingga sistem apartheid dihapuskan sama sekali. Walaupun rejim Pretoria telah menarik balik pengharaman selama 30 tahun terhadap Kongres Afrika (ANC) dan organisasi-organisasi anti-apartheid yang lain serta membebaskan Encik Nelson Mandela, sistem apartheid masih utuh di Afrika Selatan.

Masyarakat dunia akan terus mengenakan sekatan-sekatan terhadap negara itu sehinggalah ianya membubarkan segala-segalanya yang merintang pencapaian keadilan dan demokrasi bagi rakyat Afrika Selatan. Malaysia mengalukan-alu keputusan ini dan menganggap perkembangan ini sebagai suatu langkah positif ke arah perundingan bagi mewujudkan pemerintahan majoriti di Afrika Selatan.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang lebih konkrit harus diambil oleh regim Pretoria terutamanya menarik balik keadaan darurat dan menghapuskan undang-undang apartheid yang masih kekal seperti Akta Pendaftaran Penduduk 1954, Akta Tanah 1913, Akta Pendidikan, "The Group Areas Act 1960" dan "The Colour Bar Act".

## PELAJAR ITM—KELAYAKAN MASUK

30. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM) Datuk Dr Haji Mohd, Mansur Salleh telah mengenalpasti kelayakan masuk akademik yang tidak cukup tinggi dan campurtangan ahli-ahli politik yang menyalahgunakan kedudukan mereka untuk memasukkan pelajar-pelajar ITM sebagai punca utama kemerosotan pelajar ITM dan kalau ia nyatakan;

- (a) apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan masalah ini;
- (b) apakah tindakan yang akan diambil terhadap ahli-ahli politik yang menyalahgunakan kedudukan mereka; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa sistem quota yang mengakibatkan kemerosotan akademik mestilah dihapuskan.

Dr Leo Micheal Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelajar-pelajar yang di terima masuk ke ITM mempunyai kelayakan yang cukup dan bersesuaian dengan kursus yang diikuti. Oleh itu, tidak timbul isu mengenai kelayakan masuk tanpa kelulusan akademik yang cukup dan penyalahgunaan kedudukan ahli-ahli politik untuk memasukkan pelajar-pelajar ke ITM.

Kelayakan masuk ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan adalah berdasarkan kepada kelulusan akademik serta kemampuan pelajar untuk mengikuti kursus-kursus yang dipohon. Dalam usaha memenuhi kuota seperti yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri, Kementerian Pendidikan masih terus memastikan pelajar-pelajar itu harus terlebih dahulu mempunyai kelayakan-kelayakan yang dinyatakan di atas. Oleh itu, tidak timbul isu

kemerosotan akademik yang disebabkan oleh sistem kuota.

Sebenarnya, semua institusi pen g a j i an tinggi di negara ini sed an g berusaha ke arah kecemerlangan akademik untuk memenuhi aspirasi negara seperti yang tereâtal dalam Falsafah Pendidikan Negara.

### RINGGIT MALAYSIA— PERTUKARAN

31. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Faktor-faktor yang menyebabkan pertukaran ringgit Malaysia terus jatuh berbanding dengan dolar Singapura sejak tahun lepas, lebih-lebih lagi ketika dolar Amerika Syarikat dilapor sedang mengukuh di pasaran wang antarabangsa.
- (b) Memandangkan Kerajaan telah mengumumkan dasar tidak mahu campurtangan dalam mekanisma pertukaran asing, adakah ianya bermakna ringgit Malaysia dibiarkan terus jatuh terhadap dolar Singapura, jika tidak, mâka bagaimanakah Kerajaan bereadang menghalang kejatuhan kadar peruntukan ini tanpa memasuki pasaran matawang.

25.2.90

44. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab matawang ringgit Malaysia telah merosot berbanding dengan matawang Singapura; apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kemerosotan matawang ringgit Malaysia berbanding dengan matawang Singapura.

6.5.90

37. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadar pertukaran matawang Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura adalah dalam lingkungan \$1.50 sen (Malaysia) bagi setiap \$1.00 (Singapura) dan ini adalah yang paling rendah dalam sejarah tukaran wang kedua-dua negara tersebut, jika ya, nyatakan sebab-sebab boleh berlaku keadaan ini di mana Ringgit Malaysia sungguh lemah berbanding dengan Dolar Singapura.

8.3.90

8. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kewangan menyatakan secara perbandingan nilai ringgit Malaysia dengan nilai wang negara-negara Asian setelah kejatuhan nilai ringgit itu. Dan nyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan nilai ringgit itu. Dan apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasinya.

8.3.90

20. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa nilai ringgit terus jatuh berbanding dengan nilai matawang asing, memandangkan kepada dakwaan Kerajaan bahawa ekonomi Kerajaan telah lebih meningkat atau terus meningkat s e m e n j âk tahun lalu.

8.3.90

48. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab berlakunya kemerosotan berterusan nilai matawang ringgit berbanding dengan matawang Yen, Dollar Singapura dan lain-lain matawang, dan sama ada ini telah menyumbang terhadap peningkatan kos hidup dan inflasi.

## 14.3.90

42. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kewangan menyatakan nilai matawang negara kita amat kurang jika berbanding dengan Singapura. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa cadangan untuk menurunkan nilai matawang negara kita.

Dato' Wan Abu Bakar bin VVan Mohamed: Di dalam persidangan Dewan Rakyat kali ini, saya menerima beberapa soalan-soalan berkenaan nilai ringgit. Soalan-soalan ini dikemukakan oleh ahli-ahli berikut:

<i>Nama Ahli</i>	<i>Kawasan</i>
(1) Y.B. Dr Tan Seng Giaw	Kepong
(2) Y.B. Tuan Fung Ket Wing	Sandakan
(3) Y.B. Tuan P. Patto	Ipoh
(4) Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah	Tasek Chenderoh
(5) Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu	Tawau
(6) Y.B. Dr Chen Man Hin	Seremban
(7) Y.B. Tuan M.G. Pandithan	Tapah

Walaupun soalan-soalan berlainan sedikit, pada keseluruhannya sama dalam ertikata meminta penerangan dan penjelasan mengenai:

- (a) Perbandingan nilai ringgit Malaysia dengan nilai matawang negara-negara terutama dari negara-negara Asia, terutamanya dolar Singapura;
- (b) Faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan nilai ringgit itu;
- (c) Sama ada kejatuhan ini telah menyumbang kepada peningkatan kos dan inflasi, pengurangan import dan peningkatan eksport kita;
- (d) Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Kewangan bagi mengatasinya;
- (e) Adakah ringgit dibiarkan terus jatuh terhadap dolar Singapura, jika tidak bagaimanakah

Kerajaan bercadang untuk menghalang kejatuhan nilai ringgit; dan

- (f) Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menurunkan nilai ringgit.

Dengan izin, saya ingin menjawab kesemua soalan-soalan itu sekaligus.

Dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas telah memberitahu Dewan ini faktor-faktor yang menyebabkan naik turun nilai ringgit dari tahun 1985 ke tahun 1988. Dengan itu saya ingin menerangkan kepada Dewan sekarang faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan-perkembangan ringgit dalam tahun 1989 ke masa kini.

Pada tahun 1989 nilai ringgit telah kukuh terhadap beberapa matawang utama dan matawang Asia, berbanding dengan tahun 1988. Dalam bulan Januari 1990 nilai ringgit adalah sama dengan nilainya pada bulan Januari 1989 berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan deutchemerk. Walau bagaimanapun, nilai ringgit hanya merosot sebanyak 2% terhadap dolar Singapura dan 4% terhadap pound sterling.

Pada asasnya nilai sesuatu matawang adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara seperti kadar pertumbuhan, imbalan pembayaran, inflasi dan pasaran matawang. Nilai ringgit adalah diasaskan kepada nilai sekumpulan matawang atau komposit rakan dagangan utama Malaysia. Naik atau turunnya nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditentukan oleh faktor pasaran, di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya turun dan naik nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dolar Singapura baik pun dolar Amerika, yen Jepun, deutchemerk Jerman Barat, Pound Sterling dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh



faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu. Saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan tidak sengaja mengurangkan nilai ringgit. Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk campurtangan di dalam pasaran matawang asing. Kerajaan hanya bertindak di dalam pasaran matawang asing untuk menentukan keadaan pasaran terhadap ringgit adalah teratur.

Kemerosotan nilai ringgit terhadap dolar Singapura adalah disebabkan oleh perkembangan-perkembangan di Singapura. Sebagai satu pusat kewangan antarabangsa, Singapura mempunyai dasar yang herlainan dari kita yang mempunyai ekonomi yang berasaskan sumber-sumber asli dan pembuatan. Tambahan pula ekonomi negara Singapura adalah lebih kukuh dari negeri kita dengan pendapatan per capita lebih empat kali ganda. Kita seharusnya tidak perlu merasa begitu bimbang terhadap pergerakan satu matawang asing sahaja. Kita seharusnya mengambil kira pergerakan ringgit terhadap komposit matawang rakan-rakan dagangan utama Malaysia.

Matlamat negara kita adalah berlainan jika dibanding dengan Singapura. Nilai ringgit yang kompetitif akan memberi lebih munafaat kepada kita kerana matlamat utama kita adalah pembangunan sumber-sumber ekonomi. Kemerosotan nilai ringgit terhadap dolar Singapura telah menghasilkan kesan-kesan yang baik kepada negara kita terutama sekali kepada negeri Johor, dari segi pelancongan dan pelaburan.

Dengan nilai ringgit yang ada sekarang, daya bersaing eksport barangan Malaysia yang kebanyakannya di setu harga dalam dolar Amerika Syarikat telah meningkat dan ini telah menambahkan eksport negara dan menambahkan hasil pengeksport-pengeksport. Untuk tahun 1989 jumlah

eksport Malaysia telah meningkat kepada \$68 ribu jula berbanding dengan \$55 ribu juga pada tahun 1988. Tambahan pula nilai ringgit sekarang jadi pendorong kepada usaha menggantikan import dan bahan-bahan pengeluaran yang lebih mahal dengan keluaran-keluaran tempatan dalam negeri.

Sungguhpun demikian, kejatuhan nilai ringgit juga tidak begitu meningkatkan harga-harga barang di pasaran tempatan. Kadar inflasi dalam tahun 1989 adalah sederhana, iaitu sebanyak 2.8 peratus sahaja walaupun kadar yang dijangkakan semasa Belanjawan tahun lepas ialah 4 peratus. Ini disebabkan oleh nilai ringgit yang lebih stabil dalam tahun 1989 dan Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah-langkah untuk membendung tekanan inflasi. Langkah-langkah ini termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati untuk mengurangkan tekanan atas harga-harga dalam negeri serta pengawalan terhadap harga barang-barang keperluan, pengawalan pembekalan dan langkah-langkah untuk menambahkan pengeluaran tempatan.

#### *Tindakan-tindakan Mengukuhkan Nilai*

"Fundamentals" dalam ekonomi Malaysia terus kukuh dan ekonomi kita dijangka terus bertumbuh pada kadar yang tinggi dalam tahun sembilan puluhan. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah fiskal dan kewangan telah berhasil di dalam mengukuhkan pertumbuhan negara dan meningkatkan pelaburan terutamanya pelaburan-pelaburan asing.

Oleh kerana ekonomi kita adalah kukuh, kedudukan rizab kita adalah memuaskan dan kadar inflasi adalah rendah, ringgit dijangka akan menjadi lebih stabil pada masa akan datang.

## KADAR PERTUKARAN RINGGIT AKHIR TEMPOH

Tempoh	Dolar AS	Dolar Singapura	Pound Sterling	Deutsche-mark	Yen (100)
1981	2.24	1.10	4.29	1.00	1.02
1982	2.32	1.10	3.76	0.97	0.99
1983	2.34	1.11	3.40	0.86	1.01
1984	2.43	1.11	2.83	0.77	0.97
1985	2.41	1.15	3.48	0.98	1.20
1986	2.60	1.20	3.82	1.34	1.63
1987 Mac	2.51	1.17	4.03	1.39	1.72
Jun	2.53	1.19	4.05	1.38	1.72
Sept.	2.54	1.21	4.13	1.38	1.73
Dis.	2.49	1.30	4.67	1.57	2.03
1988 Mac	2.56	1.28	4.81	1.54	2.05
Jun	2.61	1.28	4.45	1.43	1.96
Sept.	2.68	1.31	4.51	1.42	1.99
Dis.	2.71	1.39	4.87	1.52	2.15
1989 Mac	2.73	1.40	4.64	1.45	2.08
Jun	2.70	1.38	4.18	1.38	1.88
Sept.	2.69	1.37	4.35	1.44	1.93
Dis.	2.70	1.42	4.34	1.60	1.88
1990 Jan (pada 26hb)	2.70	1.45	4.53	1.60	1.87
<b>%Perubahan Tahun Asas</b>					
1985 Jari990	<del>-1074</del> 00	<del>-209</del> -207	<del>-2318</del> -419	<del>-375</del> 00	<del>-3583</del> 053

**KELAS IBUNDA (POL)**

32. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Pendidikan menyatakan terdapat setengah-setengah sekolah masih belum meluluskan kelas ibunda (POL), apakah sebabnya dan kenapa Kementerian Pendidikan tidak mewajibkan setiap murid mengambil bahasa ibunda sebagai satu mata pelajaran dalam pepenksaan utama di sekolah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada

ketika ini semua kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telahpun diluluskan dan sedang berjalan dengan lancar. Rekod Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa tidak ada sekolah yang masih belum menjalankan kelas-kelas berkenaan. •

Soal mewajibkan setiap murid mengambil Bahasa Cina atau Bahasa Tamil dalam peperiksaan utama adalah tidak wajar memandangkan pembelajaran bahasa-bahasa ini sendiri tidak diwajibkan di bawah Akta Pelajaran.

**CUKAI ATAS ALAT-ALAT  
SUKAN**

**33. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan selaras dengan pengumuman anggaran belanjawan tahun lalu, adakah Kementerian beliau bersetuju yang pengurangan cukai ke atas alai-alat sukan adalah untuk menjayakan sukan di negara ini dan memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah untuk bersukan, dan sama ada beliau sedar bahawa mereka di Industri Sukan telah gagal mengecualikan cukai ke atas barangan sukan untuk pengguna-pengguna. Apakah tindakan Kementerian beliau untuk memastikan yang pengumuman anggaran belanjawan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan. Ini dijelaskan melalui slogan "Malaysia Cergas" yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Salah satu dari strategi bagi menentukan semua pihak terutama yang berpendapatan rendah dapat menyertai kegiatan sukan, rekreasi dan kecergasan ialah memastikan harga peralatan sukan adalah dalam lingkungan kemampuan pengguna. Atas kesedaran itu, Kerajaan telah mengurangkan dan menghapus cukai ke atas peralatan-peralatan sukan yang tertentu. Pengecualian ini telah dikuatkuasakan sejak Januari 1990 iaitu selepas pengumuman oleh Menteri berkenaan. Pihak Kementerian sentiasa mengambil perhatian terhadap pengurangan cukai ini dan bekerjasama dengan persatuan-persatuan sukan yang berkaitan bagi memastikan pengedar dan penjual peralatan sukan menjual dengan harga yang berpatutan dan tidak mengambil keuntungan yang berlebihan.

**SRJK (T) LADANG BUKIT  
GENTING, PENDANG/  
SRJK (T) LADANG  
NAGALELAI, PENDANG  
SERAI—PENUTUPAN**

**34. Tuan S. S. Subraaniam** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebabnya dua buah sekolah SRJK (T) di Negeri Kedah yang mempunyai bilangan murid kurang dari 20 orang telah diarah tutup. B u k a n k a h penutupan sekolah-sekolah tersebut bertentangan dengan Akta Pelajaran yang memberi persekolahan yang percuma kepada semua anak-anak kita di negara ini. Adakah kemudahan-kemudahan yang lain yang telah pun disediakan untuk murid-murid ini melanjutkan persekolahan mereka.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah yang telah ditulup itu ialah SRJK (T) Ladang Bukit Genting, Pendang dan SRJK (T) Ladang Nagalelai, Padang Serai, Kedah. Sekolah-sekolah itu ditutup kerana bilangan muridnya terlalu kecil (15 orang dan 11 orang) dan didapati tidak lagi ekonomik. Oleh kerana bilangan muridnya sangat kurang, hanya 3 orang guru boleh dihantar ke tiap-tiap sekolah itu, termasuk Guru Besarnya. Ini bererti pengajaran terpaksa dijaijankan dalam kelas-kelas bercantum. Peruntukan kewangan bagi tiap-tiap sekolah pun amat terhad, dan kemudahan-kemudahan sekolah pun serba kekurangan. Dengan kesulitan-kesulitan yang dihadapi itu, pelajaran murid tidak boleh maju.

Penutupan sekolah-sekolah itu tidak bertentangan dengan Akta Pelajaran kerana murid-murid yang terlibat masih dapat meneruskan persekolahan mereka di sekolah-sekolah baru yang lebih besar dan mempunyai kemudahan-kemudahan pendidikan yang lebih sempurna.

### **SEKOLAH MENENGAH PINAWANTAI DIKEKALKAN**

**35. Tuan Madatang bin Morejal** minta Menteri Pendidikan menyatakan jaminan Kementerian beliau agar Sekolah Menengah Pinawantai, Kudat dikekalkan kedudukannya di kampung Pinawantai walaupun sesudah siapnya pembinaan Sekolah Menengah Sikuati. Apakah sebab-sebab Kementerian Pendidikan tidak bersetuju kedudukan SK Pinawantai diteruskan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan Sekolah Menengah Pinawantai akan terus dikekalkan di SK Pinawantai sebagai Sekolah Menengah Rendah walaupun kawasan ini tidak mempunyai bekalan air, api dan kemudahan asas yang lain. Sekolah Menengah Pinawantai akan menjadi "feeder-school" kepada Sekolah Menengah Sikuati, yang akan menerima sebahagian daripada pelajar-pelajarnya dari Sekolah Menengah Pinawantai apabila mereka memasuki Tingkatan 4. Ini adalah kerana Sekolah Menengah Sikuati terletak di kawasan yang lebih baik dari segi infrastruktur dan akan dilengkapi dengan asrama serta akan dapat menampung seramai lebih dari 300 orang pelajar apabila siap pembinaannya nanti.

### **RISDA—HUKUMAN TATATERTJIB KEPADA PEGAWAI/KAKITANGAN**

**36. Dato\* Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sehingga Disember 1989, berapa ramaikah Pegawai dan kakitangan RISDA yang telah dikenalpasti melakukan berbagai-bagai kesalahan seperti salah laku atau menyalahgunakan kuasa, rasuah dan sebagainya. Dan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak

Kementerian ke atas mereka yang bersalah itu. Dan apakah jaminan pihak Kementerian perkara-perkara yang seumpama itu tidak akan berulang lagi.

### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):**

1. Dari Januari hingga Disember 1989, seramai 30 orang Pegawai dan kakitangan RISDA telah dikenakan berbagai hukuman tatatertib.
2. RISDA telah mengambil tindakan untuk membuang kerja dan menamatkan perkhidmatan bagi 14 orang Pegawai. Sehingga bulan Februari 1990 pula, 4 orang Pegawai lagi telah dikenakan hukuman buang kerja,
3. Mulai 1990, RISDA telah menetapkan kawalan disiplin dan memastikan tiap-tiap Pegawai menjalankan tugasnya dengan baik. Jika berlaku kesalahan, tindakan akan diambil mengikut peraturan-peraturan yang telah sedia ada.

### **KATION MAKANAN KE SEKOLAH-SEKOLAH**

**37. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) nama-nama syarikat yang telah diberi kontrak untuk membekalkan "ration makanan kepada sekolah-sekolah Kerajaan menengah dan rendah di negeri Sarawak dalam tahun 1990;
- (b) jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut;
- (c) proses dalam memanggil tawaran bagi kontrak ration makanan dan nama-nama ahli Tender Board yang terlibat; dan

- (d) sama ada syarikat-syarikat yang diberi kontrak itu berasal dari Semenanjung Malaysia, rakyat negeri Sarawak dinafikan peluang untuk mendapat kontrak tersebut.

**Dato' Wan Abu Bakâr bin Wan Mohamed:** Mengenai soalan (a): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1990 ini Kerajaan belum lagi mengadakan kontrak membekal ration dengan mana-mana syarikat di Sarawak.

Mengenai soalan (b) pula: Jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk membiayai kontrak bekalan makanan di Sarawak bagi tahun 1990 ialah sebanyak \$116.9 juta.

Berhubung dengan soalan (c) pula, jawapannya adalah seperti berikut:

1. Dokumen-dokumen tender adalah disediakan oleh Jabatan Pendidikan. Deraf dokumen-dokumen tender yang berkaitan dikemukakan ke Pejabat Kewangan Persekutuan untuk semakan sebelum diiklan.
2. Selepas semakan dibuat dan kelulusan diberi, tender yang berkaitan diiklankan di dalam surat khabar termpatan. Tender ditutup tiga (3) minggu selepas tender diiklankan.
3. Tender-tender sekoiah menengah Kerajaan adalah diuruskan oleh Ibu Pejabat Pendidikan. Tender-tender bagi sekolah rendah Kerajaan diuruskan oleh Pejabat Pendidikan Bahagian untuk tiap-tiap Bahagian di negeri Sarawak.
4. Pejabat Kewangan Persekutuan Sarawak adalah urusetia untuk Lembaga Tender Pusat Persekutuan, Tender-tender

perlu dikemukakan ke Pejabat Kewangan Persekutuan di mana peti-peti tender disediakan. Tender dibuka sehari selepas tender ditutup. Pegawai dari Pejabat Kewangan Persekutuan dan dari Ibu pejabat Pendidikan atau Pejabat Pendidikan Bahagian adalah menjadi ahli Pembukaan Tender.

5. Selepas tender dibuka di Pejabat Persekutuan, dokumen-dokumen tender adalah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan untuk di proses dan disediakan taklimat tender (tender briefs).
6. Apabila taklimat tender (tender briefs) siap disediakan oleh Jabatan Pendidikan, Mesyuarat Lembaga Tender Pusat Persekutuan diadakan.
7. Berdasarkan kepada Warta Kerajaan, Lembaga Tender Pusat Persekutuan Sarawak adalah terdiri daripada:

Penggenisi - Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak

Ahli-ahli - Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak atau wakil

Pengarah Perdagangan Kementerian Perdagangan dan perindustrian Cawangan Sarawak

Pengarah Kerja Raya Negeri Sarawak atau wakil

Pengarah Pembangunan Negeri fltau wakil

daripada Jabatan yang beikenaan

Mengenai soalan (d) pula: Oleh kerana belum ada kontrak yang telah ditandatangani pada tahun 1990 ini, maka saya tidak dapat memberi apa-apa jawapan kepada soalan ini.

## BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—PENGASINGAN

38. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah pretasi KLSB setelah kita berpisah dengan SES Singapura dan bagaimanakah kesan positif atau negatifnya.

7.3.90

39. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat manakah pemisahan antara Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Bursa Saham Singapura telah mendatangkan kesan kepada preslasi Bursa Saham Kuala Lumpur pada khususnya dan ekonomi negara pada amnya; dan
- (b) semenjak Singapura memperkenalkan CLOB yang memperdagangkan saham-saham Malaysia, sejauhmanakah ia telah mempengaruhi dagangan saham-saham yang sama di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Lamt adalah serupa dengan pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pontian yang dijadualkan untuk dijawab pada 7hb Mac 1990 maka saya memohon menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak pada nari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak pemisahan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Bursa Saham Singapura (BSS), jumlah dagangan harian di BSKL telah bertambah berlipat ganda. Sebagai perbandingan, bagi tahun 1990, BSKL pernah mencatat jumlah dagangan terbanyak sehingga 214 juta saham

dalam sehari berbanding dengan 86 juta saham sehari dalam bulan Disember lepas.

Sungguhpun begitu, pertambahan dagangan di BSKL semenjak kebelakangan ini adalah juga disebabkan oleh beberapa faktor lain. Antaranya ialah, kedudukan ekonomi negara yang bertambah baik, kekukuhan pasaran modal tempatan dan peningkatan keyakinan para pelabur berikutan minat yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur asing terhadap pasaran saham tempatan.

Di samping itu, dengan pemisahan ini juga, pasaran kita tidak perlu lagi mengekori apa yang dilakukan oleh pasaran Singapura dan ini membolehkan kita menentukan destini pasaran kita tanpa diganggu gugat oleh perkembangan negatif di Singapura.

Semenjak pemisahan BSKL dan BSS, pengurus-pengurus tabung asing sudah mula melihat BSKL sebagai pasaran rasmi yang tunggal untuk saham-saham Malaysia dan ini akan seterusnya menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan yang terulung di rantau ini.

Sokongan asing telah bertambah kerana sekarang BSKL sahajalah yang menjadi pasaran rasmi untuk saham Malaysia. Pelabur-pelabur asing biasanya membuat urusan dengan pasaran yang rasmi sahaja.

## PENYAKIT HEPATITIS B

39. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) selain daripada imunisasi apakah rawatan lain bagi penyakit Hepatitiis B;
- (b) bagaimanakah seriusnya jangkitan Hepatitis B ini pada bayi-bayi yang baru lahir dan

penagih dadah berkongsi jarum suntikan; dan

- fe) bagaimana kadar jangkitan penyakit ini dibandingkan antara kawasan bandar dan luar bandar.

### **Tuan Chua Jui Meng:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh sebab pada masa ini belum ada rawatan yang khusus bagi penyakit Hepatitis B, maka rawatan-rawatan yang diberi kepada pesakit berkenaan adalah rawatan yang bertujuan untuk mengurangkan atau menghapuskan gejala-gejala penyakit sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, imunisasi ialah satu-satunya cara untuk mencegah daripada dijangkiti oleh penyakit ini dan bukanlah satu cara untuk merawat pesakit.

- (b) Jangkitan Hepatitis B ke atas bayi-bayi baru lahir berlaku jika si ibu adalah pembawa penyakit tersebut. Jangkitan berlaku kerana terdapat percampuran darah ibu dan darah bayi semasa dilahirkan. Jika ini berlaku, terdapat risiko setinggi 90% bagi bayi tersebut menjadi pembawa penyakit.

Dari beberapa kajian darah yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, kadar pembawa kuman Hepatitis B di kalangan penagih dadah adalah di antara 12%-14%. Kuman Hepatitis B ini merebak daripada seorang penagih dadah kepada penagih dadah yang lain melalui suntikan jarum yang telah tercemar dengan darah yang mengandungi kuman Hepatitis B.

- (c) Kadar jangkitan Hepatitis B tidak berbeza antara kawasan bandar dan luar bandar.

### **TELEFON ATUR DI SABAH**

40. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom Dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar pengguna-pengguna telefon ATUR di Sabah khususnya di Sandakan mengadu tentang kurangnya talian telefon yang menyebabkan ketidakselesaan kepada para pengguna; nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan Atur di negeri Sabah disediakan melalui penggunaan 220 saluran radio yang mengikut kiraan hanya dapat menampung pengguna bagi 4,40p pelanggan secara selesa tanpa mengalami congestion. Di Sabah terdapat 4,854 pelanggan dan ini telah menyebabkan kejadian congestion di beberapa kawasan di masa-masa tertentu.

Pihak Syarikat Telekom Malaysia Berhad telah menyedari perkara ini, dan sedang memasang 80 lagi saluran radio tambahan untuk mengatasi masalah ini. Saluran tambahan dijangka akan mula digunakan selewat-lewatnya di akhir bulan Mac ini.

Untuk makluman Yang Berhormat kerja-kerja ini termasuk juga kerja penambahan saluran di stesyen Trig Hill bagi kawasan Sandakan yang akan dibekalkan dengan 12 saluran tambahan, meningkatkan jumlah saluran di stesyen itu kepada 32 saluran. Pada masa ini hanya terdapat 20 saluran.

### PESTA KESENIAN RAKYAT ASIA

41. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan:

- (i) jumlah perbelanjaan yang ditanggung dalam menganjurkan Pesta Seni Rakyat Asia;
- (ii) bilangan pertunjukan yang dipentaskan; dan
- (iii) hasil yang dicapai.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (i) Bagi menganjurkan Pesta Kesenian Rakyat Asia 1990, Kerajaan membelanjakan \$400,000.00 bagi membiayai kos produksi sepanjang Pesta, kos penginapan, makan minum serta kos pengangkutan dalam negeri bagi seramai 450 orang peserta untuk 10 nari.

Perbelanjaan yang dikeluarkan adalah berpatutan. Jumlah tersebut tidak termasuk perbelanjaan kumpulan-kumpulan terlibat untuk datang ke Malaysia di mana ianya adalah ditanggung sendiri oleh kumpulan-kumpulan berkenaan.

- (ii) Sebanyak 16 pertunjukan telah diadakan sepanjang pesta berlangsung iaitu 7 pertunjukan di Stadium Negara, 1 persembahan tiap-tiap satu di Kota Bharu, Kuantan, Alor Setar, Pulau Pinang dan Johor Bahru, 2 persembahan di Ipoh dan 2 di Melaka. Para peserta pesta juga telah terlibat dalam perarakan yang telah diadakan di sepanjang Jalan Raja Laut pada 1 Februari sempena Hari Wilayah.
- (iii) Pesta Kesenian Rakyat Asia telah dapat memperkenalkan

Malaysia secara lebih dekat kepada dunia, setidak-tidaknya kepada 13 buah negara yang telah mengambil bahagian dan di samping itu pesta ini juga telah memberi peluang kepada masyarakat tempatan khususnya di Iuar Kuala Lumpur untuk menikmati kesenian negara-negara lain. Dengan ini, adalah diharapkan kesedaran lebih mendalam dan kom i te d terhadap kepentingan memelihara kesenian tradisi bangsa akan dipupuk. Sokongan kuat yang telah diberikan oleh media massa dan pihak RTM serta TV3 terhadap pesta berkenaan telah menyokong kejayaan program tersebut.

### STRATEGI MEMBASMI KEMISKINAN

42. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakâr minta Menteri Pertanian menjelaskan tentang:

- (a) apakah konsep dan strategi Jihad Kementerian Pertanian;
- (b) bilakah konsep ini akan dilaksanakan sehingga bila; dan
- (c) apakah konsep ini mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan "tamatnya tempoh DEB 1990".

Tuan Ong Tin Kim: Sebenarnya jihad yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian bukanlah satu konsep, tetapi seruan kepada semua pihak yang bertanggungjawab untuk membasmi kemiskinan. Strategi yang digunakan adalah merupâkan strategi secara langsung untuk membasmi kemiskinan di mana golongan sasar akan dikenalpasti dan bantuan yang diberi adalah berdasarkan kepada keperluan mereka. Objektif yang



hendak dicapai adalah untuk membantu golongan miskin membangunkan diri mereka sendiri (helping the poor to help themselves). Dengan ini bermakna segala sumber-sumber yang ada akan digunakan bagi membantu golongan miskin. Ini adalah merupakan "non-traditional approach" untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di negara kita.

Lima perkara yang ditekankan dalam seruan jihad ini ialah berani, rajin, amanah, disiplin dan setia.

Seruan ini dilancarkan pada 1hb. Februari! 1990 dan pelaksanaan jihad menerangi kemiskinan ini akan berterusan sehingga kemiskinan di kalangan keluarga tani dapat dihapuskan.

Seruan ini tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan tamatnya tempoh DEB 1990 tetapi merupakan satu langkah bagi membasmi kemiskinan di kalangan kaum tani. Ianya akan berterusan selagi kemiskinan di kalangan kaum tani masih wujud.

### TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN

43. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kemajuan yang dicapai oleh Tabung Pemulihan Usahawan dalam membantu usahawan-usahawan yang menghadapi masalah. Apakah Menteri berkenaan sedar bahawa terdapat permohonan-permohonan yang sejak sekian lama dibuat dan tidak dipertimbangkan dan terdapat pula permohonan yang telah lulus dan peruntukannya belum lagi dapat dikeluarkan. Apakah Kerajaan sedar bahawa pengharapan yang tinggi kepada TPU sebenarnya melemahkan semangat mereka untuk mengatasinya dalam jangka masa yang lama dan di samping pihak Institusi Kewangan pula tidak mahu bekerjasama serta akan mensia-siakan usaha-usaha mereka dan

tentu sekali tidak akan ada tempat bergantung sikiranya pihak TPU melambatkan perkara permohonan mereka. Apakah mereka bercadang untuk menarik keluar bank-bank yang tidak berkerjasama dengan TPU dan sebaliknya meletakkan wakil-wakil bank yang mahu berkerjasama dengan TPU ke dalam jawatankuasa Panel Khas TPU.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Sehingga 31 Januari 1990, sebanyak 1,216 permohonan yang melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak \$1,151.1 juta telah diterima oleh pihak Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan (TPU). Dari jumlah itu, sebanyak 1,102 permohonan atau 90,6% telah dipertimbangkan dan kedudukannya adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah Kes</i>	<i>%</i>
(i) Baniuan dUuluskan di bawah Skim TPU	301	27.3
(ii) Diselesaikan oleh Institusi Kewangan tanpa bantuan TPU	165	15.0
(iii) Keputusan dilangguhkan	213	19.3
(iv) Ditolak	423	38.4
	1.102	100.0

Jumlah bantuan yang diluluskan oleh Tabung berkenaan kepada 301 pemohon adalah sebanyak \$146.1 juta.

Kementerian Kewangan menolak dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat kelambatan dalam memproses permohonan yang diterima oleh Urusetia TPU. Ini adalah kerana setiap permohonan yang diterima akan diberi perhatian dan dikaji dengan teliti oleh urusetia TPU sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Panel Khas. Walau bagaimanapun bagi setengah-setengah permohonan, kelambatan memproses dan menimbang adalah tidak dapat dielakkan terutamanya disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) maklumat yang diberi oleh pemohon tidak mencukupi;
- (ii) akaun syarikat tidak dapat disimpan dengan betul.

- (iii) ada data-data yang diberikan oleh pemohon tidak begitu tepat.
- (iv) ada permohonan yang sebenarnya tidak mempunyai apa-apa masalah; dan
- (v) pemohon tidak memberitahu semua hutang-hutang mereka dengan bank-bank atau pembekal-pembekal.

Kementerian Kewangan juga menolak dakwaan yang menyatakannya kelambatan dalam mengeluarkan bantuan kepada pemohon-pemohon yang berjaya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bantuan kepada pemohon-pemohon yang berjaya adalah dibuat melalui bank pembiaya utama (iaitu bank yang terbanyak memberi pinjaman kepada pemohon) sebaik sahaja permohonan mereka diluluskan oleh Panel Khas Tabung Pemulihan Usahawan. Walau bagaimanapun, bantuan berkenaan, kadangkala terpaksa ditangguhkan disebabkan timbul beberapa halangan baru termasuk:

- (i) pemohon didapati mempunyai tunggakan hutang yang melebihi daripada jumlah yang dilaporkan semasa membuat permohonan; dan
- (ii) pemohon-pemohon yang berjaya didapati berada dalam tindakan mahkamah oleh sipiutang masing-masing.

Kementerian Kewangan memang sedar bahawa usahawan-usahawan yang bermasalah memang menaruh harapan yang tinggi kepada Tabung Pemulihan Usahawan untuk menyelesaikan masalah mereka. Walau bagaimanapun, kita tidak berupaya untuk membantu semua mereka yang menghadapi masalah kerana wang yang diperuntukkan di bawah Skim Tabung Pemulihan Usahawan itu adalah

merupakan wang rakyat yang harus disalurkan dan digunakan dengan berfaedah. Usahawan-usahawan yang berkenaan tidak seharusnya menganggap Skim TPU sebagai suatu pemberian Kerajaan kepada mereka. Bantuan akan hanya dipertimbangkan sekiranya kegiatan mereka dirasakan dapat memberi faedah kepada negara selain daripada menyelesaikan masalah mereka sahaja. Mereka juga seharusnya menjadikan Skim TPU sebagai jalan terakhir setelah usaha-usaha lain gagal untuk menyelamatkan syarikat mereka.

Penyertaan dan kerjasama bank-bank ke atas pelaksanaan Tabung Pemulihan Usahawan setakat ini adalah menggalakkan. Bank-bank juga telah bersetuju menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sebilangan pemohon yang menyebabkan mereka tidak lagi memerlukan bantuan daripada tabung berkenaan. Sebagaimana yang saya jelaskan tadi masalah kelambatan kebanyakannya berpunca daripada pemohon-pemohon sendiri dan tidak ada kaitan dengan sikap bank-bank. Dengan demikian, soal menarik keluar penyertaan bank-bank tertentu daripada Skim tersebut adalah tidak berbangkit. Tambahan pula, kita tidak boleh mengertepikan bank-bank tertentu kerana pemohon-pemohon kebanyakannya berhutang dengan berbagai bank di negara ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa mereka yang merasakan din mereka tidak diberi layanan yang sewajarnya oleh Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan supaya membuat aduan kepada Kementerian Kewangan untuk diambil tindakan sewajarnya. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, mereka yang merasa tidak puas hati adalah terdiri daripada mereka yang terdesak kerana masalah tuntutan hutang, sedangkan permohonan mereka tidak mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

### PEMBELIAN SENJATA

44. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyalâkan sama ada urusan pembelian senjata akan dibatalkan atau dikaji semula memandangkan perubahan dalam keadaan politik yang disebabkan oleh Perjanjian Ferdamaâlan dengan Parti Komunis Malaya serta penamatan perang dingin di antara kuasa-kuasa besar.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Berakhirnya perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) berikutan perjanjian pada 2 Disember 1989 lalu lidâklah bererti soal keselamatan negara tidak perlu lagi diberi perhatian. Soal pembelian senjata tidâklah bergantungan semata-mata kerana ancaman komunis. Pembelian dan perolehan senjata adalah mengambilkira keperluan negara dan situasi keseluruhan dari semasa ke semasa.

### FALSAFAH MARX BAGI PENSYARAH UNIVERSITI

45. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan pensyarah-pensyarah universiti yang dikatakan memegang teguh kepada falsafah Marx;
- (b) nama universiti-universiti yang terlibat;
- (c) sama ada beliau mempunyai bukti yang konkrit mengenai tuduhan beliau bahawa terdapat pensyarah-pensyarah Marx di universiti-universiti kita; dan
- (d) adakah tindakan yang diambil terhadap mereka termasuk

penggunaan ISA dan kalau ia, mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, (a) dan (b):

Adalah amat sukar bagi Kementerian Pendidikan untuk memastikan pegangan seseorang terhadap sesuatu falsafah atau ideologi, termasuklah ajaran Marx. Sungguhpun ada beberapa cara untuk kita menelaah hal ini, tetapi buat sementara ini Kementerian belum berbuat demikian. Oleh yang demikian masalah bilangan pensyarah universiti yang dikatakan berpegang teguh dengan ajaran Marx dan universiti-universiti yang terlibat sebenarnya tidak timbul.

- (c) Kementerian Pendidikan sentiasa memastikan supaya pensyarah di universiti-universiti di negara ini sentiasa dalam keadaan berwaspada terhadap ancaman mana-mana ajaran yang boleh menyesatkan fikiran dan mengancam keharmonian pendidikan di Institut Pengajian Tinggi dan kestabilan masyarakat secara umum.
- (d) Sebarang tindakan, yang diambil terhadap seseorang, akan dilakukan dengan berasaskan kepada lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh perlembagaan dan undang-undang di negara ini. Buat masa ini tidâklah timbul persoalan sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan digunakan atau lidâk. Tindakan tegas yang sesuai akan diambil jika keadaan memerlukan Kementerian berbuat demikian.

**LAPORAN PARLIMEN  
SECARA LANSUNG DI TV**

46. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan siaran-siaran Parlimen di Britain telah mendapat sambutan yang menggalakkan, kenapa Kementerian Penerangan masih tidak mahu menyiarkan laporan Parlimen secara langsung melalui TV di negara kita.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Soalan No. 46 telah dijawab pada 27-2-90 dalam Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan No. 2 dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

**SENATE YANG DILANTIK**

47. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan selepas kemerdekaan belum memansuhkan peruntukan Artikel 45 (4) Perlembagaan Persekutuan bagi wakil Dewan Negara dilantik dari undian terus elektorat. Adakah Kerajaan tidak bersetuju bahawa Artikel 45 (4) yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan oleh pembuat Perlembagaan (framers) dengan pemikiran kepada Senate yang dilantik dalam semangat bersungguh kuasa demokratik.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Sistem pilihan Ahli-ahli Dewan Negara yang ada sekarang telah berjalan dengan baik dan memuaskan. Oleh itu Kerajaan tidak nampak mengapa Perkara 45 (4) perlu dipinda. Yang Berhormat wakil dari Jelutong juga tidak memberi sebab-sebab yang kukuh mengapa ia mendesak Kerajaan mengubah pilihan Ahli-ahli Dewan Negara itu.

**MAS—KELEWATAN  
PENEREANGAN**

48. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kes kelewatan keberangkatan dan pendaratan pesawat MAS dalam dan di luar negeri sejak 1-1-1990;
- (b) apakah punca yang mengakibatkan kelewatan tersebut;
- (c) mengapa masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS dan DCA seperti tempahan berlebihan dan kekurangan pesawat serta kemudahan-kemudahan lapangan terbang tidak dapat diatasi sebelum menjelas Tahun Melawat Malaysia.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Bilangan kes kelewatan penerbangan MAS dalam dan luar negeri sejak 1 Januari 1990 adalah seperti berikut:

1-7 Januari 1990	= 286
8-14 Januari 1990	= 278
15-21 Januari 1990	= 296
22-28 Januari 1990	= 475
29 Januari-4 Febuari 1990	= 332
5 Februari-11 Februari 1990	= 228
12 FebmarMS Februari 1990	= 257
19 Februari-25 Februari 1990	= 272
Jumlah	= 2424

- (b) Punca kelewatan ini termasuklah kerosakan pesawat-pesawat MAS yang disewa, masalah teknik, cuaca dan lain-lain masalah-masalah operasi (menunggu penumpang "connecting dan menunggu krew)
- (c) Jawapan berkaitan masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS telah pun di beri jawapan semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Pagoh pada

27 Februari 1990. Saya lidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan yang telah diberikan.

Suka saya memaklumkan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS banyak telah diatasi dan perkhidmalan-perkhidmatan MAS kini berjalan dengan licin.

**KENYATAAN TUAN HAJI  
ABDUL HADI AWANG  
DI TELUK PASU**

49. Tuan Haji Nik Abdullab bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) ketika berucap dalam kempen pilihanraya kecil Teluk Pasu, Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan supaya Tuan Haji Abdul Hadi Awang jangan menggunakan jalan yang dibina oleh Kerajaan kalau terus mengkritik Kerajaan. Adakah menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional bahawa projek-projek dan pembangunan yang diselenggarakan dalam masa pemerintahannya hanya untuk penyokong-penyokong partinya sahaja;
- (b) kalau tidak adakah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhajat untuk menarik balik kaia-kâta yang bersifat diskriminasi itu; dan
- (c) dengan ucapan yang demikian adakah beliau hersetuju nâda demikian membayangkan pandangan seorang yang tidak menganut demokrasi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mobamed Nor: Kenyataan Timbalan Perdana Menteri supaya Tuan Haji Abdul Hadi Awang jangan menggunakan jalan yang dibina oleh

Kerajaan kalau terus mengkritik Kerajaan telah dibuat dalam konteks mengingatkan rakyat supaya jangan terkeliru dengan tuduhan-tuduhan terhadap Kerajaan yang tidak berasas.

Isu yang ditimbulkan oleh Timbalan Perdana Menteri ialah bagi menangkis tuduhan-tuduhan parti PAS yang mendakwa rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu kononnya tidak mengikuti prinsip-prinsip dan amalan Islam. Timbalan Perdana Menteri bertanya rakyat adakah usaha-usaha pembangunan seperti membina jalan raya itu tidak memenuhi kehendak Islam? Jika Parti PAS menuduh membina jalan raya itu tidak mengikuti ajaran Islam, mâka adalah wajar mereka itu tidak menggunakan jalan raya yang mereka tidak bersetuju dengan pembinaannya.

Memanglah menjadi taktik biasa pembangkang yang sering mengemukakan pertanyaan-pertanyaan untuk memutar-belitkan isu yang sebenar kepada isu lain supaya rakyat keliru serta tersekat dari menerima kenyataan-kenyataan seperti ini. Rakyat adalah bijaksana dan tahu menimbangkenyataan Timbalan Perdana Menteri ini.

Sepanjang Kerajaan Barisan Nasional memerintah, tidak ada sebarang bukti projek-projek pembangunan yang dibuat hanya untuk digunakan oleh penyokong-penyokong Kerajaan. Sebaliknya bukti yang ada kesemua projek pembangunan dapat dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama, taraf dan kedudukan sosial aiaupun parti-parti politik yang mereka sokong. Parti pembangkang mahupun rakyat tidak menghargai nikmat pembangunan hasil dari pemerintahan Barisan Nasional walaupun mereka ini turut jugâ menikmati bersama.

**SKYHAWK DAN NURI—  
PEMASANGAN ALATGANTI  
TIRUAN**

50. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pegawai dan anggota tentera udara Diraja Malaysia yang disyaki terlibat dengan penyelewengan bagi pemalsuan alat-alat ganti yang digunakan bagi membaikpulih Skyhawk dan Nuri. Apakah tindakan akan diambil ke atas mereka yang disyaki terlibat.
- (b) siapakah pakar penyiasat dan luar yang telah dilantik menyiasat peristiwa kemalangan Nuri di Sarawak itu. Adakah penyiasatan telah dijalankan oleh pakar tersebut dan bagaimanakah hasilnya; dan
- (c) adakah Kememerian telah memastikan bahawa kesemua Nuri yang digunakan sekarang adalah tidak dengan alat-alat ganti yang palsu dan selamat digunakan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) Tiada alat-alat ganti tiruan yang dipasang untuk membaikpulih pesawat Skyhawk dan Nuri sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian Pertahanan tidak pernah mengadakan kontrak pembelian alatganti tiruan untuk dipasang pada mana-mana pesawat terbang TUDM. Setakat ini belum ada bukti yang menunjukkan bahawa kemalangan-kemalangan udara yang berlaku akibat dari penggunaan alatganti tidak tulen dan bermutu rendah. Sekiranya benar ada pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan yang terlibat dengan penyelewengan, Kementerian tidak teragak-agak

akan mengambil tindakan terhadap mereka. Kementerian Pertahanan berpegang teguh kepada prinsip kedaulatan undang-undang. Mana-mana kakitangan yang dibuktikan salah akan dihukum mengikut undang-undang yang diperuntukan.

- (b) Tiada pakar penyiasatan luar yang telah dilantik bagi menyiasat kemalangan Nuri di Lundu, Sarawak. Bagaimana pun seorang wakil luar dari Italy sedang menyiasat tentang sistem penyenggaraan pesawat Nuri dalam TUDM. Beliau ialah seorang yang berjawatan sebagai "Customer Support Manager" dari Agusta S.P.A ITALY. Keputusan muktamad kemalangan masih belum diketahui kerana penyiasatan masih lagi berjalan.
- (c) sebagaimana yang saya nyatakan di dalam jawapan di bahagian (a) tadi tiada alatganti yang palsu digunakan untuk pesawat TUDM. Alat-alat ganti pesawat adalah dibeli dari punca yang sah iaitu sama ada dari Original Equipment Manufacturers (OEM) dan dari penal pembekal yang diiktirafkan dan mesti disahkan dengan "certificate of conformance" sebagai pengesahan ketulinannya.

**SEMANGAT PERUNDINGAN  
BARISAN NASJONAL**

51. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan cara sekiranya ada, bagaimana "Semangat Perundingan Barisan Nasional kononnya digunakan untuk menyelesaikan konflik antara Seksyen 67 dan 70 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan Perkara 12 (3) dan 12 (4) Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendekati, seterusnya menyelesaikan sesuatu isu yang melibatkan kepentingan kaum melalui semangat perundingan dalam Majlis Terlinggi Barisan Nasional. Perkara-perkara yang dibineang dan diputuskan oleh Majlis ini merupakan suatu perkara yang hanya perlu diketahui oleh Ahli-ahli Majlis tersebut bukannya pihak pembangkang.

**HELIKOPTER NURI-SIASATAN KEMALANGAN**

52. **Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Osman** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa jumlah pakar penyiasat kemalangan udara telah diundang untuk menyiasat nahas helikopter Nuri dan dari manakah pakar-pakar ini datang.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Sebenarnya tiada pakar penyiasat luar yang telah dilantik bagi menyiasat kemalangan Nuri di Sarawak, tetapi seorang wakil dari Italy iaitu Encik Andreoli Emanueke yang pada masa ini sedang menyiasat tentang sistem penyenggaraan pesawat Nuri dalam TUDM.

**KEMPEN AIR KELAPA MUDA DAN DAGING ARNAB**

53. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perlanjian Kementerian menyatakan tentang kejayaan tercapai setakat ini terhadap kempen Air Kelapa Muda dan Daging Arnab.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tujuan utama mengadakan Kempen Air Kelapa Muda ialah untuk menstabilkan harga kelapa semasa harga merosot. Dengan kempen

ini harga kelapa muda dapat distabilkan di paras 30 sen sebiji di ladang sepanjang tahun 1988 dan 35 sen sebiji sepanjang tahun 1989.

Pada tahun ini didapati banyak hotel menghidangkan air kelapa muda sebagai minuman sambutan atau dengan izin "welcome drinks. Kita telah berjaya meluaskan pasaran air kelapa muda. Ini dapat dilihat dari pertambahan gerai yang menjual air kelapa muda iaitu 720 buah kepada 1098 buah selepas kempen dijalankan. Di dalam masa yang sama bilangan jualan kelapa muda sebulan bertambah dari 440,000 biji kepada 700,000 selepas kempen dijalankan.

Mengenai daging arnab," Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah menganjurkan Ekspo Daging Arnab pada tahun lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra. Sebagai iklan, satu lagi program diadakan iaitu Ekspo Promosi Daging Eksotik pada 1hb-5hb Mac, 1990, di tempat yang sama. Pada kali ini selain ternakan arnab juga akan melibatkan ternakan puyuh dan merpati.

Kesan dari promosi yang berterusan ini, telah dapat menggalakkan lebih ramai rakyat negara ini memakan daging arnab, terutama di sekitar bandar besar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Johor Bahru. Pada masa ini permintaan daging arnab di tempat tersebut adalah amat menggalakkan.

Melalui kempen ini juga kita telah menggalakkan pentemak dan pengusaha berpotensi untuk menternak arnab.

**KONSEP PAYUNG KEPADA AGENSI KERAJAAN**

54. **Tuan Haji Mobamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Perusahaan

Awam menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menjadikan agensi-agensi Kerajaan yang telah berjaya seperti PKENJ, PKNS dan UDA sebagai "Payung" kepada syarikat-syarikat dan individu-individu Bumiputera dengan objekuf penubuhannya. Kiranya ya, sebutkan lapangan-lapangan perniagaannya dan kiranya belum mempunyai rancangan bila lagi dan dalam lapangan apa.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Agensi-agensi yang diawasi oleh Kementerian Perusahaan Awam (KPA) adalah merupakan agensi amanah yang mempunyai peranan sebagai penggerak (catalyst) kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping perintis (pioneer) dalam sektor-sektor tertentu ekonomi. Peranan yang tersebut itu dilaksanakan melalui peningkatan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian.

Beberapa strategi telah digubal bagi mcmbantu dan mcningkatkan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian termasuklah pelaksanaan "Konsep Payung". Melalui konsep ini agensi-agensi amanah seperti PKEN, UDA, BPMB dan yang lain-lain akan membantu, membimbing dan juga melindungi syarikat atau usahawan Bumiputera melalui skim-skim tertentu. Agensi-agensi di bawah KPA akan seberapa boleh mengelak dan bertanding dengan syarikat-syarikat atau usahawan-usahawan Bumiputera yang sedia ada.

Pelaksanaan "Konsep Payung" ini melibatkan berbagai aktiviti seperti pemasaran, pinjaman, khidmat perundingan dan sebagainya. Dalam aktiviti-aktiviti pemasaran misalnya syarikat-syarikat atau usahawan Bumiputera yang kecil dan sederhana dibantu bagi memasarkan keluaran mereka. Usahawan-usahawan/syarikat-syarikat tersebut akan dilantik pula

sebagai pembekal. Di dalam bidang pembinaan pula, sebahagian besar dari kerja-kerja kontrak adalah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera. Daripada sejumlah \$3.4 billion kerja-kerja kontrak yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KPA sejumlah \$2.6 billion atau 76.6% telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera.

Pelaksanaan "Konsep Payung" ini sebenarnya telah lama diamalkan oleh Agensi-agensi KPA. Namun demikian, pclaksanaannya di masa akan datang akan terus dilaksanakan tetapi secara teliti dan terpilih bagi sektor-sektor dan aktiviti-aktiviti tertentu yang Bumiputera masih belum lagi keupayaan. Ini adalah bagi membolehkan pengusaha-pengusaha atau syarikat-syarikat Bumiputera tidak terus bergantung kepada bantuan, bimbingan dan juga perlindungan agensi-agensi Kerajaan. Bagi pengusaha-pengusaha atau syarikat-syarikat Bumiputera yang telah mendapat bantuan melalui pelaksanaan "Konsep Payung" ini hendaklah mempunyai strategi dan perancangan supaya mereka boleh berkari dan menerokai aktiviti-aktiviti di dalam pasaran terbuka.

#### **BAS DI PERUSAHAAN PRAI PULAU PINANG**

55. Tuan Teoh Teik Huat mima Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat tidak cukup bas-bas kilang yang menjalankan perkhidmatan di Estet Perusahaan Prai, Pulau Pinang dan akibat dari kekurangan ini telah menyebabkan lebih kurang 250 pengusaha-pengusaha van tanpa permit terpaksa memberi perkhidmatan mengangkut lebih kurang 3,000 orang pekerja-pekerja dari kawasan luar bandar ke lebih kurang 100 buah kilang-kilang setiap hari. Jika ia, apakah tindakan-tindakan yang telah



diambil bagi mengatasi masalah ini dan sama ada permit-permit berasaskan komersial akan dikeluarkan kepada 250 pengusaha-pengusaha van ini bagi maksud membawa pekerjanya pulang.

**Dato' Napsiah binti Omar:**

Kementerian Perusahaan Awam sedar adanya keperluan tambahan bagi bas-bas kilang di kawasan perindustrian Prai Pulau Pinang. Tindakan telah pun diambil untuk mengatasi kekurangan bas-bas kilang di kawasan ini dengan mengeluarkan lesen-lesen bas kilang kepada pengusaha-pengusaha yang layak. Permohonan-permohonan daripada pengusaha-pengusaha van yang memohon lesen bas kilang sedang diproses untuk pertimbangan oleh Lembaga Pelesenan kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia. Mereka yang layak akan diluluskan lesen tersebut

**PERUMAHAN BAGI PEGAWAI KERAJAAN**

**56. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan sekarang supaya semua pegawai Kerajaan akan dapat diberi perumahan oleh Kerajaan dan setakat hari ini peratusan Kerajaan yang sudah menikmati kemudahan tersebut. Sama ada benar atau tidak bahawa Pegawai Kerajaan Persekutuan dan Pegawai Kerajaan Negeri dalam Kategori C telah dibayar tuntutan perjalanan berlainan iaitu \$30.00 semalam bagi pegawai Kerajaan Persekutuan dan \$40.00 bagi pegawai Kerajaan Negeri.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Monanied Nor:** Pada dasarnya, Kerajaan tidak bertanggungjawab bagi menyediakan perumahan bagi semua pegawai dan kakitangannya. Namun demikian, Kerajaan ada menyediakan kediaman bagi pegawai dan kakitangannya dalam keadaan-keadaan

tertentu. Sementara itu, mana-mana rumah yang telah sedia ada masih lagi diperuntukkan kepada mereka yang layak mendudukinya. Pada masa ini, usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menolong pegawai dan kakitangannya memiliki rumah sendiri adalah dengan mengadakan peruntukan Skim Pinjaman Perumahan. Sehingga 31 Disember 1989, seramai 277,023 pegawai dan kakitangan telah menggunakan kemudahan ini, iaitu sebanyak 31.3% daripada jumlah bilangan anggota Kerajaan.

Mengenai tuntutan perjalanan bagi pegawai Kerajaan Persekutuan dan Pegawai Kerajaan Negeri dalam Kategori "C" iaitu \$30.00 semalam bagi pegawai Persekutuan dan \$40.00 bagi pegawai Negeri, sukacita dijelaskan bahawa pada prinsipnya syarat dan kadar claun perjalanan bagi pegawai Persekutuan dan Negeri adalah sama. Walau bagaimanapun, kadar Elaun Bertugas Rasmi umpamanya Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing dan Elaun Makan bagi Negeri Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi daripada kadar di Semenanjung. Perbezaan ini adalah bertujuan untuk menampung Bayaran Sewa Hotel dan kos makanan yang lebih tinggi di kedua-dua negeri tersebut. Kadar-kadar ini adalah terpakai bagi pegawai Persekutuan dan Negeri yang menjalankan tugas rasmi di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, kenyataan bahawa terdapat perbezaan kadar tuntutan perjalanan antara pegawai Persekutuan dan pegawai Negeri adalah tidak benar.

**SPORT AID 188—KUTIPAN**

**57. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah amaun yang telah berjaya dikutip oleh Sport Aid '88; apakah keputusan Kabinet mengenai pembahagian keluar wang tersebut; adakah benar bahawa 70 peratus dari tabung itu akan diserahkan kepada

badan-badan amal tempatan dan 30 peratus lagi disajurkan kepada luar negeri bagi membantu kanak-kanak dari mati kebuluran dan jangkitan penyakit seluruh dunia. Adakah semua wang itu telah dibahagi-bahagikan jika tidak, mengapa.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Kabinet telah memutuskan supaya kesemua jumlah wang sebanyak \$2,315 juta yang dikutip oleh Sport AID '88 dan Telethon disalurkan ke negara-negara di Afrika yang memerlukan bantuan. Jawatankuasa Penganjur Sport AID '88 Nasional Malaysia sedang mengambil tindakan di atas perkara ini.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh." (*5hb Mac 1990*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Ahli dari Seputeh selama 5 minit untuk menghabiskan ucapannya semalam.

3.36 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya semalam. Keruntuhan moral di kalangan muda-mudi memanglah peratusannya tidak besar, tetapi Kuala Lumpur boteh tercemar dengan berbagai masalah keruntuhan moral yang berlaku sekarang. Walaupun jumlahnya kecil tetapi janganlah disebabkan "Seekor kerbau membawa lumpur habis semua terpalit".

Saya tidaklah bermaksud mengeksploitasi isu moral dengan kepentingan politik, tetapi hakikat yang mesti diakui. Ini memperlihatkan kalangan muda-mudi yang menghadapi masalah keruntuhan moral seperti dadah dan sebagainya adalah berpunca dari masalah pengangguran, sudah tentu pula pengangguran ini berkait rapat dengan ketidakadilan sosial. Penjaja-penjaja yang tidak mempunyai lesen terpaksa bertempiran lari apabila Penguatkuasa Bandaraya bertindak seperti perompak merampas barang-barang mereka. Ada kalanya bersikap keras dengan memukul atau ugut sekiranya penjaja-penjaja mempertahankan hak mereka. Kalaulah penjaja-penjaja ini diberi peluang perniagaan dengan baik sudah tentu tidak akan berlaku masalah ketegangan antara penjaja-penjaja dengan Penguatkuasa Bandaraya. Mereka bukanlah golongan yang memilih kerja seperti didakwa oleh salah seorang Menteri Kerajaan. Apakah Kerajaan lebih suka melihat mereka lari bertempiran diburu oleh Penguatkuasa Bandaraya dari memberi peluang perniagaan yang lebih kepada mereka? Tidakkah ini lebih mencerminkan salahguna kuasa yang menjadi amalan

Kefajaan dari sikap bertanggungjawab terhadap masalah orang ramai. Apakah sikap demikian tidak boleh dikritik?

Tuan Yang di-Pertua, meminta semua pihak tunduk dengan amalan parti pemerintah bukanlah menyelesaikan masalah yang saya bangkitkan di Dewan yang mulla ini. Adalah mustahil sebuah Kerajaan yang diselubungi oleh berbagai kelemahan boleh dibiarkan seperti "Pisau raut matanya bengkok cuba meluruskan orang". Oleh itu, amalan sistem demokrasi perlulah membenarkan Kerajaan dikritik supaya Kerajaan tidak menjadi seperti "Ketam yang mengajar anaknya berjalan betul". Kita melihat di Eropah Timur sendiri rakyat sudah bosan hidup di bawah sistem di mana Kerajaan meletakkan diri mereka sebagai pihak yang benar. Malah di Negeri China juga sekalipun gagal, namun rakyat sudah menunjukkan bahawa mereka bukanlah kumpulan haiwan yang sentiasa menjadi 'yes men' sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyeru Kerajaan supaya tidak menyalahertikan Titah Ucapan yang menyeru rakyat menyokong Kerajaan untuk perpaduan dan kestabilan ekonomi itu. Sebagai modal besar untuk meletakkan diri sendiri sebagai pihak yang sentiasa benar kerana pepatah Melayu juga menyebutkan "Mana gading yang tidak retak".

Apabila saya meminjam pepatah Melayu ini bukanlah bermakna saya cuba menarik perhatian orang-orang Melayu kerana kita tidak harus beranggapan masyarakat Malaysia terasing di tangan kaum masing-masing. Sekian.

**Seorang Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah habis Yang Berhormat. Giliran Menteri-menteri menjawab hari ini. Saya jemput Jabatan Perdana Menteri.

3.40 *ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah DiRaja dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syorsyor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tempoh perbahasan atas usul Titah DiRaja selama enam hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai-bagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri terutamanya mengenai Dasar Ekonomi Baru, penswastan, perpaduan, hal-hal perkhidmatan, penerapan nilai-nilai murni dan hal ehwal Islam, kemiskinan dan proses perundangan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuba menjawab sernua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara keseluruhan memandangkan kebanyakan perkara yang dibangkitkan ada kait-mengait di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amatlah bersetuju dengan pandangan dan ulasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Pagoh yang telah memahami dengan jelasnya akan usaha-usaha Kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara kita. Pengalaman kita di awal tahun 80an telah menunjukkan yang dasar pengembangan belanjawan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara semasa ekonomi dunia mengalami kemelesetan telah membawa kesan yang buruk kepada ekonomi negara kita ini. Dasar ini telah membawa kepada masalah defisit kembar ke atas kedua-dua akaun sektor awam dan akaun semasa imbalan pembayaran.

Bila dasar ini telah tidak dapat dipertahankan, langkah-langkah pency-larasan yang sangat pedih yang memerlukan pengorbanan yang banyak kesemua rakyat terpaksa dilaksanakan seperti menjimatkan perbelanjaan dan mengurangkan import. Berikutannya, kesan-kesan negatif dari kemelesetan ekonomi' dunia telah diserap sepenuhnya oleh kesemua sektor dalam ekonomi dan tidak hanya diserap oleh Kerajaan semata-mata.

Pengalaman yang lepas telah menunjukkan bahawa bila Kerajaan sahaja yang menyerap kesan negatif dari kemelesetan ekonomi dengan mengadakan dasar peningkatan perbelanjaan awam bagi menampung kemelesetan, iaitu bukan sahaja telah menyebabkan pertambahan dalam hutang negara, tetapi juga telah menyebabkan kitaran perniagaan yang lebih lama yang telah membawa kepada ketidakcekapan dalam pembahagian sumber-sumber ekonomi.

Menyedari hakikat inilah, maka Kerajaan telah memberi peti yang lebih terbuka kepada sektor swasta untuk menggerakkan ekonomi negara dengan dibantu oleh dasar-dasar kewangan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Pagoh itu. Kita bersyukur dengan izin Allah, dengan dasar-dasar yang ada banyak pelaburan wujud dalam tahun-1989 dan dijangka akan bertambah baik pada tahun ini—di tahun 1991.

Sungguhpun pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan kita ini menuju ke arah pembangunan yang pesat, tetapi usaha-usaha bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru masih perlu kita teruskan, kerana Kerajaan percaya dengan Dasar Ekonomi Baru sahajalah usaha untuk mencapai kestabilan negara dan perpaduan rakyat dapat dijamin. Penubuhan MPEN misalnya, adalah untuk merumuskan dasar-dasar ekonomi yang boleh kita ubahsuai dan susun semula bagi

menjayakan pertumbuhan ekonomi negara dengan menjamin unsur-unsur pembahagian dan kestabilan. Kita tidak mahu pertumbuhan ekonomi yang pesat yang berlaku di negara kita ini menguntungkan segelintir penduduk Malaysia sahaja. Sebaliknya kita berpuas hati dengan pertumbuhan yang sederhana, tetapi dapat dikecapi oleh semua rakyat.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang supaya Kerajaan berhati-hati dalam melaksanakan dasar penswastaan, perlu ditegaskan bahawa Kerajaan sememangnya mempunyai sikap berhati-hati semasa melaksanakan dasar penswastaan. Sebelum sesuatu projek itu diswastakan, Kerajaan membuat penelitian yang mendalam terhadap kos dan faedah penswastaan berkenaan kepada semua pihak yang terlibat seperti pengguna-pengguna, Jabatan berkenaan, pekerja-pekerja dan sebagainya. Hanya selepas Kerajaan berpuas hati sahajalah bahawa sesuatu penswastaan itu tidak mendatangkan keburukan, Kerajaan akan melaksanakannya.

Dalam melaksanakan dasar penswastaan, Kerajaan dengan seberapa yang boleh akan cuba mengelakkan monopoli Kerajaan dijadikan monopoli swasta dengan memasukkan unsur-unsur persaingan ke dalam industri yang terlibat dengan tujuan melindungi kepentingan pengguna. Walau bagaimanapun, bagi industri-industri di mana persaingan adalah terhad, sistem kawalan yang rapi akan diwujudkan oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan para pengguna.

Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Jelebu telah membangkitkan mengenai Suruhanjaya Pilihanraya telah diperalatkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, iaitu UMNO (Baru) untuk mendaftarkan 300,000 Ahli UMNO (Baru) yang belum mendaftar sebagai pemilih dan

itulah sebabnya Suruhanjaya Pilihanraya telah tergesa-gesa untuk mengadakan urusan pendaftaran dan penyemakan semula daftar pemilih lebih awal, iaitu pada 1 Mac 1990.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, Suruhanjaya Pilihanraya telah menyusun untuk mengadakan gerakan pendaftaran pemilih sejak tahun lepas, 1989. Gerakan pendaftaran pemilih bukan dibuat secara tergesa-gesa sebagaimana yang didakwa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Mengaitkan pendaftaran pemilih ini dengan urusan UMNO (Baru), adalah satu tuduhan yang jahat dan Yang Berhormat dari Tanjong mengetahui bahawa adalah mustabil bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengetahui siapakah yang layak untuk didaftarkan sebagai pemilih di dalam urusannya yang sedang berjalan ini. Selain dari itu, gerakan ini ialah untuk mendaftarkan siapa juga yang layak dan umumnya meningkat 21 tahun tanpa mengira sama ada ianya Ahli UMNO (Baru), DAP, PAS, Semangat 46 dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat itu membuat tuduhan dengan tujuan supaya DAP mendapat simpati orang ramai bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah cuba melakukan sesuatu untuk memberi faedah kepada sebuah parti politik. Perbuatan seperti ini adalah satu perbuatan yang hina» kerana Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak seharusnya menggunakan isu ini untuk berkempen atau mendapat simpati daripada orang ramai.

Amatlah tidak bijak Yang Berhormat itu cuba menghakiskan kepercayaan orang ramai terhadap badan bebas seperti Suruhanjaya Pilihanraya dengan cara membuat tuduhan-tuduhan yang Har itu.

Mengenai perlantikan pegawai-pegawai bagi urusan pendaftaran

pemilih, perlu ditegaskan bahawa urusan tersebut telah dijalankan sejak 30 tahun yang lepas dan ianya dijalankan tiap-tiap tahun dengan menggunakan kakitangan-kakitangan sementara yang terdiri daripada kebanyakan kakitangan-kakitangan Kerajaan termasuk KEMAS dan pertubuhan swasta. Siapa juga yang dilantik sama ada dari kakitangan Kerajaan atau dari mana-mana pertubuhan adalah tidak penting. Yang penting ialah kejujuran dan tidak berlakunya penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai-pegawai yang dilantik.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (**Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud**): Yang Berhormat, secepat ya. Pasir Mas, hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin AH: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan sedikit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua (**Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud**): Penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bitt Ali: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar sebelum gerakan daftar pemilih dibuat pada 1hb Mac ini yang diumumkan baru-baru ini, manakala persiapan telah dibuat sebulan lebih awal di mana ada surat-surat daripada Bahagian-bahagian UMNO (Baru) mengarahkan Cawangan-cawangan supaya mengumpulkan nama-nama dan ahli-ahli yang belum berdaftar dan menyebut dalam surat edaran ini, saya tidak bawa, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya dapat satu salinan yang tersebar di Kelantan supaya mendaftarkan mereka ini kerana inilah peluang yang terakhir.

Yang kedua, kita dapati handbill semasa mock election yang dibuat

baru-baru ini oleh Borisan Nasional di pre-emptkan awal sebelum gerakan pemilih dibuat pada 1 Mac. Apakah maksud ini dibuat, ini bukan satu tuduhan, tetapi apakah maksud ini dibuat. Ini menimbulkan tandatanya orang ramai bersabit dengan gerakan pemilih pada 1hb Mac ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya balik? Berhubung dengan surat arahan daripada bahagian itu, benarkah bahawa ia daripada Parti Semangat 46?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Surat arahan itu datang daripada UMNO (Baru), Bahagian UMNO (Baru); ini Yang Berhormat tanya saya, saya jadi Menterilah sekejap ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya kerana saya sebagai Ahli UMNO Baru tidak langsung mengetahui perkara itu. Beliau bertanya seolah-olah perkara itu diketahui oleh Semangat 46. Ertinya perkara itu mungkin arahan daripada Semangat 46 barangkali, bukan UMNO (Baru), ia tidak terlibat dalam hal ini dan kalau sekiranya ada pun ia merupakan perkara biasa dibuat bila-bila masa, bukan sahaja pada tahun ini, pada tahun-tahun yang lain pun, masa Ahli Yang Berhormat jadi Ahli UMNO pun dibuat macam itu juga. Mengenai dengan masalah

Tuan Haji Ibrahim bin AH: Sedikit lagi penjelasan. Yang Berhormat sungguhpun kata saya dalam UMNO dulu buat macam itu, tidak betul itu. Jadi, sebagai orang yang mengaji di sekolah Azhar tidak patut buat begitu. Jadi, saya tidak pernah buat kerja macam itu, walaupun dalam UMNO dahulu dan sekarang, tidak ada buat kerja itu. Kerja macam itu bukan kerja saya. Terima kasih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak niat hendak ungkit-ungkit tempat mengaji, kerana kita sama-sama satu agama, sama sahaja di mana-mana pun, dan mengenai dengan istilah 'mock election', itu pun perkara yang diwujudkan oleh Yang Berhormat berdasarkan mungkin kepada sumber yang tidak dianggap sebagai sumber yang muktamad, kerana apa yang ada dalam UMNO ialah urusan-urusan pentadbiran untuk mengemaskinikan urusan-urusan bagi menghadapi apa-apa kemungkinan dalam hubungan pilihanraya. Jadi 'mock' tidak 'mock' ini istilah yang barangkali di besar-besarkan oleh pihak pembangkang sahaja.

Yang Berhormat dari Tanjong juga mendakwa iaitu kononnya Suruhanjaya ini tidak men jadi badan yang adil dan bebas. Yang Berhormat tersebut telah menyuarakan perkara ini setiap kali hendak diadakan pilihanraya sebagai satu hclah politik untuk mendapat simpati pengundi supaya mengundi partinya yang kononnya akan menjamin terdapatnya Suruhanjaya yang adil. Tidaklah perlu diterangkan dengan lebih lanjut sama ada Suruhanjaya Pilihanraya ini adil ataupun tidak. Pada hakikatnya Ahli Yang Berhormat itu dan rakan-rakan-nya dapat berada di Dewan yang mulia ini adalah dalil yang cukup untuk membuktikan bahawa pilihanraya di negara ini telah dijalankan dengan bebas, adil dan demokratik. Sememangnya menjadi dasar parti pembangkang untuk mencari sebab . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Menteri, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak apa?

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri kerana dia menyatakan bahawa pendaftaran pengundi yang dilancarkan baru-baru ini adalah satu keputusan yang dibuat oleh SPR sendiri dan bukanlah satu kempen yang dibuat secara tergesa-gesa. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, sama ada beliau sedar atau tidak bahawa Buku Daftar Pemilih yang telah dikemaskinikan untuk pendaftaran pada tahun 1989 masih belum siap lagi. Apabila saya menelefon kepada Pejabat SPR untuk mendapatkan satu naskah Daftar Pemilih untuk kawasan saya, saya diberitahu bahawa Buku Daftar Pemilih masih belum siap lagi. Kalau keadaan ini boleh berlaku, bukankah ini menunjukkan bahawa kempen ini dilakukan dengan cara tergesa-gesa?

Sebagai bukti yang kedua, pada 3hb Februari, Ketua Penerangan Pemuda UMNO Baru, Encik Mohd. Zahidi Hamidi telah memberitahu pemberita dan ini telah disiarkan dalam suratkhbar Cina yang menyatakan bahawa 300,000 ahli UMNO (Baru) masih belum didaftar dan beliau sedang berusaha untuk mendaftarkan mereka, sedangkan pada masa itu tidak ada satu kempen pendaftaran pengundi diadakan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya tahu sudah siap, tetapi saya tidak tahu bagaimana pula pihak Yang Berhormat kata tidak siap lagi. Barangkali eloklah kalau saya syorkan kepada Yang Berhormat supaya kalau sekiranya dapat maklumat kata tidak siap, rujuklah benar-benar kepada pihak

yang bertanggungjawab di peringkat atasan di SPR. Tetapi yang saya tahu ianya sudah siap. Sebab itu saya katakan bahawa apa yang dibuat oleh SPR ini menunjukkan bahawa mereka telah menyusun kerja mereka dan ini tidak melibatkan parti politik. Ini urusan pentadbiran mereka.

Mengenai dengan masalah ada usaha yang dibuat untuk memastikan supaya 300,000 orang itu dapat didaftarkan, saya ingin menegaskan sekali lagi, sama seperti yang saya tegaskan kepada saudara saya Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, bahawa bagi ahli-ahli dalam mana-mana perlubuhan politik, usaha untuk mendaftarkan ahli-ahli supaya dapat menjadi pemilih adalah perkara biasa tanpa menunggu dan tanpa perlu kita ketahui bahawa pada tarikh mana akan diadakan pendaftaran semula. Tetapi tugas mana-mana ahli parti politik ialah berusaha supaya penyokong-penyokongnya yang layak mengundi dapat didaftarkan sebagai pemilih. Itu perkara biasa. Sememangnya menjadi dasar parti pembangkang untuk mencari sebab sahaja atau punca yang dijadikan . . .

**Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)**

Timbalan Yang di-Pertua (**Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud**): Yang Berhormat sekejap, dia tidak puas hati.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Banyak lagi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (**Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud**): Dia tidak benarkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, dia tidak menjawab bagaimana pendaftaran boleh dilakukan semasa SPR tidak melancarkan sebarang kempen pendaftaran. Itu yang menjadi pokok persoalannya.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, eloklah Yang Berhormat faham baik-baik sedikit, iaitu usaha untuk mendaftarkan ahli-ahli mana-mana parti politik yang belum lagi mendaftarkan pemilih adalah usaha biasa. Mestikah kita berusaha hanya bila mengetahui tarikh. Hanya ahli-ahli parti yang kurang bijak sahaja bcrbual demikian. Ahli-ahli yang bijak dia mesti berusaha sepanjang masa tanpã mengira sama ada tarikh pendaftaran semula itu akan diadakan ataupun tidak. Måka dengan sebab itu dalam UMNO kesedaran ini ada dan kita buat tanpa mengira sama ada tarikh pendaftaran diketahui ataupun tidak. Saya harap dapat fahamlah itu. Sememangnya menjadi dasar parti pembangkang untuk mencari sebab . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua . . .

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kalau saya cakap pun Yang Berhormat tidak faham juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri Yang Berhormat. Duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Beri jalan tidak?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tidak payahlah. Nampaknya Yang Berhormat ini payah hendak faham penerangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan sahajalah, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sememangnya menjadi dasar parti pembangkang untuk mencari sebab atau punca yang dijadikan sebagai 'scapegoat', dengan

izin, untuk melindungi kegagalan dalam pilihanraya yang dipertandingkan, seperti yang pernah berlaku di negara-negara lain. Tiap-tiap kali hendak berlaku pilihanraya, lagu yang sama dimainkan oleh Ketua Pembangkang dan rakan-rakannya. Saya kira rakyat Malaysia tidak dapat menerima lagi rentak irama yang basi seperti ini.

Berkaitan dengan pindaan Akta Pilihanraya bagi mengira undi di Pusat Membuang Undi, sebagaimana Ahli Yang terhormat itu sedia maklum . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya ingat saya akan beri juga, tetapi sekejap lagi, tunggu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia habis, Yang Berhormat Pasir Pinji.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, pada masa-masa yang lepas, Suruhanjaya Pilihanraya telah dituduh melakukan berbagai perkara yang mana setengah daripadanya tidak masuk akal seperti menukar peti undi, menipu di dalam pengiraan dan sebagainya. Kesemuanya itu datang daripada pihak yang kalah sahaja. Ada kalanya pula peti undi menjadi bahan petisyen pilihanraya di mankamah. Suruhanjaya Pilihanraya setelah mengkaji cara-cara negara-negara Komanwel yang maju menjalankan pengiraan undi telah memperakukan supaya pengiraan undi di tempat mengundi dilaksanakan.



Berkaitan dengan Daftar Pemilih, Ahli Yang Berhormat itu nampaknya sudah kabur dengan izinya apabila beliau menyatakan Daftar Pemilih tidak dapat disediakan dalam jangka masa yang ditetapkan dan Daftar Pemilih pula tidak bersih. Yang Berhormat itu mungkin tidak begitu faham tentang proses penyediaan Daftar Pemilih ini. Oleh kerana Daftar Pemilih yang disediakan dalam masa yang ditetapkan, maka SPR dapat melancarkan gerakan baru untuk mendaftar pemilih tahun 1990 yang juga menjadi bahan kemarahan Yang Berhormat itu. Antara yang dia suka dan tidak suka nampaknya telah bercampur aduk.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penubuhan badan pemerhati 'watchdog' yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjung itu, sebenarnya perkara itu tidak perlu. Apa yang dikatakan sebagai perjalanan penerangan pilihanraya yang tidak bebas adalah suatu helah politik Yang Berhormat berkenaan untuk menutup kegagalan partinya di dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas. Berhubung dengan terdapat pemilih-pemilih yang mempunyai kad pengenalan yang sama, Yang Berhormat itu tidak perlu bimbang tentang pertindikan pemilih.

Pemilih-pemilih ini adalah pemilih-pemilih di dalam bahagian pilihanraya yang berlainan dan nama mereka juga berlainan dan pergandaan ini sentiasa diperbetulkan menerusi proses pembetulan yang dijalankan. Kesilapan biasanya berlaku pada masa memproses nombor kad pengenalan melalui mesin taip ataupun mesin komputer. Mengenai senarai nama-nama orang yang mati, berbagai ikhtiar telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya tiap-tiap tahun untuk menentukan semua nama pemilih yang sudah meninggal dunia dikeluarkan. Bilangan 50,000 orang yang dinyatakan adalah tidak tepat. Bilangan sebenar tidak dapat dianggarkan tetapi ianya mungkin jauh lebih

sedikit daripada anggaran yang diberikan oleh Yang Berhormat itu.

Perkara yang dibangkitkan oleh Wakil dari Pengkalan Chepa yang mengatakan kononnya demokrasi berparlimen adalah kata-kata sahaja dan tidak diamalkan. Di samping keadaan keselamatan pulih dan Parti Komunis menyerah diri baru-baru ini, beliau mencadangkan supaya parti-parti politik dibenarkan mengadakan rapat umum. Ahli Yang Berhormat itu kurang faham istilah demokrasi berparlimen. Beliau ada dalam Parlimen dan dapat bercakap-cakap dengan bebas mewakili rakyat yang telah memilihnya. Bukankah ini yang disebut sebagai demokrasi berparlimen. Manakala rapat umum adalah bentuk kempen yang dijalankan semasa pilihanraya. Aktiviti-aktiviti kempen sama ada berbentuk rapat umum, ceramah atau sebagainya berjalan secara adil dan demokratik. Pilihanraya dijalankan dengan bebas untuk Wakil-wakil Rakyat bagi memenuhi kehendak sistem demokrasi berparlimen. Perbuatan memindah pengundi-pengundi seperti di Terengganu dan Kelantan, perkara ini telah lama dijalankan oleh pihak PAS sendiri. Oleh sebab itu, Ahli Yang Berhormat tersebut tahu benar bagaimana cara hendak memindah pengundi dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Di dalam pendaftaran pemilih semua orang yang layak untuk didaftarkan adalah berhak didaftarkan sama ada ia ahli UMNO, PAS, Semangat 46, DAP atau ahli mana-mana parti politik asalkan ia seorang warganegara dan telah berumur 21 tahun. Kalau UMNO (Baru) menubuhkan pasukan setia, Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu bimbang, ini adalah aktiviti parti UMNO dan kalau parti PAS mahu ia boleh menubuhkan pasukan yang lebih setia dan saya kira UMNO tidak akan iri hati.

Ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai pengundian secara pos dan timbulnya penipuan.

Ingin saya memaklumkan bahawa pengundian secara pos adalah merupakan satu-satunya cara untuk memastikan mereka yang UdaK dapai mengundi secara biasa, dapai menggunakan hak sebagai seorang wargangara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengundian secara pos bukan sahaja . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr Monaniad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kawan baik saya, saya berilah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat ini, menjawab soalan-ah atau membaca jawapan (*Ketawa*).

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kalau orang itu tengok cermin, dia lahulah sama ada soalnya itu patut ataupun tidak, kerana saya tidak pernah tengok Yang Berhormat berkenaan membahar tanpa melihat kepada t eks. Dia yang ajar orang ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengundian secara pos bukan sahaja dijalankan di Malaysia tetapi juga di negara-negara Komanwel yang lain, Suruhanjaya Pilihanraya memang bersedia untuk menjalankan siasatan jika pihaknya dibekalkan dengan bukti-bukti yang sahih mengenai penipuan berlaku ketika undi pos dijalankan. Oleh itu, selagi Yang Berhormat membuat tuduhan melulu tanpa disokong oleh bukti-bukti yang nyata, perkara ini tidak akan dapat diselesaikan. Oleh itu, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan mendapatkan bukti-bukti tersebut sebelum mengemukakan hujah-hujah

negatif demi mengelakkan pembaziran masa di Dewan yang mulla ini. Mengenai perkara yang dibangkitkan . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya seronok mendengar jawapan tadi. Jadi, oleh kerana mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, tidak ada apa yang perlu bimbang dari segi penyelewengan dan sebagainya, apa yang dibuat ini sama dengan negara-negara Komanwel lain. Jadi, apakah pihak Kerajaan sedia menimbang, mengiktiraf apa yang dinamakan 'Election Watch', pengesan pilihanraya yang diketuai oleh Tun Suffian. Sebab kalau tidak ada apa-apa yang kila hendak bimbang, boleh kita terima, Kerajaan iktiraf supaya mereka dapat memainkan peranan kerana negara Komanwel lain pun mengizinkan jawatankuasa bentuk yang seperti ini. Itu sahaja sekadar pandangan untuk mendapat reaksi dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas yang menjadi salah seorang peminat kepada apa yang dikatakan 'watch-dog' atau mungkin bagi setengah-setengah orang dikatakan 'dogs to watch'.

Tuan Yang di-Pertua, saya belum pasti sama ada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pernah mendengar bahawa negeri-negeri Komanwel lain ada watch-dog ini, walaupun kita berjumpa di negeri-negeri itu dogs banyak. Tetapi saya belum pasti tentang kewujudan watch-dog di setengah-setengah negara . . .

Tuan P. Patto: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bangun minta penjelasan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Nantilah, saya belum habis lagi, saya hendak jawab . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dia belum habis lagi.

Tuan P. Patto: 'Dogs to watch' itu adakah Yang Berhormat Menteri itu mensifatkan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya belum habis

Tuan P. Patto: . . . bekas Ketua Hakim Negara itu sebagai 'dog', itu yang saya hendak tanya. Jangan main-main dengan perkara macam itu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: UMNO dalam Kerajaan tidak pernah main-main, kita hormat undang-undang. Jadi, yang sentiasa membela undang-undang ini ialah Kerajaan, bukan seperti parti Pembangkang.

Saya belum habis lagi menerangkan tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tetapi diganggu pula oleh Ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang DAP ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cara ini kurang baik kerana biar habis saya bercakap dahulu, senang saya sambung idea saya, ini idea saya pun sudah putus. Eloklah dipastikan sama ada dalam dunia ini terdapat usaha seperti ini. Dan kalau sekiranya usaha seperti ini terdapat di negara-negara yang

tertentu, belum pasti bahawa ia wajar ataupun relevant dilaksanakan di negara kita, kerana keadaan di negara kita ini kalau sekiranya betul-betul kita memerlukan kepada pihak lain untuk meneliti satu komisyen yang begitu kita percayai maka adakah bolen kita percayai pula kepada pihak yang lain dan akan timbullah teori seperti yang terdapat dalam Islam, teori Tasasul, kalau sekiranya kita tidak ada kepercayaan kepada satu badan yang begitu baik maka selama-lamanya tidak akan percaya kerana itu trend merombak sistem dan menuju kepada keadaan yang tidak harmoni. Kalau sekiranya kita dapati ada perkara-perkara yang hendak kita syorkan terhadap sesuatu badan dan sebagainya, saya fikir kita boleh syorkan tetapi jangan begitu gopoh hendak mengutarakan sesuatu perkara yang boleh menghakis kepercayaan terhadap satu-satu komisyen yang benar-benar wajar mendapat penghormatan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan tadi. Tinggal lagi kalau kita katakan apakah perlunya kita mempunyai suatu lagi golongan untuk memerhati Commission ataupun Suruhanjaya yang kita yakin ianya bebas. Tetapi soalnya apakah kita juga yakin kepada kebebasan orang yang dibelakang Suruhanjaya itu, sebab kita tahu Suruhanjaya ini dibentuk oleh Kerajaan yang memerintah. Itu kita tidak boleh nafikan hakikat. Dan kita tidak mcngatakan bahawasanya ada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, cuma kita bangkitkan sebagai ingatan. Dan lebih baik, lebih berwibawa, ada kredibiliti kepada Kerajaan kalau Kerajaan Malaysia menerima Election Watch ini dan ini satu kemegahan, satu kebanggaan bagi Kerajaan. Dan saya minta dibaikilah, bukan watch-dog, itu Election Watch. Sebab orang Mesir, dia kurang mengerti watch dengan dog ini. Jadi, tidak eloklah perkataan, walaupun

perkataan watch-dog Hu tidak ada salah, sememang salu terminologi, but pronounciation itu diuji dog itu seolah-olah kita secara tidak langsung kita perli, tidak baik. Kita mencriminalah hakikat bahawasanya yang wujud itu ialah Election Watch untuk memberi bantuan dan saya percaya ianya akan meningkatkan lagi imej Kerajaan untuk tujuan itu. Saya hanya sekadar kemukakan pandangan dan penjelasan seterusnya daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau ada itu minta maaf, ini bercakap ikhlas.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Monamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Pasir Mas ini suka sangat menyentuh latarbelakang orang, saya kurang minat dan trend dalam UMNO pun sebenarnya bukan begitu. Kita tidak begitu minat hendak sentuh hal orang, orang ini macam mana, daripada mana, mengaji di mana, itu bukan tradisi kita. Perkara yang baik kalau ditafsirkan menerusi pemikiran yang kurang baik maka dia jadi tidak baik. Tetapi kalau sekiranya kita mempunyai fikiran yang baik, yang buruk kita boleh baikkannya. Kalau sekiranya kita sudah ada Suruhanjaya Pilihanraya maka sistem yang perlu kita perkukuhkan ialah meyakini institusi yang kita wujudkan.

Jangan kita melihat sesuatu yang telah tertubuhnya itu dengan didorong oleh satu situasi, maka kita membuat hukuman. Lihatlah di mana-mana pun dalam dunia ini kalau sekiranya situasi itu tidak membenarkan sesuatu isu ditimbulkan, maka sudah pasti bahawa situasi itu menjadi faktor untuk membuat determination. Kalau sekiranya kita dapati keadaan dalam negara Malaysia ini memerlukan kepada satu sikap di kalangan rakyat supaya mempunyai anggapan yang baik di antara satu sama lain, walaupun kita mempunyai perbezaan fikiran daripada segi politik, maka penonjolan isu

"watch-dog" ini dari segi situasinya tidak tepat (*Disampuk*) Election Watch atau election apa. Penonjolan isu ini pada masa ini tidak sesuai, tidak relevant dengan masa. Ertinya, kalau kita ambil pandangan daripada pihak-pihak yang lain, daripada dunia lain, maka pada umumnya orang boleh mentafsirkan bahawa bila ia keluar daripada sebuah parti Pembangkang, ia mempunyai motif-motif yang tertentu untuk mengaut keuntungan dalam perjuangan politik sahaja. Tetapi kalau sekiranya kita ingin mengetahui sama ada Election Watch itu wajar dibuat misalnya, maka ia tidak seharusnya datang daripada satu kumpulan yang sudah terbukti sentiasa berikhtiar menghakis kepercayaan rakyat kepada Kerajaan yang ada. Perkara ini penting, kita carilah orang yang agak adil sedikit untuk membuat hukuman dan penilaian. Itulah cara-cara yang paling baik bagi memastikan sama ada yang kita kehendaki itu wajar ataupun tidak.

Tuan P. Patto: (*Bangua*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya berilah.

Tuan P. Patto; Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, beliau mensifatkan seolah-olah bahawa anggota dalam Election Watch ini adalah golongan yang ditonjolkan oleh Pembangkang dan juga beliau mensifatkan bahawa tindak-tanduk mereka dalam masa lampau menunjukkan bahawa mereka menentang Kerajaan. Saya ingin mendapat tahu adakah Pengerusi Election Watch, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian itu seorang yang menentang Kerajaan sewaktu beliau menjadi Ketua Hakim Negara? Kedua, anggotanya, bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, pernahkah dia menjadi anti Barisan

Nasional, anti Kerajaan selain daripada menjalankan tugas-tugasnya yang termaktub dalam Perlembagaan untuk mengaudit Kira-kira Wang Negeri. Dan anggota-anggota lain, seperti Chooi Mun Sou, beliau pernah dilantik oleh Kerajaan sendiri menjadi anggota dalam Jawatankuasa BMF untuk menyalut skandal BMF. Adakah mereka semua ini termasuk bekas Presiden Majlis Peguam, Y.M. Raja Aziz Addruse dan juga Datuk Param Cumarasamy anti Kerajaan? Adakah mereka ini anggota dalam mana-mana parti Pembangkang? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat yang berkenaan jangan begitu gopoh untuk meminta penjelasan tentang perkara-perkara yang tidak pun saya bayangkan. Cara yang sedemikian boleh diputarbelitkan sedangkan yang saya maksudkan ialah sama ada wajarkah ataupun tidak dalam situasi sekarang ini negara kita ini wujudkan satu kumpulan yang dinamakan Election Watch. Kalau sekiranya benar bahawa perkara ini tidak limbud daripada pihak lain, kecuali pihak-pihak ini sahaja yang dikatakan mempunyai sejarah perkhidmatan yang baik, menimbulkan minat mereka untuk menubuhkan satu kumpulan yang dikenal dengan nama Election Watch.

Tetapi yang ternyata sekarang ini bagi masyarakat umum di Malaysia ini ialah penonjolan isu ini, sokongan terhadap perkara ini datang daripada parti Pembangkang, bagaimana kita hendak justify, bagaimana kita hendak menerima bahawa perkara ini wajar? Biarlah perkara itu datang daripada orang-orang tidak berkepentingan yang melihat keadaan secara adil dan mengetahui tentang situasi dan situasi seperti ini di Malaysia pada masa ini ternyata bahawa banyak isu-isu yang di-

politicise oleh pihak-pihak yang ingin melihat Kerajaan ini runtuh kerana dia hendak ambil kerusi Kerajaan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:**  
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun,

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya minta maaf, sebab banyak tagi, saya hendak teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak benarkan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Selepas ini saya beri pula.

Mengenai masalah dadah pula, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan teguran kepada masalah ini. Segala teguran dan cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian, pertimbangan sewajarnya dibuat dalam usaha Kerajaan meningkatkan tindakan-tindakan anti dadah, khususnya dalam memperluaskan penglibatan semua lapisan masyarakat ke arah ini. Kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat juga diperlukan untuk memainkan peranan yang aktif di dalam menerajui usaha-usaha anti dadah di peringkat kawasan masing-masing.

Yang Berhormat dari Tanjong menyuarakan kebimbangannya terhadap hak-hak asasi orang-orang bukan Islam. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan adalah menjamin kebebasan beragama di negara ini. Sebagaimana termaklum, tiap-tiap orang mempunyai hak untuk mengurus urusan agama masing-masing, menubuhkan serta menguruskan aktiviti-aktiviti agama atau institusi-institusi kebajikan dan mendapatkan

harta sena mentadbirkannya bagi maksud tersebut yang dikawal oleh undang-undang. Oleh yang demikian, kebimbangan tentang kemungkinan Undang-undang Islam dikuatkuasakan ke atas orang-orang yang beragama lain adalah tidak sewajarnya dijadikan isu. Dari segi amalannya, pengukuasaan Undang-undang Syariah di negara ini adalah dilaksanakan melalui undang-undang di negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai apa-apa peranan dan tidak boleh mencampuri urusan agama mana-mana kumpulan, kecuali setakat mana yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan, soal kenapa Kerajaan Persekutuan menggunakan institusi dan seterusnya menggunakan jentera institusinya dan perbelanjaan bagi tujuan agama Islam sepatutnya tidak perlu dilimbulkan lagi. Kerajaan Persekutuan menjalankan segala tanggungjawabnya dalam konteks pentadbiran am di seluruh negara untuk kepentingan rakyat keseluruhannya. Seterusnya bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengawal ajaran-ajaran sesat mengenai agama-agama lain. Mengenai agama Islam sendiri pun . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sedikit lagi hendak habis. Tugas mengawal akidah dan pengaruh ajaran sesat di kalangan umat Islam adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan bukan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri

ladi bahawa pihak Kerajaan sentiasa menegakkan keluhuran Perlembagaan. Memandangkan satu keputusan Mahkamah Agung baru-baru ini yang menyatakan bahawa ibu-bapa bukan Islam mempunyai hak mutiâk dan khusus untuk menentukan agama, pendidikan dan cara membesarkan anak-anak mereka, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan keputusan Mahkamah Agung ini dengan Undang-undang Islam atau undang-undang lain yang sedia ada, terutama sekali Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam di negeri Selangor di mana seksyen 67 dan seksyen 70 bercanggah dengan keputusan Mahkamah Agung ini. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengarahkan Kerajaan Negeri Selangor untuk memansuhkan seksyen 67? Memandangkan bahawa satu kenyataan telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bahawa pihak Kerajaan tidak akan menentukan had umur yang membolehkan seorang kanak-kanak bukan Islam memeluk agama Islam, bukankah pendirian sebegini bercanggah dengan keputusan Mahkamah Agung? Di manakah pendirian Kerajaan kalau pada satu ketika ia menyatakan bahawa ia menegakkan keluhuran kedaulatan undang-undang, tetapi pada ketika yang lain menyatakan bahawa ia tidak akan menghormati urusan Mahkamah Agung dengan tidak mahu menghadkan umur yang membolehkan kanak-kanak bukan Islam memeluk agama Islam tanpa kebenaran ibu-bapa mereka.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud sebenarnya untuk menyentuh perkara-perkara yang sedang berada dalam tindakan pihak mahkamah. Yang boleh saya nyatakan di sini ialah perkara ini dalam konteks umum sahaja, yang tidak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kedudukan perubahan enakmen di Negeri Selangor yang

difahami perkara itu telah menjadi kes di Mahkamah Agung. Yang hendak saya jelaskan di sini ialah mengenai dengan pandangan agama tetap, agama tidak bolen diubah. Agama Islam, misalnya, menyatakan bahawa siapa yang sampai umur, ertinya ada tanda-tanda yang sudah sampai umur, maka dia mempunyai kebebasan daripada segi kebebasan individu. Dan pada masa yang sama juga agama telah menggariskan panduan iaitu lentang kuasa ibu bapa.

Saya tidak pâyahlah sebutkan Hadis itu di sini. Lebih mudah saya sebutkan maksudnya sahaja untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa semua orang, sabda Nabi Muhammad s.a.w., semua yang dilahirkan, dilahirkan dalam keadaan yang bersih, maka kedua-dua ibubapanyalah yang menentukan sama ada dia akan menjadi orang yang beragama Yahudi atau yang beragama Majusi atau yang beragama Kristian dan seterusnya. Islam, nampaknya jelas, kuasa ibu-bapa ada. Dan pada masa yang sama. Islam juga menentukan bahawa seseorang itu boleh memilih agama bila dia sampai kepada satu paras atau satu had iaitu yang dianggap sebagai landa bahawa dia sudah matang. Ini ajaran Islam dan tidak ada kuasa yang boleh mengubah. Maka bila kita melihat perkara ini dengan baik, rasional, dengan harapan kita hendak berbaik-baik, bukan kita hendak berperang agama, kita mengharapkan supaya manusia ini sebagai makhluk dalam alam ini yang dicipta, dijadikan oleh Allah, dijadikan oleh pencipta mesti mengambil nilai-nilai ini dengan cara yang positif, bukan untuk kita berkelahi dan berperang.

Misalnya, kalau seorang ibu atau bapa melihat anaknya sendiri sudah matured, walaupun mungkin dalam dunia moden ini, maaf saya, Tuan Yang di-Perlua, kadang-kadang orang itu cepat matang, alat-alat untuk mematangkan orang ada banyak didapati menerusi alat-alat yang direka

oleh pakar-pakar perubatan. Kadang-kadang sudah matang di umur 11 tahun atau 12 tahun. Buah-buahan pun kadang-kadang dahulunya kecil, sekarang ini boleh dibesarkan dan mungkin orang pun yang kecil boleh dibesarkan dan yang besar boleh dikecilkan. Jadi, dalam hal ini saya berpendapat, eloklah kita ini sebagai manusia mengambil nilai agama ini sebagai faktor yang positif untuk membina keharmonian kehidupan. Misalnya, kalau seorang ibu-bapa melihat anaknya sudah matured lebih awal lagi maka terpujulah kepada kebijaksanaan ibu-bapa yang berkenaan untuk menilai dan menentukan sama ada dia hendak pukul lagi, sedangkan dia sudah tahu anak sudah matured.

Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, dahulu orang berbulu bila dewasa umur 20 tahun lebih. Tetapi sekarang ini menerusi alat-alat yang moden ini mungkin bulu tumbuh waktu dia berumur 4 tahun atau 5 tahun. Sign of maturity ini ataupun landa kematangan ini berubah dari masa ke semasa berdasarkan kepada alat-alat ataupun ramuan chemical yang direka oleh manusia sendiri. Maka yang kita harapkan ialah supaya ibu-bapa ini walaupun peruntukan Perlembagaan memikirkan dengan rasional, terutamanya dalam masyarakat yang majmuk seperti Malaysia ini membuat pertimbangan yang baik. Kalau sekiranya anaknya itu nampak matang cepat, takkan dia hendak marah lagi, sedangkan anaknya sudah berbulu, misalnya. Maafkan saya, sudah cepat tumbuh bulu. Ertinya macam burung kalau cepat tumbuh bulu dia boleh terbang cepat. Maka manusia ini bcgitu juga, misalnya. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, dia senyum sahaja, tetapi . . .

Tuan P, Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya belum habis lagi.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sahaja.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jangan sentuh perkara yang sensitif. Saya ingin mencrangkan perkara-perkara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tidak beri jalan.

Tuan P. Patto: Tidak payah berkhotbah, jawab sahaja pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak beri jalan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Itulah cara orang DAP. Bila kita bercakap dengan baik . . .

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soal pokok itu tidak dijawab. Yang diberinya khutbah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak beri jalan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua barangkali Yang Berhormat takut kepada perkara yang baik. Biasanya takut pada yang baik ini ialah orang tidak baik.

Tuan P. Patto: Saya tidak pandai berkhotbah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Terima kasih,

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada yang tidak pandai berkhotbah, boleh saya ajar,

Tuan P. Patto: Tidak payah.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jadi, berdasarkan pada pandangan ringkas yang saya maklumkan tadi, saya fikir masalah keputusan mahkamah mengenai dengan kes di Kelantan itu adalah wajar dibuat pertimbangan yang baik berdasarkan kepada masyarakat majmuk. Saya tidak berhajat hendak memberi penjelasan yang lebih panjang lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Seakan-akan, Kerajaan tidak menghormati keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti-nanti, Yang Berhormat minta kebenaran dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya sudah sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua bahawa . . .

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalankah atau tidak kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tidak, tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri. Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, itu Peraturan Mesyuarat kita. Hendak beri jalan, Yang Berhormat?



**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tidak, tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Fasal dia sudah dengar khutbah, elok juga.

**Tuan P. Patto:** Mengapa dia buat ucapan tambahan pula. Kalau tidak beri, tidak berilah.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, tegasnya undang-undang negara yang memperuntukkan larangan menggunakan perkataan-perkataan tertentu yang dipakai dalam agama Islam tidak akan keliru dengan ajaran-ajaran agama lain. Maaf, tersilap, saya ulang balik akibat gangguan.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai Wilayah Persekutuan, Kerajaan Persekutuan boleh mengadakan undang-undang bagi mengawal penyebaran agama-agama lain di kalangan orang-orang yang menganut agama Islam. Dalam hubungan ini apa sahaja tindakan kegiatan atau perbuatan yang boleh merosakkan atau mempengaruhi umat Islam adalah perlu dikawal. Ini termasuklah usaha-usaha untuk mengelirukan umat-umat Islam di negara ini dengan menggunakan istilah-istilah keagamaan yang dipakai dalam masyarakat Islam di negara ini seperti perkataan-perkataan Allah, masjid, Baitullah dan lain-lain seumpamanya. Perkataan-perkataan seperti ini adalah mempunyai maknanya yang tersendiri dalam agama Islam dan tidak ada sebab mengapa agama-agama lain hendak menggunakan istilah-istilah seperti ini kerana perkataan-perkataan lain masih boleh digunakan. Ketegangan agama hanya akan timbul jika soal-soal . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** . . . keagamaan dijadikan isu-isu politik-sekejap-untuk tujuan-tujuan politik.

Tegasnya undang-undang negara yang memperuntukkan larangan menggunakan perkataan-perkataan tertentu yang dipakai dalam Agama Islam tidak akan keliru dengan ajaran-ajaran agama lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada sedar bahawa Yang Berhormat dari Nibong Tebal selalu mengatakan perkataan-perkataan "alhamdulillah", "insya Allah" dan lain-lain lagi yang tidak boleh digunakan oleh orang-orang bukan Islam di negeri-negeri tertentu. Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri akan menegur Yang Berhormat dari Nibong Tebal yang menggunakan perkataan-perkataan tersebut atau mungkin meminta dia memeluk Agama Islam kalau dia hendak teruskan menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Yang kedua, memandangkan bahawa negara Indonesia sebuah negara Islam membenarkan penggunaan perkataan-perkataan tersebut, mengapakah ini tidak boleh dilakukan di negara kita? Terima kasih.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan penggunaan istilah saya sebutkan tadi adalah sebenarnya banyak bergantung kepada situasi, kepada keadaan. Kalau sekiranya dalam keadaan yang baik, sebagaimana juga yang kita dapati di negara-negara Timur Tengah

misalnya, ramai juga orang-orang yang menggunakan bahasa Arab, menggunakan perkataan Arab dan menyebut perkataan yang sama, tetapi situasi mereka berbeza, tidak ada salah tanggapan maka tidak menjadi isu.

Bagi negara kita ini dalam keadaan yang baik, situasi yang kita boleh anggapkan baik, tidak ada niat untuk menghina atau mengelirukan, maka tidak ada apa-apa.

Ramai sahabat-sahabat saya yang bukan Islam pun kadang-kadang menyebutkan "insya Allah" dalam keadaan yang baik dan tidak menimbulkan kekruhan. Tetapi bila salah letak, salah tempat, apabila disebutkan dalam siaran-siaran ataupun penerbitan-penerbitan yang boleh ditafsirkan sebagai menimbulkan kekeliruan, maka perkara itulah yang menjadi motif kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, Yang Berhormat dari Jelebu dan Yang Berhormat dari Simunjan telah bertanyakan tentang pengagihan peruntukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus berusaha meninggikan lagi taraf hidup rakyat dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Semua projek yang telah dikenalpasti keperluannya untuk rakyat dan diumumkan akan dilaksanakan mengikut keutamaan. Kerajaan tidak membuat pengumuman dengan tujuan membuat janji kosong untuk mengabui mata rakyat.

Isu sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri lupa mengenai janjinya adalah tidak benar kerana pelaksanaan dan pengesanan projek-projek telah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mencadangkan supaya pelaksanaan hukuman Islam dijalankan di negara ini. Hukuman yang dimaksudkan itu ialah hukuman hudud, iaitu hukuman-hukuman yang telah diletapkan di dalam al-Quran seperti mencuri, berzina dan seumpamanya.

Kerajaan tidak pernah mengenyakan perkara ini kerana ia sebahagian daripada tuntutan Islam. Pengukuhan sebuah kerajaan adalah penting bagi mencapai tujuan itu. Kerana itu di peringkat ini, Kerajaan terus berusaha mengukuhkan Kerajaan yang akan menjadi asas dalam melaksanakan perkara-perkara yang besar.

Mengenai ASN, setakat ini Majlis-majlis Fatwa belum lagi membuat keputusan terhadapnya. Di negara ini, pihak yang boleh mengeluarkan fatwa ialah Majlis-majlis Fatwa yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Orang perseorangan tidak boleh mengeluarkan fatwa. Sekiranya fatwa mengenai ASN itu belum lagi dibuat oleh mana-mana Majlis Fatwa, maka tidaklah boleh mana-mana pihak lain mengeluarkan fatwa menghukumnya sebagai haram. Walau bagaimanapun, tiap-tiap individu adalah bebas untuk membuat keputusan sendiri mengenai sesuatu perkara seperti itu tetapi ianya tidaklah boleh mempengaruhi orang lain mengikut pandangannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mengesahkan bahawa rakyat telah menikmati taraf hidup yang baik pada keseluruhannya dengan mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula program pembangunan rakyat termiskin.

Program pembangunan rakyat termiskin adalah merupakan satu program khas yang dilaksanakan untuk dua tahun—1989 dan 1990. Kumpulan

sasaran program ini ialah keluarga yang berpendapatan \$175 sebulan dan ke bawah. Jumlah perkiraan paras pendapatan \$175 ini dibuat berasaskan separuh daripada \$350, iaitu garis pendapatan kcmiskinan (poverty line income) yang masih terpakai sehingga sekarang untuk tempoh dua tahun ini iaitu 1989-1990. Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula paras pendapatan keluarga termiskin ini kerana program khas ini adalah merupakan program baru dan adalah terlalu awal untuk membuat kajian impak terhadapnya.

Tuan Yang di-Perlua, Ahli Yang Berhormat dari Betong telah menyentuh soal integrasi nasional dan telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan perkhidmatan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kakitangan yang berasal daripada Semenanjung yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sarawak adalah jauh lebih kecil iaitu seramai 2,170 orang sahaja.

Jika perangkaan Yang Berhormat digunakan, adalah didapati bahawa peratus pegawai-pegawai Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak berbanding dengan pegawai lempalan amatlah kecil, iaitu sebanyak 13% sahaja. Bagi tujuan integrasi nasional, peratus ini tidak seharusnya menimbulkan rasa tidak puas hati.

Di samping itu, pengambilan ke dalam Perkhidmatan Awam adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan dalam sesuatu urusan pengambilan, calon-calon yang bukan berasal daripada negeri Sarawak. Bagaimanapun, pengambilan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong dalam kumpulan gaji C dan D di agensi-agensi Persekutuan yang bertempat di negeri Sarawak pada lazimnya adalah

memberi keutamaan kepada calon-calon yang berasal daripada negeri Sarawak. Bagi menepati matlamat ini, pengiklanan kekosongan jawatan agensi-agensi Persekutuan yang bertempat di negeri Sarawak hanya disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan yang terdapat di negeri Sarawak sahaja. Keutamaan juga diberikan kepada calon-calon yang berasal daripada negeri Sarawak apabila mengisi jawatan-jawatan kosong dalam kumpulan gaji A dan B di agensi-agensi Persekutuan bukan integrated yang bertempat di negeri Sarawak seperti, misalnya, Jabatan Laut Sarawak.

Sistem pentadbiran yang membolehkan jabatan-jabatan Persekutuan dan negeri Sarawak berinteraksi dalam merancang, menggubal dan melaksanakan dasar serta pembangunan negeri Sarawak sudahpun wujud. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kerjasama dan penyelarasan di antara jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sarawak.

Berkaitan persoalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong perlu ditegaskan bahawa kemasukan PTA ke dalam perkhidmatan PTD adalah hasil daripada kajian penyusunan semula struktur perkhidmatan pentadbiran yang melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan PTD, PTA, Pegawai Kerja, Pegawai Kerani dan Pegawai Kerani Rendah yang berluju untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pentadbiran di negara ini. Kajian itu merurnuskan bahawa perkhidmatan PTA dan Pegawai Kerani Rendah tidak diperlukan dalam struktur perkhidmatan pentadbiran yang baru.

PTA Tingkatan Tertinggi G tidak akan kehilangan kekananan apabila memasuki perkhidmatan PTD kerana kekananan mereka dalam perkhidmatan PTD adalah berasaskan kepada tarikh kenaikan pangkat ke PTA Tingkatan Tertinggi G manakala mereka

mempunyai peluang untuk meningkat ke tingkatan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan PTD.

PTA Tingkatan Kanan atas tanggagaji A12 apabila memasuki perkhidmatan PTD tidak akan diturunkan pangkat, malahan mereka diberi tanggagaji yang lebih baik lagi iaitu All yang bersamaan dengan tanggagaji Tingkatan Kanan dalam Skim Perkhidmatan PTD yang lama. Penurunan pangkat hanya berlaku jika seseorang itu diturunkan tingkatan hakikinya dalam satu skim perkhidmatan yang sama. Mereka juga berpeluang untuk meningkat ke tingkatan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan PTD.

Satu Jawatankuasa Khas untuk menyelesaikan masalah PTA/PTD ini sedang di dalam penubuhan oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri, sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka bangun pula.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Bagilah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri kalau penyatuan PTA/PTD ini adalah adil, mengapakah PERTAM membantah dengan begitu kerasnya terhadap penyatuan sebegini.

Soalan yang kedua yang saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri ialah mengenai option yang ditawarkan kepada pegawai-pegawai PTA. Kalau pegawai-pegawai PTA itu enggan menerima option yang ditawarkan itu, mereka akan jumud dalam perkhidmatan dan mereka tidak akan berpeluang langsung untuk naik pangkat dan akan diklasifikasikan sebagai khas untuk Penyandang, iaitu satu jawatan di mana mereka hanya tunggu untuk bersara sahaja dan sama

ada ini berlaku adil terhadap pegawai-pegawai PTA yang telah berkhidmat sebegitu lama dalam Kerajaan?

Mengenai jawapan Menteri tadi Pegawai PTA Tingkatan Tertinggi G (A10) tidak akan kehilangan perkhidmatan mereka, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mereka akan kehilangan perkhidmatan 4-6 tabun apabila mereka menemai option dan bukanlah tempoh perkhidmatan dikira apabila menerima option itu, iaitu tempoh perkhidmatan mereka semasa berkhidmat sebagai pegawai PTD.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Bantahan keras kalau pun ada pada satu masa dahulu daripada PERTAM ialah kerana beberapa maklumat terperinci belum mereka ketahui. Malangnya bantahan keras yang lahir kerana tak faham itu ditanggung oleh parti Pembangkang, membesarkan isu ini kerana hendak cari makan lebih sahaja. Sebenarnya keras itu tidaklah keras macam yang DAP bayangkan kerana DAP suka benar "keras" ini. Kalau barangkali dia perintah, habis negara ini dia perintah dengan keras. Bantahan keras, pada saya tidak wujud, mereka hanya ingin mendapat penjelasan sahaja dan kerana itu urusan-urusan untuk memberi pemahaman, penjelasan-penjelasan yang terperinci sedang dibuat termasuk mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Mengenai perkara-perkara yang ditanya kemudian iaitu soalan yang kedua dan ketiga itu, ianya memerlukan satu penjelasan khas.

Kalau Yang Berhormat hendak dapat maklumat terperinci mengenai isu ini, saya fikir kalau ada minat bolehlah berhubung dengan pegawai yang berkenaan di JPA dan JPA akan ceritakan tentang kedudukan sebenarnya mengenai perkara ini secara lebih

terperinci. Kerana masalah misalnya masalah jumud jawatan. Masalah kejumudan jawatan ini bukanlah bermakna orang yang berkenaan menjadi mangsa. Usaha seperti ini adalah usaha peningkatan perkhidmatan dan memberi peluang yang lebih baik kepada mereka yang sedang berkhidmat dalam PTA. Kalau sekiranya mereka sudahpun menyediakan beberapa kemampuan-kemampuan asas ataupun qualification asas seperti kursus-kursus dikehendaki maka dengan sendiri mereka akan diberi kesempatan untuk menduduki dalam kumpulan PTD. Jawatan itu jumud kerana jawatan itu tidak akan diwujudkan lagi.

Kalau sekiranya berlaku kelemahan iaitu kalau terdapat pegawai yang keihatian tidak dapat memperbaiki keadaan dirinya dan terdapat laporan-laporan daripada Ketua Jabatan, misalnya tentang prestas! yang begitu rendah, maka sudah tentu keadaan yang demikian tidak membolehkan pegawai PTA itu dipindahkan atau berpeluang mendapat kedudukan dalam PTD. Jadi kalau sekiranya ada berlaku ini—kalau berlaku—saya fikir tidak akan ada kerana PTA mereka adalah pegawai-pegawai yang baik dan kita membuat peraturan atas andaian kalau ada yang tidak layak yang mereka itu mengikut prestasinya tidak begitu memuaskan, laporan Ketua Jabatannya pun selalu tidak baik mengenai dengan pegawai berkenaan maka bagaimana dia hendak meningkat kepada PTD. Maka orang yang seperti ini, kalau ada, jumud. Tetapi saya dapati bahawa tidak ada.

Daripada segi rekod perlu kita sebutkan bahawa jawatan itu di-jumudkan dan tidak ada lagi pengambilan untuk tujuan PTA.

Perkara-perkara lain, saya fikir tidak payahlah saya terangkan, akan diterangkan kalau sekiranya perlu oleh pegawai yang berkenaan di Jabatan Perkhidmatan Awam dan saya

persilakan Yang Berhormat kalau hendak penjelasan lebih, mereka boleh terangkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tidak payahlah, tidak payah. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Slandng Order, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Standing Order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Peraturan Mesyuarat. Tadi Yang Berhormat Menteri iclah menge!uarkan sangkaan jahat terhadap DAP bahawa kita hanya membesarkan isu PERTAM. Tetapi, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak ada satu memorandum yang membantah dengan keras sekali . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, atas point of order berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** 36 (6).

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia? Apa dia perkataan daripada Yang Berhormat Menteri tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana dia mcnyatakan bahawa saya dan DAP telah membesarkan isu penyatuan PTA dan PTD ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan point of order, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, itu bersikap keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu fair criticism Yang Berhormat, yang itu boleh dibenarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini, dia bohong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, tidak ada point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Dia bohong! Yang Berhormat Menteri bohong, ada satu memorandum . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan "bohong" tidak boleh digunakan—unparliamentary, Yang Berhormat. Saya minta tarik balik, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, saya tarik balik dan Yang Berhormat Menteri tidak cakap benar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Monanied Nor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang selalu benar ini tidak payah suruhlah cakap benar, sudah benar selalu dah!

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tugas dan bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri adalah terlalu luas. Saya mungkin tidak berkesempatan menjawab setengah-setengah perkara yang dibangkitkan semasa menggulung perbahasan ini. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripadanya telah pun dijawab semasa pertanyaan mulut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, perkara-perkara

tersebut telah diambil kira dan akan mendapat perhatian dari Jabatan ini. Akhir kâta, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan pandangan serta syor-syor yang berguna yang menyentuh tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara tersebut akan dijadikan panduan dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

#### 4.44 *ptg.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Di-Raja di Upacara Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketujuh pada 26hb Februari, 1990.

Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mengenai penyediaan infrastruktur di luar bandar, program pemodenan kampung, peranan Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA).

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Betong, Simunjan, Kinabatangan dan Bukit Mas masing-masing telah meminta Kerajaan untuk meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak. Kementerian ini sentiasa berusaha dan memberi perhatian bagi meningkatkan

peratus liputan infrastruktur di luar bandar terutamanya bekalan air, bekalan elektrik dan jalan-jalan kampung di luar bandar.

Dalam melaksanâkan pembangunan infrastruktur di luar bandar, Kerajaan tidak hanya menumpukan perhatian kepada setengah-setengah kawasan sahaja. Walau bagaimanapun, bagi negeri Sabah dan Sarawak, Kerajaan menghadapi masalah melaksanakan projek-projek infrastruktur di luar bandar kerana penduduk di luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak adalah letaknya terpencil, berselerak dan jauh di pedalaman. Ini menyebabkan kos bagi menyediakan infrastruktur seperti air, elektrik dan jalanraya menjadi ter l a u tinggi. Namun demikian, Kerajaan akan terus berusaha menyediakan kemudahan infrastruktur tersebut mengikut kemampuan. Kementerian juga sedang mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi mempercepatkan lagi pembangunan infrastruktur bagi membolehkan penduduk luar bandar di negeri tersebut menikmati kemudahan-kemudahan ini.

Misalnya, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengadakan punca bekalan elektrik yang tidak berkait dengan national grid terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Antaranya elektrik berpunca dari matahari ataupun solar dan berpunca dari per j a l a n air sungai. Percubaan akan dimulakan di Pulau Aur bagi solar dan sekiranya usaha ini berjaya, kampung-kampung terpencil di Sabah akan dibekalkan dengan kemudahan ini. Percubaan dengan menggunakan air sungai juga sedang dijalankan dan sekiranya ianya berjaya kampung-kampung kecil di tepi sungai akan dapat dibekalkan kemudahan elektrik melalui sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dan Simunjan telah membangkitkan

mengenai program menaikkan taraf jalan kampung khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan dan menaikkan taraf jalan ini juga diberi berasaskan keutamaan khususnya bagi kawasan-kawasan yang memerlukan. Faktor-faktor yang diambil kira untuk menentukan kelayakan ini seperti bilangan penduduk yang akan mendapat faedah, kos perbatuan dan kemungkinan jalan luar bandar yang dibina dapat mendorong pembangunan ekonomi di satu-satu kawasan. Ini adalah kerana jalan-jalan di luar bandar yang dibina akan dinaikkan taraf jalan adalah terlalu banyak di seluruh negara. Namun demikian, Kerajaan akan terus berusaha memperbaiki keadaan tersebut mengikut kemampuan.

Berhubung dengan masalah kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek menaik taraf jalan, khususnya di daerah Kota Belud dan Sabah amnya, seperti yang telah dimaklumkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, masalah-masalah kelulusan atau kelewatan waran adalah timbul kerana maklumat-maklumat mengenai projek yang dipohon adalah tidak mencukupi. Kadangkala projek-projek berkenaan memerlukan pemeriksaan semula dan sering bertukar atau dipinda skop projeknya. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tahun 1988 memang terdapat sedikit kelewatan di mana peruntukan tambahan hanya diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah membangkitkan masalah infrastruktur di estet-estet dan telah menyarankan supaya satu tabung khas ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sekali lagi saya ingin menjelaskan bahawa penyediaan kemudahan asas di estet-estet adalah di bawah tanggungjawab pihak

pengurusan estet itu sendiri. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kebanyakan estet-estet telah mendapat keuntungan atau pulangan hasil yang agak memuaskan.

Oleh itu adalah wajar bagi pihak pengurusan estet berkenaan untuk memberi kebajikan dan kemudahan kepada pekerja-pekerja mereka dengan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Dengan cara demikian pihak estet berkenaan bukan sahaja dapat membantu Kerajaan tetapi juga dapat memberikan kemudahan kepada pekerja-pekerja mereka.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil perhatian mengenai masalah-masalah yang dibangkitkan. Sebuah jawatankuasa mengenai kemudahan asas bagi meneliti masalah-masalah yang berkaitan telah ditubuhkan baru-baru ini di bawah Kementerian Buruh.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tertarik dengan saranan untuk memodenkan kawasan luar bandar oleh Yang Berhormat dan Kuala Langat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memodenkan kawasan-kawasan luar bandar. Setakat ini Kerajaan telah berusaha mewujudkan kawasan-kawasan pertumbuhan desa di luar bandar. Projek Pusat Pertumbuhan Desa adalah merupakan perkembangan kepada pembangunan kampung dan luar bandar. Konsep ini menumpukan perhatian ke arah memajukan sektor pertanian secara pengurusan perladangan dan menggalakkan pengwujudkan industri kampung dan perusahaan kecil di kawasan luar bandar. Selain dari itu, di bawah program ini juga kampung-kampung akan disusun semula supaya menjadi tersusun . . .

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Bagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato\* Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai konsep yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dalam tahun 1984, Kerajaan telah memperkenalkan satu dasar yang dinamakan Hala Cara Baru pembangunan kampung dan luar bandar dan 27 projek yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan. Kini telah berlalu lima tahun dan masuk tahun yang keenam, ingin saya mendapat penjelasan, sudahkah semua projek yang telah dikenalpasti itu dilaksanakan dan di mana? Adakah termasuk Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan mengikut konsep Hala Cara Baru memang telah dilaksanakan dan saya tidak ingat bilangan kampung setakat ini tetapi yang saya masih ingat, kampung-kampung yang berkenaan daripada Kelantan, Johor, Perlis dan Melaka pun sudah dimajukan, seperti di Mulung Lanting dan Titi Tinggi di Perlis, kalau tidak silap saya, dan konsep pelaksanaan kampung Hala Cara Baru ini adalah meliputi seluruh negeri di Malaysia ini.

Selain daripada itu, di bawah program ini juga kampung-kampung akan disusun semula supaya lebih tersusun dan teratur serta memudahkan penyediaan infrastruktur yang lebih sempurna. Secara amnya, program ini mendokong dasar permodenan melalui proses memperbandarkan kawasan luar bandar selaras dengan dasar urbanisasi negara. Di bawah Rancangan Malaysia



Keenam, Kerajaan akan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk memastikan matlamat memodenkan luar bandar ini tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Jelebu bahawa anggota KEMAS lidak lagi menjalankan tugas asal tetapi telah diasuh supaya mengenalpasti mereka di kalangan peugas awam yang menyokong Kerajaan dan juga parti-parti Pembangkang dan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan pula yang mendakwa anggota KEMAS telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti politik dan melaksanakan semua arahan yang diberikan tanpa membuat penelitian. Sukalah saya menegaskan bahawa Kementerian ini tidak mengarahkan anggota KEMAS berbuat demikian. Untuk makluman Yang Berhormat, KEMAS adalah merupakan satu agensi Kerajaan yang berperanan untuk membentuk masyarakat yang bersedia menerima arus pembangunan negara dan membina masyarakat yang maju, berdikari, berinisiatif dan mempunyai rasa tanggungjawab dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Oleh itu . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Simunjan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Nanti saya habiskan dahulu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Baiklah.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Oleh itu, bagi mencapai hasrat ini anggota KEMAS adalah dikehendaki menjalankan tugas-antaranya termasuklah mengkaji taburan penduduk, menyemak data dan menganalisa keadaan sosial dan ekonomi masyarakat

setempat dengan tujuan untuk merancang aktiviti pembangunan masyarakat di masa hadapan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bukan mendakwa, tetapi perkara ini berlaku. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen lantaran jaminan beliau bahawa kita sentiasa mengarah dan menentukan supaya mereka ini menjalankan tugas untuk membangunkan negara. Saya ucapkan terima kasih di atas jaminan itu dan kita berbuat demikian sebagai Ahli Parlimen. Apabila kita lihat pegawai-pegawai di bawah Kementerian itu melakukan sesuatu yang tidak betul pada anggapan kita, maka kita laporkan ke Parlimen supaya pihak Kementerian itu sedar dan waspada dengan tujuan supaya Kementerian itu terjaga, dibersihkan, kredibilitinya terjaga, keutuhan, keunggulan dan keluhuran itu terjaga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mima penjelasan, jangan Yang Berhormat pula memberi penerangan. Sila minta penjelasan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya fikir, itu penjelasanlah, penjelasan daripada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolen minta penjelasan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kalau macam itu, tiadalah. Saya fikir penjelasan daripada saya.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan perkara yang menyentuh bidang kuasa agensi FELCRA iaitu mengenai masalah tanah terbiar di kawasan luar bandar dan seterusnya menyarankan

supaya pihak FELCRA mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah ini dan seterusnya mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar dan juga dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi FELCRA adalah untuk memaju dan memulihkan tanah-tanah yang tidak diusahakan atau terbiar sebelumnya. Tanah-tanah tersebut akan dipulih dan dimajukan supaya pemiliknya mendapat faedah dari tanah yang diusahakan itu di samping dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui program yang dilaksanakan. Selain daripada itu, peserta-peserta juga telah diberi peluang untuk menambahkan pendapatan dan mempertingkatkan penggunaan tanah serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk sefcitar.

Setakat ini FELCRA telah memajukan seluas 238,846 hektar yang telah ditanam dengan getah, kelapa sawit, koko, padi dan lain-lain lagi. Usaha-usaha untuk memaju dan memulihkan tanah terbiar ini akan dipertingkatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Suka juga saya tegaskan di sini bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk-penduduk luar bandar di negara ini. Bagi perkara-perkara lain yang tidak sempat saya jawab, Kementerian akan mengambil perhatian dengan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pengangkutan.

*438 ptg.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleba binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, teriebih dahulu sukaiah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara mengenai Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung.

Sukacita saya memberikan penjelasan dan jawapan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan iaitu pengeluaran permit kepada van-van untuk mengangkut penumpang di Sarawak, ingin saya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Awam. Oleh yang demikian Kementerian Pengangkutan akan merujuk perkara ini kepada Kementerian Perusahaan Awam.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Hulu Selangor mengenai jaduaJ-jadual penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Madras, ingin saya memaklumkan bahawa Penerbangan Malaysia (MAS) sememangnya memberi perhatian untuk menentukan bahawa penerbangan-penerbangan diadakan pada masa-masa yang sesuai bagi para penumpang. Walau bagaimanapun, penetapan jadual-jadual penerbangan adalah bergantung kepada berbagai faktor seperti aircraft con? straint, masa penerbangan-penerbangan sambungan, dengan izin, connecting flights yang sesuai, mahupun penerbangan-penerbangan antarabangsa ataupun domestik dan sebagainya. Namun demikian, sukaiah saya memaklumkan bahawa mulai 25hb Mac, 1990, pihak MAS akan meminda jadual-jadual penerbangan bagi

penerbangan-penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Madras di mana satu penerbangan seminggu akan berlepas pada waktu tengahari.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kapit, suka saya memaklumkan bahawa MAS telah mempunyai bilangan penerbangan yang mencukupi. Namun demikian, Kementerian Pengangkutan akan mengkaji permintaan dari masa ke semasa dan jika kajian ini menunjukkan bahawa permintaan meningkat, Kementerian Pengangkutan akan meminta MAS untuk menambah bilangan penerbangan ke Sarawak.

Atas cadangan Ahli Yang Berhonnat dari Bukit Mas supaya MAS mengadakan shuttle flights serta usahasama dengan pihak-pihak seperti Garuda, Thai Airways dan Singapore International Airlines, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa sekarang MAS sedang mengadakan perkhidmatan shuttle flights, dengan izin, dengan Singapore International Airlines untuk sektor Kuala Lumpur dan Singapura dan perkhidmatan usahasama dengan Garuda untuk sektor Kuala Lumpur-Bali serta perkhidmatan usahasama dengan Thai Airways untuk sektor Kuala Lumpur-Bangkok.

Untuk mene'l'iakkan pelancong luar negeri melawat Sarawak, Kementerian Pengangkutan juga sentiasa menggalakkan penerbangan-penerbangan yang tidak berjadual, dengan izin, charter flights untuk' mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di samping penerbangan berjadual MAS yang sedia ada dan oleh yang demikian, shuttle flights yang dimaksudkan antara Kuala Lumpur dan Kuching belumlah diperlukan setakat ini kerana muatan yang didapati juga dalam penerbangan-penerbangan MAS belumlah sampai ke . . .

**Tuan** Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Bukit Mas bangun.

**Tuan Mutang Tagal:** Dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan setakat ini tidak diperlukan satu usahasama di antara MAS dan juga airlines lain yang pergi daripada Kuala Lumpur ke Kuching. Yang kita mengendalikn sekarang ialah kita membuat shuttle flights yang tidak berjadual ke Kuching daripada Kuala Lumpur dengan pesawat MAS. Saya ingin tahu di sini sama ada ini berkesan untuk menambah pelancong datang daripada Semenanjung ke Kuching dengan flights yang tidak berjadual itu; kalau tidak, oleh kerana pada pendapat Kerajaan Negeri shuttle flights yang tidak berjadual ini tidak begitu berkesan. Yang kita mahu ialah supaya mengadakan satu shuttle flight sepanjang masa throughout the year, dengan izin, di antara MAS dengan airlines lain di antara Kuala Lumpur—Kuching, Johor 3ar.ru—Kuching, Singapura Kucing, ataupun Bangkok—Kuala Lumpur—Kuching.

**Datin Paduka Ha j j ah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, shuttle flights adalah penerbangan yang diadakan setiap jam di antara satu destinasi dengan satu destinasi seпени dari Kuala Lumpur ke .Singapura dan charter flights adalah penerbangan yang tidak berjadual dan dengan open sky policy, dengan izin, yang diâmatkan oleh Kerajaan kita ini, mana-mana penerbangan boleh meminta membawa charter flights. Jadi, ada perbezaan di situ..

Kalau Yang Berhormat maksudkan shuttle flights tiap-tiap satu jam sekati memanglah dalam keadaan hari ini dengan muatannya lebih kurang mengisi hanya 67% kapasiti yang ada dalam penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Kuching, maka tidak wajarlah shuttle flights ini diadakan/ tetapi charter flights memang terbuka

kepada mana-mana sahaja penerbangan. Jadi, kalau mereka tidak ingin datang dengan charter flights itu tidak dapatlah kita memaksa mereka berbuat demikian. Jadi, itulah kedudukannya.

Seperti Yang Berhormat dari Simunjan pun pernah mengatakan Yang Berhormat sendiri seolah-olah charter satu kapalterbang MAS, beliau seorang sahaja penumpang dalam penerbangan tersebut, jadi kalau berlaku perkara seperti ini selalu a ta u kerap kali, maka ianya akan menjadi merosotlah prestas! a tau pun . . .

Tuan Haji B u j ang bin Haji Ulis: Saya mohon penjeiasan dari Yang Berhormat. Apakah Kerajaan ber-cadang kerana dari segi har g an y a atau ongkosnya, kalau hendak charter kita boleh charter kapalterbang itu. Hendak charter kalau 4 orang sahaja, macam mana? Ini masalahnya. Masa saya menggunakan sebuah kapalterbang itu mungkin kebetulan setelah saya mengumumkan saya sendiri sebagai Timbalan Presiden PERMAS di sini, mungkin itu satu penghormatan, saya tidak tahulah. Jadi, itu mungkin kebetulan, tetapi masalah charter ini ialah kalau tidak cukup orang tidak boleh, sedangkan ada juga di kalangan orang yang hendak pergi itu perlu hendak pergi. Jadi, bagaimanakah jaminan pihak Kerajaan dengan mengadakan penerbangan charter ini? Seorangpun boleh pergi dengan tambang yang murah, macam mana? Adakah Kerajaan boleh memberi jaminan macam itu?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yang Berhonnat, itu tidak logik. Yang dimaksudkan charter flights dari mana-mana penerbangan itu sama ada dari Thai Airways, Garuda, SIA atau mana-mana jugalah, sesiapa juga yang tidak berjadual yang ingin membawa penumpang penuhlah. Kalau orang bawa satu penumpang dengan charter flight, kalau Yang Berhonnat bayar tambang untuk semua

orang, tetapi Yang Berhormat seorang naik kapalterbang itu tidak mengapa juga, boleh juga kerana ianya tidak merugikan penerbangan tersebut. Itu dia kedudukannya. Jadi, charter flights ini terbuka kepada sesiapa sahaja. Jadi, kalau dia tidak cukup penumpang untuk dibawa ke satu-satu destinasi itu sudah tentulah mereka tidak hendak pergi. Jadi, itulah kedudukan sebenarnya. Kita telah bukakan lapangan-lapangan terbang kita ini kepada semua, mana pihak sahaja yang ingin datang, tetapi kalau mereka tidak datang, jadi kita kenapa pula agaknya cari cara lain untuk menarik mereka supaya datang.

Yang Berhormat dari Sibu telah menyatakan penghargaannya kepada MAS . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Betong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Minta penjeiasan dari Timbalan Menteri. Yang pertama, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini masa musim cuti sekolah dan telah begitu susah untuk mendapat tempat dalam kapalterbang ke Kuehng dan sekarang bukan hanya semasa cuti sekolah sahaja, dalam dua, Liga bulan ini masalah mendapatkan tempat dalam MAS itu begitu susah sekali. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin tahu berapa charter flights telah dibuat dari Kuala Lumpur ke Kuching kerana saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bukit Mas bahawa sistem charter ini tidak berapa berkesan untuk membawa pelancong-pelancong dari Kuala Lumpur ke Kuching.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, MAS sendiri tidak mengadakan charter flights. Charter flights yang dimaksudkan itu permintaan daripada penerbangan ataupun airlines yang

lain yang di luar negara kita unmk membawa pelancong-pelancong seperti yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak yang hendakkan pelancong-pelancong lebih ramai datang. Yang Berhormat dari Bukit Mas misalnya mengatakan hanya aniera 30,000 hingga 50,000 sahaja yartg datang ke Sarawak. Hu sebab kita adakan 'open sky policy\*' di mana mana-sahaja airlines boleh meminta membawa pelancong-pelancong sama ada satu kapalterbang penuh, dua kapalterbang atau tiga kapalterbang ke Kuching untuk melawat Sarawak. Ini memang ada tetapi MAS sendiri tidak membuat charter flights, sebab MAS sudah ada penerbangan yang berjadual iaitu sebanyak 22 penerbangan seminggu dan saya telah menyatakan tadi muatannya lebih kurang 67% sahaja yang mengisi tempat-tempat duduk dalam kapalterbang-kapalterbang dalam flights yang diadakan itu.

Jadi, tidak munasabahlah kalau kita hendak menambahkan lagi dan saya tidak menafikan bahawa pada musim-musim cuti sekolah memang sukarlah untuk mendapatkan tempat duduk kerana memang lebih ramai, berganda-ganda penumpang hendak naik. Semasa musim c u ti sekolah, mereka hendak datang ke Semenanjung, hendak pergi ke Singapura dan banyak-banyak tempat dan biasanya di musim-musim cuti sekolah MAS menambah penerbangan-penerbangan selain daripada penerbangan yang dijadualkan tiap-tiap minggu seperti biasa itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mas bangun pula.

**Tuan Mutang Tagat:** Isu sebenar, Tuan Yang di-Perlua, bukan soal kenisi sebab more seats adalah diberi oleh MAS kepada Sarawak. Tetapi isu sebenar atau apa yang kita mahu ialah supaya pelancong yang sedia ada di Malaysia, di Singapura dan

di Thailand dapat kita bawa ke Sarawak oleh kerana pengembara-pengembara luar negeri membuat tempahan dan mereka minta MAS confirm booking mereka 5, 6 bulan sebelum mereka datang ke Malaysia, tetapi tidak dapat confirmation oleh kerana MAS tidak dapat memberi jaminan. Jadi, oleh kerana itu pihak kita mahu supaya ada usahasama dengan airlines seperti Royal Thai Airways, Singapore Airlines dan Garuda. Bukan soal memberi banayk seats kepada Sarawak tetapi bagaimana kita dapat, dengan izin, transit pelancong daripada yang sedia ada di dalam negara kita ke Sarawak yang dianggarkan di antara 3, 4 jula orang setiap tahun dan hanya datang 30,000 hingga 50,000 orang sahaja yang datang ke Sarawak. Angka ini dalam konteks foreign tourists sahaja, bukan termasuk pelancong dari Malaysia sendiri.

Itu yang Kerajaan Negeri ingin satu pertimbangan daripada MAS supaya dapat memudahkan-memang saya tidak menafikan bahawa shuttle flight ataupun chartered flight itu dapat membawa pelancong-tetapi kalau kita mempunyai schedule, usaha sama shuttle flight, mungkin itu dapat memudahkan pelancong yang mahu datang oleh kerana mereka tidak mahu membuat tempahan 5-6 bulan, kalau tidak ada confirm booking pergi Sarawak dan balik.

**Datin Paduka HajjahZaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham pada masa Yang Berhormat membanaskan kelmarinpun bahawa Yang Berhormat mengatakan bukan isu itu kerana tempat duduk, teiapi masalahnya tempat duduk itu banyak kosong, yang berisi hanya 67%, pergi dari Kuala Lumpur ke Sarawak dan sebaliknya. Jadi tempat duduk memang ada, jadi bagaimana kalau katakan mereka tidak dapat hendak confirm seat, itu pun satu perkara yang rasa saya terpaksa kita kajilah pula dan untuk ...

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, bagi dia habiskan ayatnya dahulu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Nanti sekejap. Dan untuk menarik pelancong daripada luar negeri itu bukan hanya kapalterbang MAS sahaja yang bertanggungjawab, banyak pihak-pihak lain, pihak Kerajaan Negeri dengan usaha-usaha menarik pelancong dan juga pihak Kerajaan Persekutuan, Kementerian yang berkenaan rasa saya mesti berusaha sama.

Dari segi tempat duduk dan peluang untuk kapalterbang-kapalterbang asing datang membawa pelancong sudahpun disediakan oleh pihak MAS, jadi usaha sama juga telah ada iaitu dengan izin, joint operation pun ada, Tuan Yang di-Pertua, di antara airlines atau penerbangan yang telah saya sebutkan tadi di antara MAS dengan Garuda, di antara MAS dengan SIA, di antara MAS dengan Thai Airways, sudah adapun joint operationnya. Kalau mereka lebih banyak berminat lagi, mereka boleh membuat cadangan atau meminta diadakan perbincangan dalam perkara ini. Kalau pelancong-pelancong daripada luar negara kita ini meminta atau membuat permintaan tempahan tempat duduk, memanglah dalam keadaan hari ini tempat duduk-tempat duduk dalam penerbangan MAS sentiasa penuh kalau daripada luar negeri, daripada Amerika, Australia, Jepun dan sebagainya - memang penuh. Kalau kita membuat tempahan 5-6 bulan sebelum inipun kalau tidak betul agaknya, tidak dapat juga confirm seat, kerana permintaan itu banyak. Yang Bernormal nanti kita kenapa tidak minta penerbangan tambahan, bukan mudah untuk mendapat penerbangan tambahan kerana negara-negara yang berkenaan juga ingin menjaga

kepentingan masing-masing dalam perkara ini.

Yang Berhormat dari Batu Berendam tadi hendak apa?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Ini berkenaan dengan tempat duduk, kerusi yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi memang ada, itu hanya 60-70% sahaja yang diambil. Saya merasa hairan macam mana ada kekosongan yang 30% lagi sedangkan biasanya apa yang berlaku ialah apabila kita pergi membuat booking, MAS kita all taken up, dengan izin, sudah penuh. Jadi bila pergi ke dalam kapalterbang itu, baru kita tengok ada kekosongan, jadi di mana silapnya? Perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan berlaku hari ini, sudah lama dan perkara ini telah dibangkitkan di dalam Dewan ini berkali-kali, tetapi masih lagi perkara ini berlaku. Jadi saya rasa masalah yang ditimbulkan oleh rakan saya daripada Bukit Mas ada logiknya.

Saya bukanlah mengatakan bahawa kita hendak beri peluang kepada syarikat lain, tetapi dari segi reality, MAS pada pandangan saya tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, selfish dalam perkara ini, kita tidak boleh bak kita orang, dengan izin, to have the best of everything to ourselves. Kita kena bahagi, maknanya walaupun dari segi keuntungan bagi MAS, kita mungkin rugi, tetapi untuk pendapatan bagi negara dari segi tourism, kita akan dapat lebih. Saya rasa ini satu perkara yang harus difikirkan oleh pihak MAS. Terima kasih.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat juga tidak salah faham mengenai perkara ini. Yang Berhormat Bukit Mas tadi kita seat itu dia mengakui ada, ini antara Kuala Lumpur dengan Kuching, tempat duduk

itu memang kosong, kalau daripada luar hendak datang ke Kuala Lumpur, saya sudah kaia tadi memang tempahannya penuh dan berlebihan.

Bila kita memohon menempah, katanya tempat duduk tidak ada, tetapi bila naik tempat duduk kosong. Memang perkara ini selalu berlaku. Kami sendiri di Kementerian pun bukan sahaja memerhatikan masalah ini, sentiasa berbincang bagaimana cara kita hendak menyelesaikan masalah ini. Ini adalah disebabkan agen-agen tempahan ini yang menyimpan tempat-tempat duduk itu sehingga saat-saat akhir baru hendak dilepaskannya, jadi bila ditempahkan, di dalam booking itu MAS ada allocation, misalnya untuk dia 40%, selebihnya diagihkan kepada agen, agen tidak memulangkan tempat-tempat duduk itu kepada MAS, bukan MAS tidak hendak memberikan. Ini bukan hendak mencafi alasan, tetapi keadaannya demikian.

Baru-baru ini kita tetahpun membincangkan, itu sebabnya ada Yang Berhormat dengar bila 'no show', bila dikatakan tidak datang penumpang, tempat itu tidak diambil, itu dikatakan 'no show' kita hendak penalise. Kita hendak penalise kepada pemegang tiket itu 100%, maknanya kalau tidak datang, maka tiket itu tidak boleh digunakan pada masa-masa lain. Ini sedang kita bincangkan untuk mencari bagaimana cara menghalang mereka ini supaya tidak berbuat demikian.

Jadi perkara ini sedang dalam perbincangan dan kita sebolehnya hendak mencari jalan supaya MAS sendiri tidak nigi, ada 30% tempat duduk yang kosong sepanjang masa dan di samping itu penumpang-penumpang yang benar-benar hendak menggunakan perkhidmatan itu dapat menggunakannya, dengan lidak ada pihak-pihak lain mengambil kesempatan memegang lempat-empat duduk ini dan tidak melepaskannya. Itu yang menyebabkan biasanya kalau

kita masuk ada kekosongan. Bahkan saya sendiripun pernah mengalami apabila membuat tempahan dikatakan tidak ada tempat duduk yang kosong, terpaksa mengurus dengan pihak pegawai MAS sendiri dan akhirnya dapat, tetapi dalam penerbangan itu didapati bahawa 50 tempat duduk, diisi 19 sahaja. Jadi inilah dia perkara yang berlaku bukan di pihak MAS itu sendiri, tetapi dengan agen-agen yang menjual tiket iaitu agen-agen pelancongan. Jadi kita cuba menyelesaikan masalah ini sebaik-baik yang boleh, bukan tidak pernah pula MAS mengambil tindakan kepada agen-agen ini. Kalau didapati kerap agen-agen ini berbuat demikian, mereka ini disenaraihitamkan atau diblacklistkan dalam perkhidmatan mereka iaitu mungkin mereka digantung buat seketika, tidak boleh menjual tiket penerbangan MAS dan sebagainya, itu kita cubalah mencari jalan sebaik-baiknya supaya perkara-perkara seperti ini tidak beriak,

Tuan Mutang Tagal: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mas bangun pula.

Tuan Mutang Tagal: Saya bersetuju dengan rakan saya dari Batu Berendam dan saya tidak tahu siapa yang salah, MAS yang salah ataupun pelanggan ataupun passenger yang silap dalam perkara yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri iaitu kira-kira 30 kerusi di MAS yang pergi Sarawak kosong sentiasa. Saya tidak tahu siapa yang salah, tidak mungkin penumpang-penumpang yang salah oleh kerana mereka membuat tempahan dan banyak kali MAS katakan tidak dapat, tiada kerusi, tidak dapat confirm.

Saya berharap supaya kalau ada kelemahan-kelemahan dalam sistem pengendalian penerbangan ini, pihak MAS dapat mengkaji supaya kerusi-yang pergi ke Sarawak itu sentiasa

penuh. Kalau pihak Kementerian ataupun pihak MAS enggan membuat satu usaha sama di antara MAS dengan sistem penerbangan lain, saya ingin bertanya di sini atas nama Kerajaan Negeri Sarawak untuk kepentingan pelancong dan negeri itu, untuk kepentingan negara amnya, sama ada pihak MAS bersetuju supaya membuat satu 'trial run\* satu tahun, dua tahun daripada Kuala Lumpur-Kuching, Singapura-Kuching ataupun Johor Bahru-Kuching, Bangkok-Kuala Lumpur-Kuching, satu tahun, dua tahun 'trial run', selepas itu kalau dapati bahawa ia tidak menguntungkan, merugikan negara, kita hapuskan, tetapi jika MAS tidak memberi layanan yang kita rasa tidak pátut, saya rasa lebih awal untuk membuat penutupan kepada permintaan Kerajaan Negeri Sarawak.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Penua, oleh kerana MAS telahpun memberi perkhidmatannya seperti saya káta tadi, 22 kali dalam seminggu dan tempat duduk masih ada kosong, máka kita mencari jalan bagaimana misalnya kalau benarlah, ada ejen-ejen yang menjadi masalah, kita sedang mengkaji cara mana supaya ejen-ejen ini dapat kita minta mereka itu lebih bertanggungjawab dan penumpang-penumpang tidak teraniaya disebabkan tindakan-tindakan mereka itu. Oleh kerana penerbangan-pernerbangan yang diadakan oleh MAS itu mencukupi, tidak penuh, máka itulah sebabnya kita tidak merasakan tidak mustahak kita membenarkan satu penerbangan lain masuk ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan semudah itu untuk kita mengendalikan penerbangan-penerbangan tambahan kerana apabila kita memberikan peluang kepada satu penerbangan negara lain masuk ke negara kita, kita mestilah mengkaji dari segi faedah dan manfaatnya yang kita

akan dapat juga daripada penerbangan-penerbangan itu.

Yang Berhormat dari Batu Berendam káta tadi, dari segi pelancongan, betul dari segi pelancongan mungkin kita akan tambah dan kita akan dapat, tetapi dari segi pengendalian pihak penerbangan MAS ini sendiri pun, mereka mestilah melaf-sana, merancang dan melaksanakan jadual-jadualnya dan kerja-kerjanya, menentukan bahawa ianya mendapat keuntungan. Kalau tidak dapat keuntungan, nanti dalam Dewan ini juga Ahli-ahli Yang Berhormat semua marah mengatakan apa faedahnya ada satu penerbangan yang sepanjang masa, tentulah pihak yang mengendalikan ingin menentukan bahawa apa juga yang dilaksanakannya adalah mendatangkan manfaat dan keuntungan kepada negaranya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafár: Tuan Yang di-Pertua, minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam,

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Ini dari segi keuntungan, adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa sektor Kuala Lumpur-Kuching ini yang menentukan keuntungan MAS ini? Kalau itu menyebabkan untung rugi MAS ini, máka mungkin saya akan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, tetapi saya merasa hairan baru-baru ini Kerajaan tidak lama dahulu ada mengumumkan bahawa kemungkinan besar akan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk membuat pendaratan ke Pulau Langkawi. Kalau itu tujuan Kerajaan, kita nampák bahawa Kerajaan hendak menggalakkan pelancongan dan Sarawak adalah sklah sebuah negeri dalam negara kita ini. Apa salahnya, kalau sekiranya tadi kita dengar Yang Berhormat dari Bukit Mas mengatakan



bahawa daripada tiga juta pelancong yang datang ke negara kita ini, hanya lebih kurang 200,000 - 300,000 orang sahaja yang pergi ke Sarawak. Mungkin, dengan adanya penerbangan asing luar negeri yang dapat mendarat di Kuching ataupun di Kota Kinabalu misalnya, mungkin pelancong akan bertambah dan ini dari segi jangka panjang akan memberi keuntungan yang lebih besar lagi kepada negara kita ini. Dari segi competition, saya rasa adalah lebih baik. Bila ada competition, ada saingan, saya rasa service MAS akan lebih baik lagi.

Sekarang ini perkara-perkara ini berlaku, macam contoh saya katakan tadi, kita buat bookings sampai yang naik kapal terbang hanya 70 sahaja seat diambil, kerana tidak dapat persaingan. Itu sebabnya MAS ambil sambil lewa sahaja, ambil ringan sahaja perkara ni. Jadi saya rasa ada dua perkara\* pertamanya, kalau kita membenarkan syarikat asing ataupun MAS bekerjasama dengan syarikat SIA ataupun Thai Airlines dan sebagainya, kita akan meningkatkan pelancong ke negeri Sarawak dan Sabah. I>, jng pertama. Yang keduanya, bila ada persaingan maka service MAS akan lebih baik lagi kerana perkara ini telah dibangkitkan di dalam Parlimen ini sudah berkali-kali, sudah setahun, dua tahun lamanya, tetapi masih tidak ada lagi perubahan yang dilakukan oleh pihak MAS sehinggakan satu Jawatankuasa ditubuhkan oleh Kementerian untuk menyasat dan sebagainya, tetapi berapa lama lagi perkara ini hendak berlaku sedangkan masalah pengangkutan masih lagi berlarutan. Terima kasih.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memasukkan satu penerbangan lain tidak bererti bahawa ini akan menjamin segala-galanya akan selesai masalah. Sebenarnya bukan sahaja pihak Thai, pihak Garuda yang kita benarkan masuk ke Kuching, ke Kota

Kinabalu, bahkan Filipina, Brunei juga kita benarkan untuk masuk, tetapi mereka tidak berminat, belum lagi untuk masuk, mungkin agaknya kerana permintaan belum begitu meningkat. Apa yang patut kita usahakan ialah mengusahakan di bahagian pelancongan supaya tarikannya itu lebih baik, barulah mungkin ramai yang akan datang melancong.

Selain daripada itu, Yang Berhormat tadi telah menyebut mengenai Langkawi. Memang kita bukakan supaya ada penerbangan masuk ke Langkawi bahkan kita menawarkan kepada SIA membuat penerbangan terus daripada Singapura ke Langkawi, tetapi tidak pun diminati oleh SIA, dan terpaksa MAS sendiri membuat penerbangan daripada Singapura ke Langkawi secara terus, tidak singgah di Pulau Pinang.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:  
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Simurjan bangun pula.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan. Saya berminat dengan saranan Yang Berhormat dari Batu Berendam. Kalau UMNO ada di Sarawak, undi UMNO Sarawak mungkin pergi kepada beliauah (Ketawa). Dia ada harapanlah (Ketawa).

Tuan Yang di-Pertua, soalnya saya rasa adakah pihak Kementerian Pengangkutan mengkaji sebenarnya jumlah pelancong daripada tiga, empat juta ke Malaysia benar-benar 30,000 atau 40,000 ke Sarawak? Itu satu. Yang kedua, Kementerian ini harus mempunyai kesedaran bahawa laungan daripada orang Sarawak, orang Sabah ini bukan kerana mereka ini ingin melaung, tetapi kerana hakikat bahawa mereka ini terpisah oleh Lautan China yang begitu besar, jadi tidak ada jalan lain, sekarang feri pun

sudah habis, sudah dijual, sudah dilelong, tidak tahulah. Jadi, tidak ada cara lain, hendak berenang jauh sangat, hendak buat kapal terbang sendiri tidak ada duit, jadi terpaksa kita memohon supaya perkhidmatan penerbangan diperbaiki.

Baru-baru ini, keimarin, saya tengok daripada laporan dalam STAR bahawa sektor Kuala Lumpur ke Kuching dan Kota Kinabalu, saya fikir memberi keuntungan juga kepada MAS sedangkan 70% sahaja daripada tempãt duduk itu digunakan oleh para penumpang. Saya rasa soal yang timbul juga har u s ditimbulkan juga ialah soal kapal terbang rosak, kerana hari sebelum kelmarin, iaitu hari Sabtu, saya pergi ke Kuching, 20 minit berangkat, selcpas berangkat itu balik lagi, semua tergendala. Jadi, ini harus diambil perhitungan oleh pihak Kementerian supaya dikurangkan kerosakan kapal terbang. Memang tidak boleh kuranglah kerana tiap-tiap yang bernyawa itu mati, tiap-tiap yang baru itu akan binasa.

Jadi, kalau dapat saya rasa dikurangkan dengan mengganti yang lama-lama, Fokker, Boeing 737 yang sudah 20 tahun, ganli dengan yang baru, gunakan duit MAS yang banyak itu. Itu saya rasa kerana tergendalaan ataupun tergendalanya (*Ketawa*) usaha kita ini salah satu disebabkan oleh hakikat bahawa kapal terbang itu selalu rosak. Jadi ini harus diambil perkiraan oleh pihak Kementerian.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti IsmaiI:** Terima kasih kepada Yang Berhormat atas syarahan beliau. Yang sebenarnya bukanlah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan untuk mengkaji pelancongan dan berapa ramai orang ke sana, berapa ramai orang ke sini. Namun begitu, apabila kita di minta memberikan perkhidmatan, kita cuba seboleh-bolen dan sebaik-baiknya memberikan perkhidmatan.

Mengenai kegendalaan yang dialami, memanglah banyak sebab-sebabnya. Yang Berhormat Menteri sendiri dalam jawapan kepada satu soalan pada 27hb Februari yang lalu telahpun mnjelaskan sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian sendiri bersama-sama dengan MAS untuk menyelesaikan masalah itu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya sektor dalam negeri hampir semuanya tidak mendatangkan keuntungan. Jadi, kita berharap kepada sektor antarabangsa supaya dapat menampung kerugian-kerugian yang dialami dalam sektor-sektor dalam negeri dan namun begitu kita tidak mahu pula terus rugi langsung sehingga menjadikan keadaannya bertambah-tambah buruk.

Namun begitu saya berpendapat bahawa usaha tetap terus akan kita jalankan untuk menentukan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang akan kita beri adalah meningkat prestasinya dan bertambah baik. Yang Berhormat dari Lemban Pantai pula telah membangkitkan . . .

**Tuan Mohd. Tumrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan scdikit. Tadi ada dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas, katanya bagi pihak ataupun atas nama Kerajaan Negeri Sarawak, sama ada Kerajaan bersetuju untuk diadakan "trial-run" di a n t a r a s y a r i k a l asing ini ke Sarawak. Kalau sekiranya jawabannya tidak boleh, saya ingin meminta persetujuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita beri tempoh dalam masa 6 bulan. Jika sekiranya perkhidmatan MAS dari Kuala Lumpur ke Kuching dan sebagainya ini masih lagi tidak memuaskan, boleh atau tidak Yang Berhormat memberi pengakuan di Dewan ini bahawa Kerajaan akan menerima cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Mas untuk diadakan "trial-run" di antara syarikat asing

dengan MAS dan sebagainya ke Kuching ini. Terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memberi jaminan kerana banyak faktor yang mesti dikaji, yang mesti diteliti sebelum sesuatu keputusan itu dibuat. Saya tidak mahu Yang Berhormat memerangkap saya di sini seperti itu, kerana apa juga yang ada berkaitan, saya mesti bertanggungjawab. Jadi, oleh kerana itu, walaupun saya kâta begitu, tetapi perkara ini tercatat dan terakam. Jadi, ianya memang akan diteliti oleh pihak Kementerian dan juga pihak MAS.

Tuan Mutang Tagal: *(Bangun)*

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Cukuplah Yang Berhormat, saya akan menghabiskannya.

Tuan Mutang Tagal: Kali yang penghabisan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Sudahlah itu, cukuplah. You can have a private session with me *(Ketawa)*. Tidak apa, pagi besok Yang Berhormat semua dijemput untuk mendengar taklimat daripada MAS. Silalah, saya persilakan semuanya supaya dapat di sana nanti mereka akan dapat memberikan penjelasan yang sedetail-detailnya. Jemputlah.

Tuan Haji B u j a n g b i n H a j i U l i s : Mengenai jemputan, saya tidak menerima Kad Jemputan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tidak ada Kad?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Ada.

Tuan Haj: Bujang bin Haji Ulis: Tidak ada, saya sudah cari.

Datin Paduka Hajjah SsIsSc jiuS: Ismail: Yang Berhormat tidak nampak. Benda itu sudah ada. Kalau tidak ada pun Kad Jemputan, saya persilakan dan pada jam 8.30 pagi besok, bas akan membawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bangunan Parlimen ini ke Kompleks MAS di Subang.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah membangkitkan pula mengenai penerbangan ke Pulau Pinang dan ke Pulau Langkawi. Penerbangan ke kedua-dua tempat ini adalah mencukupi, mengikut apa yang saya lihat sendiri dan saya alami sendiri. Seperti saya katakan tadi, pernah saya meminta lompahan satu tempat duduk untuk diri saya, tetapi tidak dapat, katanya penuh, Walau bagaimanapun, saya usaha juga untuk dapat. Saya dapat tempat duduk, tetapi di dalamnya 19 orang sahaja - iaitu Fokker-50 isinya 19 orang. Jadi, inilah perkara-perkara yang kadang-kadang seperti yang telah disebutkan tadi juga, agaknya kerana disebabkan masalah agen-agen yang menyimpan tempat-tempat duduk itu.

Yang Berhormat ada menyebut mengenai 2,000 pelancong terkandas. 2,000 orang itu bukanlah kesemuanya penumpang-penumpang untuk menaiki kapal terbang, sebahagian daripadanya adalah juga untuk menaiki feri dan juga boat.

Jadi, itulah beberapa perkara yang telah disentuh dan telah juga kita bincangkan pada petang ini bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi berbilang-banyaknya terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran dan syor-syor yang membina mengenai Kementerian ini dan juga khususnya MAS yang begitu banyak dibincangkan. Segala

cadangan-cadangan itu bukan sahaja diambil perhatian tetapi akan dikaji dengan teliti dan akan diambil tindakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

5.34 *ptg.*

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Gbani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan Kluang yang telah menimbulkan persoalan mengenai bekalan elektrik ke kawasan FELDA apabila Lembaga Letrik Negara diswastakan nanti.

Syarikat pembekalan elektrik yang akan diswastakan sebagai pelesenan awam mempunyai tanggungjawab berkanun untuk membekalkan elektrik kepada seseorang pengguna apabila permohonan dibuat. Walau bagaimanapun pembekalan elektrik kepada pengguna bergantung kepada berbagai "constraints" seperti keupayaan sistem, lokasi premis pengguna, masalah laluan, talian elektrik, daya maju komersial penyambungannya dan sebagainya.

Mengenai bekalan elektrik ke kawasan FELDA ingin saya menjelaskan di sini bahawa seperti kawasan-kawasan luar bandar yang lain, Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan khas untuk memberi bekalan elektrik. Adalah hasrat Kerajaan untuk membekalkan elektrik kepada semua penduduk luar bandar pada tahun sebelum 1995. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat had-had tertentu yang membuat pembekalan elektrik ke sesuatu kawasan FELDA tidak munasabah secara komersial, tidaklah wajar bagi Kerajaan mengenakan syarat-syarat kepada syarikat elektrik

untuk membekalkan elektrik ke kawasan itu.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan untuk melaksanakan pembekalan elektrik ke kawasan FELDA melalui Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Sebaliknya, sekiranya . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin AH: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, sebab subjek penswastakan LLN ini suatu subjek yang begitu penting. Saya telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sesudah LLN diswastakan, Kerajaan akan memastikan setiap kawasan FELDA ataupun di luar bandar akan mendapat bekalan elektrik, manakala pada masa yang sama jika dijalankan secara komersial tidaklah kena pada tempatnya kalau diletakkan syarat-syarat.

Pokoknya, saya ingin mendapat penjelasan, apakah Yang Berhormat sedar bahawa keperluan elektrik ini satu keperluan asas yang tidak boleh dimonopoli oleh mana-mana pihak. Tinggal lagi perlunya LLN ini dijalankan oleh pihak Kerajaan sendiri. Sebab apakah jaminannya nanti sesudah diswastakan dan dijadikan komersial, mungkin pada awalnya boleh disyaratkan, tetapi apabila dia jadi swasta itu nanti, seperti Sistem Telekom Malaysia Berhad yang kita lihat. Dahulu kalau Kerajaan menjalankannya, kalau lewat bayar satu atau dua bulan, tidak adalah dipotong cepat sangat seperti sekarang, tetapi itu boleh kita jadikan sebagai satu disiplin di kalangan rakyat, kalau hendak guna, mesti bayar.

Tetapi dalam bab soal elektrik ini, apa jaminan supaya di masa depan harga bil elektrik itu tidak dinaikkan, manakala kita tahu LLN ini suatu sektor yang menguntungkan, Kerajaan pun buat duit, menguntungkan. Apa sebabnya bcria-ia sangat kita hendak swastakan? Sebab kalau dijalankan oleh Kerajaan, pada pandangan saya, katalah kos itu meningkat, manakala Kerajaan boleh memberi subsidi, Kerajaan boleh cari daripada sumber-sumber lain—kita ada emas, ada minyâk, ada getah, ada kelapa sawit dan macam-macam yang boleh menampung—tetapi manakala sudah jadi swasta nanti mâka bil elektrik akan naik dari satu tahun ke satu tahun dan tanggungannya ialah rakyat. Lepas itu kita hendak masuk ke luar bandar. Hari ini kita boleh bercakap bahawasanya ada syarat-syarat, tetapi kemudian dalam satu atau dua tahun akan datang, apabila diperbadankan, dijadikan swasta, mreka ini pula akan menuntut, oleh kerana kita belanja kos begitu begini, mâka kena naik dan tanggungannya ialah rakyat.

Mâka sebab itu dalam konsep politik Islam sekalipun perkara seperti air, api dan perkara seumpama ini ialah menjadi kewajipan Kerajaan yang tidak sepatutnya diswastakan kerana kebimbangan ini, walaupun kita katakan ada macam-macam syarat yang dikenakan. Saya hendak minta penjelasan lanjut daripada Yang B er h or m at Timbalan Menteri dalam perkara seperti ini.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai matlamat menyampaikan bekalan elektrik ke luar bandar, ini adalah satu obligasi Kerajaan, bahkan sudahpun menjadi satu rancangan yang tersusun dan teratur hingga kini supaya mat-tamat itu akan dicapai. Seperti yang saya sebutkan tadi, pada tahun 1995 kita menjangka bahawa masyarakat luar bandar akan menikmati bekalan elektrik. Jadi, soal sama ada LLN akan diswastakan ataupun tidak, tidak timbul

sama ada masyarakat luar bandar akan menerima faedah daripada bekalan elektrik ke luar bandar. Bahkan saya menjangka bahawa akan diperuntukkan satu syarat di mana diwajibkan kepada syarikat yang berkenaan yang mewarisi Lembaga Letrik Negara untuk menyempurnakannya sama ada dari segi keperluan kewangan ataupun dari segi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan untuk menyampaikan bekalan elektrik keluar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setahun yang lalu peruntukan untuk melaksanakan projek elektrik luar bandar adalah 100% ditanggung oleh pihak Perbendaharaan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dan oleh kerana Lembaga Letrik Negara sudah pun pada kedudukan yang paling kukuh dari segi kewangannya, mâka daripada tahun yang lalu setiap \$1 yang diperuntukkan oleh Perbendaharaan mâka ditambah lagi \$1 lagi oleh Lembaga Letrik Negara untuk mempercepatkan langkah menyampaikan bekalan elektrik keluar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal elektrik keluar bandar ini, rancangan yang telah disusun tidak akan terjejas dan saya ingin memberi jaminan ini akan dilaksanakan. Sama ada bil elektrik akan naik, ataupun sebaliknya, saya ingin memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita menjangka bahawa apabila suasana penswastaan wujud dalam sektor membekalkan kemudahan awam kepada masyarakat umum di Malaysia ini, mâka ianya akan menjurus ke arah saingan yang akhirnya membawa kepada turunnya kos bekalan mâka dengan itu menjadikan perkhidmatan lebih cekap dan harga yang lebih baik lagi kepada pihak pengguna.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak dapat lagi sedikit penjelasan. Memang betul dari saingan itu akhirnya

memberi perkhidmatan yang lebih baik tetapi dalam bab soal LLN ini, LLN satu sahaja, dia hendak bersaing dengan siapa. Sebab saya bimbang begini, saya hendak beri contoh, sama juga macam sekarang ini kita masuk air bersih di luar bandar sebagai contoh, Kita ada pengalaman STM, Antah Biwater bawa masuk paip, akhirnya hendak masuk kepala paip ke rumah orang miskin, keluarga yang miskin itu kena bayar, ada \$300, \$400, \$500, \$800 hendak dapat air. Rumah yang orang miskin duduk ini pun tidak sampai \$400, kalau hendak masuk batang paip itu \$700, \$800. Itu makna maksudnya. Jadi, saya bimbang dari segi jaminan sama juga dengan LLN itu nanti. Jadi, apa akan jadi pada masa hadapan. Tidak ada jaminan tadi saya dengar bahawa bil elektrik tidak akan naik, akhirnya kita beri elaun pegawai dan kakitangan Kerajaan \$30 ke \$50. Cikgu naik gaji \$5 ke \$10 tetapi kos-kos ini naik nanti, yang ditanggung nanti akhirnya tidak adalah juga linggal untuk orang ini, back to square one, dengan izin.

Sebab itu, saya hendak dapat penegasan, sebab LLN ini penting sangat, elektrik ini kerana orang guna gas, guna elektrik, guna tele vi sy en, bil api ini sampai \$70, \$80 sebulan, yang buruk-bunik pun sekarang ini \$50, \$60. Manakala pendapatán \$200 macam mana hendak hidup. Sebab itu saya kâta tadi apa jaminan Kerajaan bahawa seperti bil-bil ini di-swastakan tidak dinaikkan dan semua luar bandar betul-betul dapat api sebagaimana yang diberi jaminan tadi. Saya bimbang takut jaminan hari ini, tahun depan jadi I a i n p u l a, b a n y â k s u d a h pengalaman macam ini.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam industri tenaga, Lembaga Letrik Negara besar kemungkinan akan menghadapi saingan, teknologi niakin maju dalam membekalkan tenaga melalui sistem solar. Malaysia dianugerahkan dengan

kemudahan ataupun dengan bekalan gas yang mungkin cukup untuk 90 tahun yang akan datang, maka bekalan elektrik daripada Lembaga Letrik Negara akan menghadapi saingan yang kita jangka akan menyebabkan setiap daripada mereka yang berkenaan dalam sektor tenaga akan meningkatkan kecekapan mereka dan dengan cara demikian mengurangkan kos bekalan tenaga di negara kita ini. Dan kalau sekiranya kita hendak memenuhi harapan dan tanggungjawab kita terhadap masyarakat miskin, kita perlu membezakan antara matlamat dan cara untuk memenuhi matlamat tersebut dengan cara membekalkan tenaga yang paling cekap. Kalau sekiranya matlamat kita ialah untuk membantu masyarakat miskin, janganlah sampai kita berkompromi dan mengkorbankan matlamat kita hendak mencapai sistem tenaga yang cekap. Jadi, saya menekankan di sini cara mengatasi masalah kemiskinan memerlukan tindakan-tindakan yang sewajarnya selain daripada cara membekalkan elektrik dengan cara yang menjejaskan kecekapan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi itu bezanya antara pendekatan yang perlu diambil kira oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang politik Islam yang saya faham, kita perlu membezakan antara langkah-langkah yang membawa kepada peningkatan kecekapan dari segi perkhidmatan awam membekalkan utiliti dan kemudahan-kemudahan awam kepada masyarakat dan membezakannya dengan langkah-langkah yang perlu kita buat untuk mengatasi masalah-masalah keluarga miskin.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya menjangka kecurigaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai bil mungkin naik tidak sepatutnya timbul kerana dalam jangka masa yang panjang selain daripada saingan-saingan yang saya sebutkan, saya

percaya bahawa dengan adanya kelonggaran sebagai satu syarikat yang boleh mengubahsuai kedudukan mereka dari segi teknologi dan sebagainya maka kos bekalan tenaga di negara kita ini akan lebih menurun dan nikmatnya dapat dinikmati oleh masyarakat pengguna. Bahkan inilah penekanan yang dibuat dalam dasar Kerajaan mencrusi penswastaan. Dan saya ingin menekankan kepada Dewan ini bahawa kalau kita lihat ra ta-r âta di dunia ini, peranan yang dimainkan oleh Kerajaan secara besar-besaran sudah pun ketinggalan zaman. Masing-masing sudah pun menyedari bahawa limit ataupun had peranan Kerajaan sudah pun tiba, sudah cukup untuk dirasakan oleh semua pihak bahawa adanya had kemampuan Kerajaan membekalkan perkhidmatan kepada masyarakat dengan secara yang cekap pada kos yang rendah. Bahkan sudah berbeza pemikiran secara ketara dalam dunia bahawa kita perlu beredar ke arah mengurangkan peranan Kerajaan dan matlamat-matlamal tersebut yang kita harap-harapkan sebagai satu masyarakat yang bertamadun, dapat dicapai dengan cara pemikiran kebelakangan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin men dapat pen je la sa n. Memang saya bersetuju bahawasanya peranan Kerajaan dalam tamadun sekarang ini sudah makin sehari m âk in ber kuran gan seperti mana kâta Yang Berhormat tadi dalam menuju kecekapan. Tetapi banyak school of thought mengenai perbincangan penswastaan ini kalau kita lihat pengalaman-pengalaman di Eropah Barat, negara-negara maju dari segi konsep penswastaan ini, dari segi bidang-bidang yang kita pilih untuk diswastakan. Tetapi kalau semua sekali hendak diswastakan termasuk perkara seperti api ini yang juga ada kaitan dengan security, keselamatan negara pada masa depan dalam banyak hal, bukan saaja persoalan itu sahaja.

soalnya nanti bila diswastakan pula siapakah yang menjadi pemiliknya.

Kita telah dengar penjelasan dahulu, saya tidak hendak bangkitkan di sini tetapi banyak perkara-perkara kaitan. Saya bukan tidak bersetuju dengan penswastaan, saya bersetuju, tetapi soalnya bidang mana. Saya takut kalau semua diswastakan, Pos diswastakan nanti, LLN pun diswastakan, habis apa Kerajaan hendak jaga—KEMAS sahaja?. Hendak jaga penerangan knas sahaja, habislah Kementerian pun dikurangkan nanti. Tidak adalah Kementerian, jaga ini sahajalah, Kementerian Pertahanan—tentera, polis, lepas itu KEMAS dengan penerangan khas, semua habis sudah diswastakan. Tetapi itu mâknanya sebagai bahan kemesraan perbincangan, tetapi tinggal lagi dari segi soal school of thought, dari segi penswastaan ini memang banyak dibincangkan, di universiti-universiti, di barat ataupun di sini yang soalnya bidang yang hendak diswastakan itu.

Soalnya sekarang apakah kena masanya LLN itu hendak diswastakan dalam keadaan masyarakat negara kita yang masih dalam proses membangun, negeri Pantai Timur, di Utara, Sabah, Sarawak yang memerlukan 100% tumpuan dan peranan Kerajaan sendiri yang terpaksa menanggung kos dan cari duit daripada sumber-sumber yang lain. Ini awal-awal lagi, api belum masuk lagi, kita sudah hendak swastakan. Sepatutnya bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, semua negeri kita ini sudah pasti 90-90 dijangka sudah habis seluruh negara kita ini terang-benderang macam Kuala Lumpur, berderet-deret lampu itu, semua sekali di luar bandar ini, masa itu kemungkinan kalau kita hendak swastakan bolehlah pada masa itu. tetapi sekarang ini banyak lagi tempat yang belum dapat api. Jadi, sebab itu conscience saya tadi ialah kena atau tidak pada masanya sekarang ini dalam bidang LLNitu.

**Dr Goh Cheng Teik:** (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Pato Haji Mohanied Amin bin Haji Daud): Biar Timbalan Menteri jawab penjelasan Hu dahulu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, selagi ada saingan dan selagi ada tanda-tanda saingan maka selagi itulah Kerajaan sepatutnya meninggalkan peranannya dalam bidang tersebut. Dalam hal LLN, di antara agensi-agens: Kerajaan yang paling dekat ke arah penswastan pada saya ialah Lembaga Letrik Negara, kerana kedudukan Lembaga tersebut dari segi pengurusannya, pentadbirannya bahkan dari segi peranannya pun agak paling dekat ke arah penswastan. Itulah sebabnya mengapa LLN adalah salah satu daripada badan yang paling dekat untuk diketengahkan sebagai sebahagian daripada melaksanakan dasar penswastan Kerajaan.

Mengenai kecurigaan Ahli Yang Berhormat sama ada soal ekuiti ku menjadi soal yang diperbincangkan di sana-sini dan mungkin menimbulkan kemusykilan, saya ingin menekankan di sini bahawa di antara perkara-perkara yang ditanyakan, ingin saya sebut lagi sekali di Dewan ini ialah:

- (1) pemilikan ekuiti itu untuk pihak pekerja;
- (2) kepentingan bumiputera;
- (3) di kalangan pengguna-pengguna bekalan elektrik itu sendiri;
- (4) masyarakat terbuka melalui saham-saham yang akan disenaraikan;
- (5) kemungkinan pihak asing.

Jadi, dari segi khususnya ialah seperti yang saya sebutkan. Ini adalah perkara-perkara yang sedang dibincangkan secara terperinci oleh pihak Kementerian dari segi ekuiti apabila LLN diswastakan nanti.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa sekiranya penswastan ini dilaksanakan dan penswastan itu dilaksanakan, Kerajaan tidak ada banyak kerja yang tinggal. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju bahawa setakat ini kos pentadbiran negara kita, kos kakitangan, kos beban pentadbiran kita masa ini amat tinggi sekali sekiranya dibandingkan dengan negara-negara maju, seperti Jepun. Sekiranya pelaksanaan penswastan dijalankan dan beban kewangan yang dipikul oleh Kerajaan dikurangkan sama ada ini baik atau tidak untuk negara kita?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah selain daripada bersetuju apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, saya ingin menambah sedikit. Ekonomi kita pernah dianggap sebagai satu ekonomi yang agak flexible, dengan izin, agak tangkas untuk menyesuaikan kedudukannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat dunia, terbuka dengan apa yang berlaku dalam ekonomi dunia, sistem pentadbiran yang agak cekap, peraturan—peraturan yang agak tidak sebegitu banyak. Tetapi kita melalui satu proses di mana kita membesarkan sektor Kerajaan sehinggalah kita tiba pada peringkat lebih kurang antara 800,000 hingga 900,000 kakitangan awam, lebih kurang 900 agensi-agensi Kerajaan diwujudkan dalam masa lebih kurang 17 hingga 19 tahun yang lalu sehinggalah kita agak tertekan dengan beban besarnya saiz Kerajaan, sehinggalah kita terlalu tertekan dengan peraturan-peraturan, kedudukan yang tidak lagi flexible, tidak begitu tangkas untuk membuat perubahan-perubahan sama ada memenuhi keperluan domestik ataupun perubahan di peringkat antarabangsa.



Jadi, kita tidak ada pilihan selain daripada mcrombak ke arah melepaskan Malaysia ini daripada beban memikul besarnya saiz Kerajaan itu. Jadi, langkah ke arah penswastaan adalah satu dasar bukan sahaja yang baik tetapi sesuatu yang tidak dapat dielakkan untuk kepentingan ekonomi negara kita dan juga untuk rakyat supaya dapat menikmati satu sistem ekonomi yang lebih subur, yang lebih segar untuk tumbuh pada masa-masa yang akan datang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju mengenai dengan pandangan mengatakan apabila diswastakan kos tanggungan Kerajaan akan kurang dan segi kâkitangan ataupun dari segi kosnya sendiri. Cuma bila alasan ini digunakan sekarang yang pada orang biasa kita mengatakan kita hendak jimat perkara-perkara seperti ini, Kerajaan tidak boleh tanggung, sebab ini beban, tetapi manakala kita lihat kos yang mernbazir untuk lain-lain pun banyak, sebab selama ini pun yang rugi ataupun berlakunya kos yang tinggi kerana pembaziran, ada tempat-tempat yang kita lihat selama ini kes penyelewengan dan sebagainya, itu lebih besar daripada kos yang kita hendak tanggung yang secara tidak langsung boleh menolong rakyat.

Saya hendak tarik satu perhatian, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya masih ingat lagi waktu Allahyarham Tun Abdul Razak melancarkan Dasar Ekonomi Baru. Di dalam strategi Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan, antara lain, mungkin sudah tidak relevant, tetapi saya masih percaya kepada saranan dan matlamat yang dibawa oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, iaitu sesudah berlaku tragedi 13 Mei kurangnya kaum bumiputera dalam bidang perniagaan dan banyak yang miskin, di universiti pun kurang, maka dibuka universiti, dibawa masuk ramai-ramai dengan

harapan bila mereka masuk universiti, dan bila mereka keluar, mereka boleh bekerja dengan Kerajaan dalam tempoh beberapa tahun, hadnya dalam tempoh sepanjang dan sesudah masyarakat dapat disusun di antara yang berada dan tidak berada di antara kaum ini. Ertinya kerja yang ada sekarang ini ialah dengan Kerajaan. Betul kita harap se tengah-se tengah siswazah kita keluar bekerja dengan swasta, tetapi penyediaan kerja dengan sektor swasta belum mencukupi yang diharap bekerja dengan Kerajaan yang Kerajaan sendiri hantar anak-anak kita pergi ke luar negeri, universiti dalam negeri. Jadi, bererti kita berharap lebih banyak pertambahan kerja.

Satu keluarga ada anak keluar daripada universiti, keluar sahaja terus bekerja dengan Kerajaan, dapat \$700-\$800 yang boleh menampung keluarga, itu saranan dalam Dasar Ekonomi Baru dahulu, itu deviation saya nampak di mana matlamat itu belum pun lagi tercapai. Maka sesudah penyusunan semula dibuat dalam Dasar Ekonomi Baru sudah capai matlamat tersebut antara kaum, antara yang berada dan tidak berada, by that time wajar sekali rakyat Malaysia mesti bertanding di atas kaki sendiri, di atas merit masing-masing, tetapi macam mana kita hendak lepas manakala matlamat itu belum kita sampai, macam mana kita hendak harap. Sebab itu kita lihat sekarang ini sudah banyak yang tidak ada kerja oleh kerana peluang itu tidak ada, yang ada harapannya dengan Kerajaan, terutamanya anak-anak Melayu, anak-anak bumiputera dan kalau diberi kepada swasta nanti bagaimana peluang untuk mereka dapat pekerjaan nanti.

Saya hanya conscience dari segi masa dcpan ini, kerana kita lihat asas yang dibina dahulu dalam cadangan gagasan Dasar Ekonomi Baru inilah matlamatnya, kalau saya tak betul, minta tolong belulkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya masih fresh lagi, masih ingat lagi itulah gagasan yang dibawa oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu dalam usaha hendak membasmi kemiskinan. Terima kasih.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:**

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah difikirkan, yang telah dilaksanakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak ialah tepat dari segi masa dan matlamat-matlamatnya iaitu membanjirkan pasaran tenaga manusia dengan anak bumiputera yang ada kelulusan. Matlamat membanjirkan pasaran tenaga manusia dengan mereka yang lulus daripada masyarakat bumiputera telapun tercapai. Sekarang kita tiba pada peringkat kita mesti menghalusinya bukan sahaja dari segi kuantiti, kita perlu menghalusi dari segi kepelbagaian, kelulusan dan juga kualiti kelulusan.

Kedua, sama ada sektor Kerajaan sepatutnya juga memenuhi matlamat membekalkan pekerjaan kepada masyarakat bumiputera, itu adalah satu matlamat yang mungkin perlu dilaksanakan pada 17 ataupun 20 tahun yang berialu. Seinggakan saya menyebut tadi bahawa saiz Kerajaan membesar begitu nipa hingga ianya menjadi satu beban kepada negara yang menyebabkan kita menghadapi masalah kurang cekapnya kita dan wujudnya pemikiran-pemikiran dan amalan-amalan yang merugikan negara kita pada keseluruhannya. Jadi, kalau sekiranya matlamat kita adalah untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan, maka tidak sepatutnya matlamat itu dilaksanakan di sektor awam sahaja. Masanya sudah tiba untuk kita memenuhi matlamat mempertingkatkan kecekapan sektor awam, sambil itu pula memperbanyakkan peluang pekerjaan di sektor swasta. Jadi, kita perlu menentukan matlamat kita dan cara yang paling cekap untuk mencapai matlamat tersebut.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, tidak sepatutnya kita hanya memberi peluang kepada bumiputera di sektor awam sahaja. Mereka berupaya untuk bersaing sama di sektor swasta pada hari ini dan juga pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menamatkan jawapan daripada Kememerial saya terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang ialah sebaliknya sekiranya syarikat elektrik tersebut didapati dengan sengaja mengabaikan tugasnya untuk membekalkan elektrik, Kerajaan mempunyai kawalan yang mencukupi di dalam syarat-syarat perlesenan untuk menentukan hasrat Kerajaan untuk membekalkan elektrik kepada semua penduduk di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Timbalan Menteri Pertahanan.

*6.03 ptg.*

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato\* Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapa): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap Kementerian Pertahanan dengan membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan Larut masing-masing telah menyarankan supaya Kerajaan akan tetap memperlengkapkan Anggota Tentera dengan senjata moden walaupun Parti Komunis Malaya (PKM) telah meletakkan senjata mereka serta jangan mengurangkan Anggota Tentera. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun peperangan gerila dengan pcngganas

komunis telah tamat, Angkatan Tentera Malaysia akan terus berwaspada dan bersiap sedia setiap masa bagi menghadapi ancaman-ancaman lain terutamanya ancaman baik dari dalam atau dari luar. Bangunan Angkatan Tentera melalui peningkatan mutu profesionalisme akan tetap diteruskan. Kementerian Pertahanan sedang mengkaji penyusunan semula struktur Angkatan Tentera ke arah membentuk pasukan pertahanan yang lebih mantap berorientasikan teknologi tinggi termasuk penggunaan senjata yang lebih moden.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan pula membangkitkan soal pembelian alatganti tiruan kapalterbang serta menggantikan helikopter Nuri dengan pesawat yang lebih moden. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dalam masa Soal Jawab Mulut baru-baru ini bahawa setakat ini tiada alatganti tiruan yang pernah dipasang pada pesawat terbang TUBM. Setakat ini belum ada bukti menunjukkan bahawa kemalangan udara yang berlaku adalah berpunca dari alatganti yang tidak tulen dan bermutu rendah. Pembelian alatganti kapalterbang tidak dibuat secara sewenang-wenangnya kerana Kementerian Pertahanan . . .

**Dr. Abdul Hadi bin Derani:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sekejap, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar bangun.

**Dr. Abdul Hadi bin Derani** (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, minLa penjelasan. Nampaknya Timbalan Menteri memberi satu pengakuan yang agak tegas bahawa tidak ada alatganti tiruan setakat ini yang dijumpai dalam pesawat-pesawat pejuang TUDM. Jadi, bagaimanakah l ap or an-l ap or an yang

secara tidak rasmi telahpun dikeluarkan dalam media massa yang memberi pengakuan bahawa kemungkinan besar ada alat-alat tiruan yang dibeli?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapa:** Tuan Yang di Pertua, seperti jawapan Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada nâri itu berkenaan dengan soal alatganti ini, beliau telah menjawab bahawa janganlah dengar apa-apa yang ditulis dalam media massa kerana kadangkadangkang itu tidak betul. Jadi, dari segi Kementerian Pertahanan kita tidak dapat bukti yang menunjukkan bahawa alat-alat yang tidak tulen atau bermutu rendah telah mengakibatkan accident berlaku dari segi Nuri dan pesawat-pesawat pejuang.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian alatganti kapalterbang . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin AU:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sekejap, ada lagi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pula.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Timbalan Menteri sedar sehari yang lalu ataupun semalam Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Jawatankuasa Anti Penyelewengan ada membuat kenyataan response bahawasanya pihak Jawatankuasa telah menyerahkan kes masalah pembelian alatganti yang berlaku di Kementerian—kalau tidak silap saya—kepada BPR (Badan Pencegah Rasuah). Bererti daripada kenyataan itu bahawa memang timbul tandaLanya bersabit dengan soal pembelian alatganti ini. Jadi, sama ada timbulkah penyelewengan ataupun alatganti tiruan ataupun sebagainya yang menyebabkan berlakunya masalah-masalah yang

berbangkit dalam Angkatan Tentera sekarang ini, itu satu.

Yang kedua, dalam bidang dalam Tentera Udara DiRaja (TUDM) pun ada sebelum ini kenyataan yang mengatakan mereka tidak cukup peruntukan dari segi maintenance sehingga mereka terpaksa mengadakan kontrak ataupun membeli alat-alat yang sesuai dengan keperluan. Yang mana betul, ini yang timbul banyak kekeliruan (confusion) di kalangan public kerana ini masalah keselamatan negara dan keselamatan para Anggota Tentera kita. Jadi, saya minta penjelasan yang lebih jelas lagi daripada pihak Kementerian membetulkan kekeliruan ini, yang mana satu yang betul?

Dato' Abang Abu Bakâr bin Datu **Bandar** Abang Haji Mustapa: Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas itu menunjukkan berkenaan dengan soalan Tentera Laut DiRaja Malaysia. Soal pembelian tidak kena mengena dengan alatganti itu tulen atau bermutu rendah, tidak, itu berlainan.

Soalan kedua, apabila panglima Tentera Udara Malaysia telah membuat kenyataan di dalam media massa berkenaan dengan kekurangan peruntukan untuk pembelian spare-parts, dengan izin, itu betul kerana seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sedia maklum bahawa ketika itu keadaan ekonomi Malaysia sedang merosot dan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pertahanan khususnya untuk tujuan membeli spare-parts ini berkurangan daripada apa yang dikehendaki oleh Tentera Udara. Oleh yang demikian, Kementerian Pertahanan tidak dapat memberi peruntukan yang mencukupi untuk TUDM. Dengan itu beliau secara frustrated terpaksa melaungkan frustrationnya menerusi media massa. Tetapi pada masa sekarang menerusi

Perbendaharaan, Kementerian Pertahanan telah mendapat peruntukan OENya yang mencukupi untuk membeli spare parts yang dikehendaki oleh TUDM berkenaan dengan baik helikopter ataupun kapal terbang-kapalterbang yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pula bangun.

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Baru-baru ini telapun disiarkan di dalam akbar walaupun tidak semuanya betul, tetapi di dalam akhbar telah dinyatakan bahawa siasatan sedang dijalankan terhadap beberapa orang pegawai tinggi TUDM berkenaan dengan pembelian-pembelian alatganti termasuk seorang yang berpangkat Jeneral. Adakah benar bahawa ini adalah hasil daripada pembelian-pembelian alatganti tiruan yang menyebabkan satu penyelewengan yang disyaki dan siasatan telah dibuat dan menunjukkan bahawa kemungkinan besar adanya pembelian-pembelian yang sebegitu rupa iaitu sebenarnya perkara-perkara yang tidak dibenarkan dijalankan?

Dato' Abang Abu Bakâr bin Datu Bandar Abang Haji Mustapa: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes TUDM yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar sebentar tadi, yang diketahui oleh saya setakat ini, BPR tidak mempunyai bukti yang sah untuk membawa mereka ke makamah—setakat ini, dari segi siasatan mereka. Jadi, saya tak berani beri jaminan adakah mereka akan dibawa nanti ke mahkamah dalam beberapa ketika nanti—itu saya tidak berani. Setakat ini, setahu saya BPR tidak mempunyai evidence yang cukup untuk membawa mereka ke mahkamah.

Herkenaan dengan spare parts tiruan yang Ahli Yang Berhormat sentuhkan tadi, saya ingin sekali lagi memberi jawapan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan bahawa setakat ini kami tidak menerima atau tidak ada buku bahawa spare parts dan TUDM adalah tidak tulen dan bermutu rendah. Setakat ini saya tidak mempunyai evidence yang menunjukkan apa yang disangka oleh Ahli Yang Berhormat dan penulis dalam akhbar atau media-massa itu betul.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya habiskan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila teruskan.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapa:** Pembelian alatganti kapalterbang tidak dibuat secara sewenang-wenangnya kerana Kementerian Pertahanan sedar betapa penting penggunaan alatganti yang tulen dan bermutu pada pesawat-pesawat TUDM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekali lagi suka saya jelaskan di sini bahawa Kementerian Pertahanan tidak pernah mengadakan kontrak pembelian alatganti tiruan untuk dipasang pada mana-mana pesawat TUDM. Mana-mana alatganti yang dibeli diwajibkan mempunyai certificate of conformity, dengan izin, untuk membuktikan alatganti berkenaan adalah asal atau original, dengan izin, dan ianya dibeli dari punca yang sah iaitu sama ada dari original equipment manufacture (OEM), dengan izin, dan dari panel pembekal yang diiktirafkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah membangkitkan perkara yang sama iaitu soal kekerapan berlakunya kemalangan pesawat TUDM; mengenai keputusan siasatan

helikopter Nuri di sempadan Kelantan-Perak tidak diumumkan dan mempertikaikan cara pembeliannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik keselamatan dari mana-mana organisasi di dunia ini, sesuatu kemalangan atau nahas terhadap sesebuah pesawat sukar diramal. Begitu juga dengan kemalangan pesawat-pesawat TUDM. Kekerapan (frequency) kemalangan yang melibatkan jenis-jenis pesawat tertentu juga sungguh rumit dan sukar bagi pihak TUDM untuk mengetahui ataupun meramalkan. Yang pentingnya, selagi faktor-faktor seperti kemanusiaan, kejenteraan, machine, dengan izin, dan misi digabungkan potensi untuk sesuatu kemalangan terjadi akan wujud.

Pihak TUDM tidak berhajat untuk merahsiakan apa jua hasil siasatan kemalangan termasuk kemalangan Nuri di sempadan Kelantan-Perak. Prinsip penyiasatan kemalangan dalam TUDM ialah untuk mempelajari dan menjadikan panduan melalui kemalangan-kemalangan yang lalu supaya kcsalahan dan keadaan yang serupa tidak berulang lagi. Perkembangan sesuatu kemalangan termasuk Nuri di sempadan Kelantan-Perak sentiasa diberitau kepada pihak Kerajaan dan akan diumumkan sekiranya keputusan Kabinet membenarkannya nanti. Tidak menghebahkan hasil penyiasatan bukanlah bererti Kerajaan dihindangi penyakit "sindrom rahsia", hanya Kerajaan sentiasa berwaspada dengan sebarang maklumat yang hendak diumumkan.

Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas keselamatan negara, maka segala maklumat yang mempunyai nilai untuk dilindungi harus dijaga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sekejap. Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tnya penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Saya tersentak tadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa asil penyiasatan nanti tidak akan dihbahkan kepada pengetahuan umum, mengenai dengan kemalangan kapalterbang Nuri di sempadan Kei an tan-Per ak ataupun di Lundu, Sarawak tidak akan diberitahu kepada pihak umum dan itu terpulang kepada Kabinet.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan pihak TUDM tidak berhajat untuk merahsiakan apa juga hasil siasatan kemalangan termasuk kemalangan Nuri di sempadan Kelantan-Perak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak berhajat untuk merahsiakan, maknanya akan didedahkan kepada umum.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Haji Abang Mustapa: Kalau Kabinet mengizinkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau Kabinet mengizinkan. Itu tak tentu lagi perkara itu. Itu ada lapik lagi, still ada re ser v at ion, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang saya hendak bangkitkan. Malah saya ingin mencadangkan sampai kepada peringkat bukan soal kalau mengizinkan, sebenarnya oleh kerana dua kemalangan berlaku saya berfikir sampai kepada peringkat satu Suruhanjaya Penyiasatan, atau a full Commission of Enquiry, mesti dibentuk untuk mengkaji sebenarnya apafcah sebab-sebab kemalangan itu. Mengenai kemalangan di Lundu di Sarawak, ditekankan ka tan y a ini kerana mungkin masalah cuaca, tak timbul soal alatganti tiruan and all the time, all the way, Tuan Yang di-Pertua, the Ministry is trying to dismiss the technical factors, dengan izin. Tinggal

lagi, keadaan cuaca itu nampaknya digambarkan demikian. Saya tak fikir begitu, walaupun betullah kejadian ini takdir Allah Subanau wa-Taala, kadang-kadang kelemahan manusia, tetapi kejatuhan sescbuah kapalterbang kerana cuaca ini jarang sangat berlaku, sebab dalam dunia sekarang ini sudah dibuat kapalterbang macam Nuri dan lain-lain kapalterbang supaya soal cuaca ini boleh diadapi dengan apa jua bentuk kapalterbang.

Saya masih lagi percaya kemungkinan—pada anggapan saya dan saya tidak tahu sebenarnya—ini ada kena-mengena dengan masalah engine dan teknikal yang ada sangkut-paut dengan maintenance, spare parts dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, full enquiry mesti dibuat dan mesti diberitahu kepada pihak umum, Ini accountability Kerajaan ataupun tanggungjawab moral Kerajaan kepada rakyat dan kepada negara. Sebab itu, saya ingin bertanya apakah jaminan benar-benar bahawa laporan ini akan didedahkan kepada pengetahuan umum—bukan untuk menghukum mana-mana pihak tetapi sbagai pengajaran kepada semua pihak. Terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Haji Abang Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, dalam siasatan kemalangan Nuri di sempadan Kelantan-Perak dan juga di Lundu, kita tidak ingin memberi satu gambaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa kemalangan ini tidak kena-mengena dengan teknikal. Sebenarnya technical aspect kedua-dua kapalterbang Nuri ini diambil beratkan oleh bukan sahaja Board of Enquiry tetapi kita pun ada mempunyai satu pihak independent enquiry dari luar negeri yang telah datang membuat pemeriksaan kepada serpihan dari kemalangan di kedua-dua tempat itu dan daripada hasil setakat ini kita telah rncndapat report bahawa ini tidak ada kena-mengena dengan teknikal dan

tidak ada kena-mengena dengan spare parts tiruan seperti yang dituduhkan oleh setengah suratkhbar itu,

Oleh itu Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah memberi satu gambaran pada hari itu bahawa kemungkinan cuaca adalah satu prime atau dengan, dengan izin, the sole cause of the accidem. Tetapi bagi kemalangan Nuri di Lundu, kita belum lagi menerima laporan sepenuhnya. Tetapi untuk kemalangan Nuri di Perak/Kelantan, selalunya Board of Inquiry akan membuat dan memperkemaskan reportnya dan report itu diberi kepada Panglima Tentera Udara.

Tuan Haji Ibrahim bin AH:  
(Bangun)

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Bcri saya habiskan explanation saya. Dari Panglima Tentera Udara, baru diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan selepas itu Menteri Pertahanan akan melaporkannya kepada Kabinet. Dan Kabinet akan memutuskan bahawa report itu patut diumumkan kepada public atau tidak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya menarik perhatian perkara tadi, sebab kalau dikatakan kemungkinan fmdingnya nanti bahawa seperti di Lundu, Sarawak masalahnya kerana cuaca, katanya. Maknanya itu, kemungkinan. Katakanlah kalau itu betul, anggapannya begitu, bermakna Nuri tidak boleh digunakan di Sarawak lagi, sebab tidak boleh melawan cuaca buruk maka tidak selamat digunakan. Jadi kalau itu nanti, apakah Nuri akan digunakan lagi? Kalau cuaca buruk tidak boleh diatasi oleh Nuri maka bahaya jika digunakan. Cuaca buruk ini boleh berlaku bila-bila masa sahaja bukan sahaja di Sarawak, di Pantai Timur, di utara yang bukit-bukau itu bahaya. Jadi apakah kalau keputusan

itu di p a t i bahawa oleh kerana cuaca buruk maka Nuri tidak boleh digunakan, sebab Nuri tidak ada upaya hendak melawan cuaca buruk. Macam mana?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Selalunya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cuaca, ada juga alasan-alasan lain yang melibatkan kemalangan seperti crew error dan sebagainya. Kalau tidak crew error, dia punya technical error bermakna enjinnyakah rosak atau benda-benda lain yang rosafc. Dan itu kita belum dapat report yang sepenuhnya lagi, dari itu saya tidak berani komen setakat ini berkenaan dengan kemalangan di Lundu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan akan sentiasa berhati-hati dalam mengumumkan setiap aktiviti-nya supaya maklumat yang diumumkan itu tidak dijadikan banan pubfisiti oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan sena ulasan saya kepada beberapa pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dr Goh Cheng Teik: (Bangun)

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustahpa: Mana-mana perkara yang mungkin tidak dijawab pada kali ini akan dikaji.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada lagi yang bangun. Nibong Tebal pula bangun.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat

menamatkan jawapan beliau, saya ingin minta sedikit penjelasan tentang peranan tentera Malaysia pada masa depan. Tadi, Yang Berhormat lelah mengatakan bahawa ancaman bersenjata komunis telah berakhir dan walau bagaimanapun rakyat harus berwaspada. Saya ingin bertanya Yang Berhormat sama ada beliau bersetuju bahawa pada masa depan memandangkan bahawa ancaman daripada pihak tertentu ini bukan ancaman bersenjata tetapi ancaman tidak bersenjata bahawa peranan yang diperlukan ialah peranan oleh Kementerian Dalam Negeri, kerana hendak lawan ancaman bukan bersenjata, barangkali pihak poliskah dan agensi lain di Kementerian Dalam Megeri lebih sesuai.

Tentang peranan tentera selepas berakhirnya ancaman komunis ini saraa ada Kerajaan akan mengkaji semula dengan tujuan mengurangkan saiz tentera kita dan mengurangkan perbelanjaan pertahanan kita dan dengan penjimatan ini wang yang dijamin itu boleh digunakan untuk pembangunan ekonomi dan sosial. Terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak berani beri jaminan kepada Yang Berhormat dari Nibong Tebal bahawa kita akan mengurangkan saiz Angkatan Tentera kita. Seperti dalam ucapan awal saya, saya mengatakan bahawa Kementerian Pertahanan sedang mengkaji penyusunan semula struktur Angkatan Tentera atau the structural organization of the Armed Forces as a whole. Kearah membentuk pasukan pertahanan yang lebih mantap berorientasikan teknologi tinggi termasuk penggunaan senjata yang lebih moden.

Selain daripada itu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa Kementerian Pertahanan khasnya

Angkatan Tentera Malaysia akan bekerjasama dan bekerja rapat bukan sahaja dengan pasukan Polis dan Kementerian Dalam Negeri bahkan dengan agensi-agensi yang lain untuk menjalankan tugas menjamin keamanan negara Malaysia kita dan mempertahankan negara kita diancam dari luar.

Sekali lagi terima kasih atas pertanyaan serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu dem: untuk kebaikan Kementerian Pertahanan khasnya dan negara amnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Kerjaya.

#### 6.28ptg.

Timbalan Menteri Kerjaya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya ambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan pembangunan infrastruktur, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa pembangunan infrastruktur jalanraya akan diteruskan menjadi aktiviti penting Kerajaan yang akan dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Kerjaya.

Menyentuh pembangunan jalanraya di Sabah dan Sarawak, suka saya mengemukakan di Dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi



hasrat Kementerian Kerjaraya untuk mempercepatkan lagi pembangunan jalanraya di kedua-dua negeri berkenaan yang mana telah disentuh di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang pentingnya keutamaan diberikan kepada kedua-dua negeri berkenaan. Ini untuk mengseimbangkan lagi pembangunan jalanraya kedua-dua negeri berkenaan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya menyedari perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Betong bahawa jalanraya ulama Sarawak masih mundur jika dibandingkan dengan jalan-jalan di Semenanjung Malaysia. Itulah sebabnya pembinaan jalanraya di negeri Sarawak akan dipertingkatkan lagi pada masa sekarang dan juga akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Kerjaraya untuk mengetar keseluruhan jalan utama di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam nanti.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang peruntukkan pembangunan jalan pula, adalah didapati bahawa peruntukkan yang diberikan kepada negeri Sarawak adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada negeri-negeri lain. Akan tetapi apa yang lebih penting ialah keupayaan untuk melaksanakan projek-projek tersebut yang telah pun diluluskan. Oleh kerana terdapat setengah-setengah projek jalanraya di Sarawak yang mana pembinaannya menemui kegagalan oleh kontrakter yang melaksanakannya. Dalam hubungan ini, Kementerian Kerjaraya telah mengambil langkah wajar untuk memastikan kontraktor-kontraktor yang mampu sahaja dilantik bagi pembinaan jalan-jalan utama.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*